

# CREATE



Januari - April 2016

Memasyarakatkan Teknologi



## PM rasmi kampus utama UMP dan penamaan **Canseleri Tun Abdul Razak**

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Anas  
menang dalam Pidato  
Antarabangsa  
Bahasa Melayu  
(PABM) Piala Perdana  
Menteri 2016



Pendidikan  
Fleksibal  
Amanat Tahunan  
Menteri Pendidikan  
Tinggi



# Kandungan



## 4 PM rasmi kampus utama UMP dan penamaan Canseleri Tun Abdul Razak



## 6 Anas menang dalam Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016



## 8 Muhammad Anas dinobatkan Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa

- 10 Pendidikan Fleksibel Amanat Tahunan Menteri Pendidikan Tinggi
- 12 Fokus Strategi UMP menjadi universiti teknologi terunggul
- 14 Bicara Pelan Strategik UMP 2016-2020 bersama NC
- 15 UMP terima dua tokoh CEO baharu
- 16 Dr. Hari kongsi pengalaman tentang Six Sigma dalam CEO@Faculty Programme
- 18 Kongsi amalan terbaik dengan pemenang AAN
- 19 10 pelajar bukan Cina cemerlang dalam Ujian Kefasihan bahasa Mandarin Peringkat Antarabangsa
- 20 Guru bahasa Jepun UMP diiktiraf
- 21 UMP buka pameran dalam 6 lokasi KPTN
- 22 Pertemuan dua hala FTeK-LJM bincang program teknologi kejuruteraan
- 23 Kajian UMP gunakan sisa enap kumbahan hasilkan batu bata S-BRICK
- 24 Inovasi UMP bantu pesakit lumpuh
- 25 25 penyidik sertai Kolokium Penyelidikan UMP dan Sapura
- 26 Penyelidik FSTI cipta Sistem Rawatan Air Mudah Alih Mesra Alam
- 27 Mahasiswa UMP cipta inovasi meluncur dalam TRIUMP
- 28 MP jalin hubungan baik dengan IPT Amerika Syarikat bagi memperkasa bidang Teknologi Kejuruteraan
- 29 UMP meterai MoU dengan Selahuiddin Eyyubi Universitesi (SEU)
- 30 UMP dan Iwate University perhebat kerjasama dalam bidang kejuruteraan
- 31 UMP jalin persefahaman dengan Micromidas Inc
- 32 UMP jalin kerjasama dengan Neopeutics dalam bidang Bioteknologi
- 33 UMP meterai kerjasama dengan ISN dan Silterra
- 34 Projek WBL POU-UMPH jalin kerjasama dalam bidang Sivil dan Pembinaan
- 35 UMP terima bantuan zakat pendidikan MUIP berjumlah 200 ribu
- 36 UMP terima sumbangan zakat BMB sebanyak 30 ribu untuk bantu mahasiswa
- 37 Bengkel Pelan Strategik UMP menjana kegemilangan
- 38 Buku Lean Manufacturing Tools menang di Iran
- 39 Lebih 500 jayakan Kempen Gaya Hidup Sihat
- 40 UMP cakna bantu kebajikan pelajar
- 42 UMP perkenal EAP bantu staf bangunan budaya cemerlang
- 43 Maulidur Rasul Peringkat UMP disambut meriah
- 44 Kolokium PPTI bincang tentang Infografik
- 45 Projek Kongsi Rezeki UMP Bantu Pelajar
- 46 Projek Pasar Percuma bantu penduduk Kuala Pahang
- 47 UMP jalin kerjasama baik dengan pengamal media
- 48 Peserta akademik empower ECER cemerlang dirai
- 49 Kursus Kejurulatihan *Certified* NLP bina keyakinan luar biasa
- 50 Jabatan Pendaftar anjur Hari Bertemu Pelanggan
- 51 Kongres Ketua Pentadbir Hal Ehwal Islam bincang isu kontemporari ummah
- 52 Klik-Klik Lensa
- 54 Warga UMP bantu sumbang keperluan bekalan tabung darah HTAA
- 55 Warga UMP menyaksikan Fenomena Gerhana Matahari
- 56 Penerbit UMP, MATDUM bakal terbit buku kompilasi kes tatatertib
- 57 Lebih 1,000 sertai Program Social Enterprise dalam Sehati
- 58 Perkongsian Kepakaran UMP bersama UniKL
- 59 UAE terima kunjungan UTMSPACE
- 60 Seminar keibubapaan tingkat motivasi pelajar
- 61 Pengekstrakan Herba melalui Teknik Enzim dan Ultrasonik
- 62 Kursus KTP Kindy bantu pengasuh tingkat kemahiran Bahasa Inggeris
- 63 UMP bantu guru tugas tingkat kemahiran berbahasa Inggeris
- 64 Warisan Sri Pujangga UMP raih Johan Dikir Barat
- 65 Duta Jauhar UMP menang anugerah gangsa
- 66 UMP laksana Misi Kemanusiaan ke Kemboja kali ke-4
- 67 Pelajar antarabangsa bergotong-royong bersihkan madrasah
- 68 Program Sehari Bersama OKU anjuran PERSIS suntik kesedaran
- 69 Program Mobiliti Enactus UMP merentas negara India
- 70 Pelajar FTeK berbasikal amal gaya hidup sihat
- 71 PERMATA UMP anjur program kepimpinan pelajar
- 72 *Neon Night Run* hayati keindahan alam
- 73 Mahasiswa jalin perkongsian pintar dengan pelajar SK LKTP Jengka 5
- 74 Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina penuh warna-warni
- 75 PEKA 2 anjur Minggu Kesedaran HIV
- 76 Bengkel Kewartawanan Kadet cungkil bakat mahasiswa
- 77 Hari Terbuka KK5 meriah
- 78 38 sukarelawan berbakti di Zoo Negara
- 79 400 sertai Larian Amal Penyayang
- 80 85 pemimpin pelajar sekolah timba pengalaman
- 81 86 pelajar SMK Ahmad sertai In-Team
- 82 T-REX tawan Puncak Gunung Berembun Cameron
- 83 Mahasiswa Kelab Penyayang ceriakan Penghuni Permata Al-Insyirah
- 84 Mini Karnival anjuran Duta Jauhar UMP meriah
- 85 Perpustakaan UMP jadi tumpuan pameran Legasi Kepimpinan
- 86 Perpustakaan anjur Forum Kemanisan Sebenar Dalam Kesihatan
- 87 Syahir Syahmi, Nik Afieza dinobatkan olahragawan dan olahragawati terbaik
- 88 30 mahasiswa T-REX sampai ke kemuncak Gunung Liang
- 89 Sumber Manusia
- 90 Pelantikan baharu/penyambungan Jawatan Giliran
- 94 Jejak Alumni
- 98 Terbitan Terkini
- 100 Rencana/Artikel Pilihan

# Sidang Editorial

## PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim  
daing@ump.edu.my

## KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim  
saifulbahri@ump.edu.my

## EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
safriza@ump.edu.my

## WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais  
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit  
mimirabita@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani  
sitaishah@ump.edu.my

Nadira Hana Ab. Hamid  
nadira@ump.edu.my

Hazlina Faizal  
haz@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta  
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris  
salwana@ump.edu.my

Shalfarina Shahrman  
shalfarinas@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK  
Azman Md Diah  
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid  
noorazhar@ump.edu.my



## JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin  
naufal@ump.edu.my

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
lin@ump.edu.my

## PENGEDARAN

Mohd Afendi Zamri  
maffendi@ump.edu.my

Muhammad Kairus Ibrahim  
kairus@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

## EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Aras Bawah, Anjung Selatan  
Canselori Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: safriza@ump.edu.my

Dari Meja  
Ketua Editor

## UMP ke fasa 'Menjana Kegemilangan'

Selamat tahun baharu buat semua pembaca *CREATE*. Pejam celik, *CREATE* kini sudah melangkah ke tahun 2016. Mengimbuai kenangan bermakna tahun 2015, banyak kenangan manis dicatat buat semua warga UMP. Kita semakin gagah melangkah seiring dengan semua Universiti Awam (UA) dengan pencapaian yang membanggakan di dalam mahupun luar negara.

Pada bulan Februari 2016, melakarkan sejarah buat UMP dengan perasmian kampus utama UMP di Kuala Pahang, Pekan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Pada kunjungan itu, beliau turut mengumumkan penamaan semula Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama UMP sebagai Canselori Tun Abdul Razak bagi mengenang jasa, sumbangan dan perkhidmatan cemerlang Allahyarham Tun Abdul Razak.

Selain itu, UMP sedang beralih ke fasa 'Menjana Kegemilangan' yang bermula sehingga 2020. Kegemilangan ini kelak akan menjadikan UMP sebuah universiti teknologi terunggul dengan menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi kreatif dan inovatif yang memaksimumkan potensi insan untuk manfaat masyarakat. Bertemakan 'Menjana Kegemilangan', Pelan-Strategik UMP 2016-2020 memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Kelestarian Penyelidikan dan Inovasi, Kemampunan Sosioekonomi dan Persekitaran juga Keunggulan Jenama UMP sendiri.

Malah, baru-baru ini, UMP berpeluang berkongsi pengalaman dan menyelami cabaran kepimpinan dengan Pengarah Urusan Operasi Pulau Pinang Motorola Solutions, Dr. Hari Narayan menerusi syarahan umum beliau bertajuk '*Driving Six Sigma Quality in Industry*'. UMP berbesar hati dengan kedatangan beliau yang memainkan peranan penting sebagai peneraju kepada kemajuan teknologi komunikasi masa depan.

Terbaharu, kita juga berbangga kerana UMP dipilih sebagai tuan rumah mewakili semua Universiti Awam (UA) bagi menjayakan acara berprestij peringkat kebangsaan dalam penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2015. Tahniah kepada pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Muhammad Anas Misbahudin yang menerima anugerah tertinggi iaitu Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi apabila menang Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa. Tidak lupa juga sekali tahniah kepada pelajar UMP sendiri, Royzaib Sugian Bambang Sugian yang menerima Anugerah Pemimpin Badan Beruniform Terbaik. Majlis gilang-gemilang dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh bukan sahaja menaikkan nama UMP, malah sebahagian daripada suntikan dan rangsangan yang berkesan kepada para mahasiswa bagi mengilap bakat dan menyerlahkan potensi mereka dalam pelbagai lapangan yang konstruktif, positif dan menambah nilai untuk dicontohi mahasiswa lain.

Di samping itu, UMP juga berbangga dengan kemenangan pelajar antarabangsa yang berasal dari negara Iraq, Anas Mohamad Husain Kassim apabila berjaya meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016. Tahniah diucapkan! UMP juga terus mendapat perhatian dunia apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Selehuiddin Eyyubi Universiti (SEU), Turki, Provost University of Houston (UH), Neopeutics InCorporation (Neopeutics), Iwate Universiti (IU), Jepun, dan Micromidas Inc, California, Amerika Syarikat.

Di akhir tinta, terima kasih Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) atas sumbangan zakat perniagaan berjumlah RM30 ribu dan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas sumbangan zakat pendidikan sebanyak RM 200 ribu dalam usaha membantu mahasiswa kurang berkemampuan. Diharapkan UMP terus mencipta kejayaan seperti mana yang dilaksanakan saban tahun.

Saiful Bahri Ahmad Bakarim



## PM rasmi kampus utama UMP dan penamaan Canseleri Tun Abdul Razak

Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak merasmikan kampus utama Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terletak di Kuala Pahang Pekan pada 21 Februari 2016 yang lalu.

UMP yang ditubuhkan sejak 14 tahun lalu berjaya mengubah landskap sosioekonomi setempat penduduk di Kuala Pahang yang dahulunya dikenali sebagai perkampungan nelayan.

Kini, masyarakat setempat di sini boleh berbangga dengan kewujudan sebuah kampus yang canggih dengan kehadiran ribuan mahasiswa dan staf UMP yang dapat memberi limpahan peluang penjana pendapatan melalui pertambahan kegiatan ekonomi seperti jualan makanan, sewaan rumah dan perkerjaan malahan kepakaran penyelidikan yang ada di UMP telah turut memberi manfaat kepada pembangunan setempat.

Dalam ucapannya, beliau memberi penekanan terhadap empat perkara iaitu pembangunan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik manakala kedua membangunkan budaya berinovasi dalam kalangan warga universiti.

Selain itu, pembangunan keusahawanan dan kebolehan berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris perlu dikuasai dengan tahap profesional yang tinggi.

Beliau juga mengharapkan agar empat

universiti teknikal yang terdapat di negara ini iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan UMP sendiri kekal tanpa menambah fakulti-fakulti lain yang tidak berasaskan kepada pendidikan teknikal.

"Malahan, sekiranya ada kemampuan akan terdapat pertambahan universiti-universiti teknikal dalam negara," ujar beliau semasa merasmikan kampus utama UMP Pekan di Kompleks Pentadbitan Utama.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP tidak hanya meletakkan sasaran untuk menjadi sebuah universiti yang memiliki kecemerlangan akademik dan penyelidikan, tetapi juga peranan signifikannya sebagai agen transformasi sosioekonomi masyarakat turut menjadi keutamaan pihak pengurusan universiti ini.

"Pembangunan Kompleks Makanan Laut yang sedang dilaksanakan dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan program Empower ECER Mahkota menggunakan tenaga profesional UMP dalam memberi latihan keusahawanan, kemahiran dan akademik kepada kelompok sasaran yang terpilih dari kalangan masyarakat tempatan luar bandar ini pastinya merencanakan perkembangan pembangunan

ekonomi penduduk," katanya.

Tambah beliau, tumpuan turut diberikan oleh UMP bersama ECERDC untuk mentransformasi landskap fizikal di perkampungan nelayan Kuala Pahang melalui projek Kompleks Makanan Laut dan Pusat Pemprosesan Hasil Laut.

Pada kunjungan Dato' Sri Najib pada kali ini, beliau turut mengumumkan penamaan semula Bangunan Kompleks Pentadbitan Utama UMP sebagai Canseleri Tun Abdul Razak bagi mengenang jasa, sumbangan dan perkhidmatan cemerlang Allahyarham Tun Abdul Razak Tun Hussein sebagai putera kelahiran Bandar Diraja Pekan yang digelar Bapa Pembangunan Malaysia tatkala meyardang jawatan Perdana Menteri antara tahun 1970 hingga 1976.

Pengabadian nama Allahyarham Tun Abdul Razak pada bangunan ini merupakan suatu bentuk pengiktirafan UMP terhadap peranan besar yang telah diberikan oleh beliau untuk mentransformasi landskap pendidikan, ekonomi, sosial dan politik Malaysia sepanjang hayatnya.

Turut berlangsung pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara Profesor Dato' Dr. Daing Nasir yang mewakili UMP dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dato' Haji Mohd. Paiz Kamaruzaman.



Dalam kerjasama ini pihak JNP akan menyumbang benih pokok yang bersesuaian dalam menjayakan inisiatif penghijauan kampus universiti.

Manakala kerjasama dengan The New Straits Times (NSTP) yang diwakili Pengurus Kumpulan Pengarang NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid menyaksikan jaringan kerjasama strategik dalam berkongsi kepakaran menerusi bidang penerbitan, media dan komunikasi dalam meningkatkan hubungan dua hala bagi aktiviti penjenamaan dan Program Khidmat Sosial dan Inovasi (CSI).

Dato' Sri Najib turut menyaksikan Sumbangan Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Dato' Seri Jebasingam Issace John kepada seramai 12 orang usahawan yang dilahirkan menerusi program empower ECER Mahkota.

Para peserta menerima dana dalam bentuk barangan keperluan perniagaan hasil inisiatif melibatkan pihak ECERDC, UMP Advanced Education (UAE) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Menerusi peruntukan khas daripada TERAJU ini ianya dapat membantu peserta Program Latihan Kemahiran & Keusahawanan dalam mengembangkan perniagaan mereka seterusnya dapat diiktiraf sebagai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dapat



menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada masa akan datang.

Majlis turut dihadiri Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Dato' Profesor Asma Ismail.

Bersempena dengan itu UMP turut melancarkan buku 'Permata di Hujung Muara' dan Pameran Legasi Kepimpinan Tun Abdul Razak dan Dato' Sri Najib yang genap 40 tahun melibatkan diri dalam arena politik tanah air.

**Masyarakat setempat di sini boleh berbangga dengan kewujudan sebuah kampus yang canggih dengan kehadiran ribuan mahasiswa dan staf UMP yang dapat memberi limpahan peluang penjana pendapatan melalui pertambahan kegiatan ekonomi seperti jualan makanan, sewaan rumah dan perkerjaan malahan kepakaran penyelidikan yang ada di UMP telah turut memberi manfaat kepada pembangunan setempat.**





# Anas

## menang dalam Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016

Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Anas Mohamad Husain Kassim yang berasal dari negara Iraq membanggakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila berjaya meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2016 di Putrajaya pada 26 Mac 2016 yang lalu.

Beliau yang bertanding bagi kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia telah membawa pulang membawa pulang wang tunai RM8,000, piala iringan, set kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan sijil penyertaan.

Menurut Anas, 26, beliau amat bersyukur dengan kemenangan ini kerana ianya merupakan penyertaan kali kedua sejak tahun lepas dalam menceburi bidang pidato namun tidak menyangka pada tahun ini kemenangan berpihak kepadanya yang layak sehingga ke peringkat akhir.

“Terima kasih kepada UMP yang memberi peluang kepada saya dan tidak lupa juga

kepada Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Siti Muslihah Isnain serta rakan-rakan yang banyak memberi dorongan dalam kejayaan ini,” katanya.

Pada peringkat akhir ini Anas memilih tajuk ‘Keamanan Dunia’ kerana mengenangkan negara asalnya yang tidak pernah aman sejak tahun 2004. Beliau begitu sukakan negara Malaysia dengan keamanan dan kepelbagaian kaum yang hidup bersatu padu.

Di akhir pidatonya, beliau turut mengharapkan semoga bumi kelahirannya Iraq kembali aman, kanak-kanak boleh bermain dengan bebas dan semua dapat hidup bermuafakat dan para pemimpin saling berjabat tangan.

Menurut pelajar Sarjana Kejuruteraan Awam ini dalam membuat teks pidato, beliau cuba menggunakan perkataan yang mudah dan senang disebut. Sekiranya terdapat perkataan yang susah disebut, Anas akan mengulang perkataan tersebut sehingga

mendapatkan bunyi yang betul, terutamanya perkataan yang ada mengabungkan huruf ‘ng’ sebagai contoh mengejar.

Malahan sebagai persediaan, Anas telah memulakan latihan ini sejak awal bulan Mac lagi dan pada masa yang sama beliau perlu membahagikan masa dalam pengajian dan latihan.

Anak pasangan Profesor Muhamad Husain Kassim Albazirgan dan Balsam Adnan ini berkata, beliau berhasrat untuk menyimpan wang hadiahnya yang bernilai RM8,000 ini untuk kegunaan masa hadapan.

Beliau yang bercita-cita untuk menyambung pelajaran sehingga ke peringkat Doktor falsafah dan menjadi pakar bahasa. Kini beliau boleh menguasai empat jenis bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Perancis.

Bagi tempat pertama dan kedua kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia telah dimenangi oleh Abdalla Hassan Gharib yang berasal dari Tanzania mewakili Universiti



Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan membawa pulang wang sebanyak RM20,000, Piala Pusangan, set kamus DBP, piala iringan, sijil penyertaan manakala Nasear Slayman dari Kemboja yang mewakili Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) membawa pulang wang sebanyak RM12,000, piala iringan, set kamus DBP dan sijil penyertaan.

Selain kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia, turut dipertaruhkan dalam PABM 2016 ialah kategori Alam Melayu dan kategori Antarabangsa.

Majlis perasmian telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Hadir sama isteri Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.



**Pada peringkat akhir ini Anas memilih tajuk 'Keamanan Dunia' kerana mengenangkan negara asalnya yang tidak pernah aman sejak tahun 2004. Beliau begitu sukakan negara Malaysia dengan keamanan dan kepelbagaian kaum yang hidup bersatu padu.**



## Muhammad Anas dinobatkan Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa

Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muhammad Anas Misbahudin menerima anugerah tertinggi Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi apabila menang Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa dalam penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2015 yang berlangsung pada 23 April 2016 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang.

Hasil kejayaan program UniSZA Merentas Sempadan Aceh dan *1st Malaysian Students Global Policy Symposium 2015* melayakkan Anas yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan kepujian dipilih sebagai pemenang.

Dengan kemenangan ini Anas membawa pulang hadiah utama sebuah motosikal Honda Wave 110 cc berserta wang tunai lima ribu ringgit, trofi dan sijil penghargaan daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching, Ketua Setiausaha KPT, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Dato' Profesor Dr. Asma Ismail, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Seri Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Manakala pemenang Tokoh Sukarelawan Siswa dinobatkan kepada Siti Zurianah Ismail yang sedang mengikuti Pengajian Pengurusan

daripada Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Misi Sukarelawan Siswa Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) ke Green Summer Volunteer Vietnam 2015 dan Asean Laos 2015. Beliau juga memenangi Anugerah Sukarelawan (Terbuka) Terbaik.

Penganjuran kali ketiga ini mempertandingkan 19 anugerah termasuk sembilan kategori kepimpinan melibatkan Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik yang dimenangi Muhammad Hafiz Abdul Rahman dari USM), Anugerah Pemimpin Kelab/Persatuan Terbaik (Shazreena Ishak dari Universiti Teknologi MARA), Anugerah Pemimpin Program Inovasi Terbaik (Mohd. Fikri Mohd. Jumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia), Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik (Iqlima Balqis Adham dari Universiti Sains Islam Malaysia), Anugerah Pemimpin Badan Beruniform Terbaik (Royzaib Sugian Bambang Sugian dari UMP), Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Terbaik (Mai Izyani Haji Abd. Rani dari UKM), Anugerah Pemimpin Pengucapan Awam Terbaik (Abdul Muiz Mustafa dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan Anugerah Pemimpin Harapan (Muhammad Faez Idrus dari UniKL MIAT).

Bagi kategori kesukarelawan mempertandingkan tujuh anugerah iaitu Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik (Nurain Zakiah Md. Hafizi dari USIM), Anugerah Sukarelawan Pembangunan Bela

Terbaik (Nur Fatin Nabila Abd. Rahman dari UniSZA), Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik (Nurul Ain Syahirah Rosli dari USM), Anugerah Pemimpin Program Sukarelawan Terbaik (Muhammad Fathi Marzuki dari UM), Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik dimenangi Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya (UM) dan Anugerah Sukarelawan Harapan oleh Nur Syafiah Athirah Ahmad Shafique dari UiTM.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, pelaksanaan acara berprestij seperti Majlis Anugerah Tokoh Siswa di kampus ini merupakan sebahagian daripada suntikan dan rangsangan yang berkesan kepada para mahasiswa untuk menggilap bakat dan menyerlahkan potensi mereka dalam pelbagai lapangan yang konstruktif, positif dan menambah nilai untuk dicontohi oleh rakan sebaya mereka.

"Dalam universiti ini sendiri Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UMP dan Majlis Perwakilan Pelajar telah diberikan ruang dan parameter yang khusus dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 untuk melaksanakan pelbagai inisiatif, projek dan aktiviti bina upaya mahasiswa dalam pelbagai lapangan selaras dengan aspirasi UMP untuk menjadi sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2020," katanya.

Ujar beliau, tumpuan strategik diberikan kepada pengupayaan mahasiswa melalui aktiviti berteraskan kreativiti dan inovasi





dengan manfaat sosioekonomi sejajar dengan tagline 'Memasyarakatkan Teknologi' yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

"Dengan itu, keupayaan bakat, pengetahuan, kemahiran dan kepakaran universiti ini dalam penyelidikan pelbagai lapangan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi dapat dioptimumkan penggunaannya melalui penganjuran projek-projek yang menambah nilai kepada masyarakat setempat dan sejagat, selaras dengan komitmen sosial UMP sebagai sebuah 'Universiti Komuniti'.

"Dalam konteks tersebut, pengalaman yang diperoleh melalui gerak kerja kemahasiswaan adalah juga sebahagian daripada proses pembelajaran sebagaimana yang diaspirasikan pihak KPT melalui pelaksanaan sistem iCGPA," ujar beliau.

Mahasiswa UMP, Royzaib Sugian Bambang Sugian yang mengikuti pengajian Sarjana Muda (Kepujian) Sains Gunaan Teknologi Bahan berbangga dengan pencapaian apabila dinobatkan Anugerah Pemimpin Badan Beruniform Terbaik.

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pegawai Memerintah (CO) bagi Unit Beruniform Palapes Laut UMP dan pernah menjadi Pegawai Perbarisan Kawalan Kehormat Istiadat Majlis Konvokesyen UMP bagi tahun 2015 selain pernah dianugerahkan Pegawai Kadet Terbaik Palapes Laut pada tahun 2015

juga memperoleh pedang kehormat daripada DYMM Sultan Selangor.

Beliau juga aktif dalam aktiviti kesukarelawanan banjir dan kebudayaan termasuk dianugerahkan Pelakon Harapan Terbaik dalam Festival Teater pendek di Negeri Sembilan baru-baru ini.



## Pendidikan Fleksibal Amanat Tahunan Menteri Pendidikan Tinggi

Bertemakan *Pendidikan Fleksibal* mampu merubah landskap pendidikan tinggi negara apabila akses pendidikan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa tanpa mengira tempat dan untuk semua lapisan masyarakat.

Dalam menyampaikan ucapan, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berkata, tahun 2015 merupakan tahun lahirnya istilah *'Soaring Upwards'* yang membawa maksud peningkatan berterusan dengan kejayaan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dalam pelbagai bidang termasuklah pencapaian cemerlang politeknik dan kolej komuniti.

"Tahun lalu juga menyaksikan Malaysia sebagai tuan rumah penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 selaku pengerusi ASEAN, Kuala Lumpur Declaration on Higher Education dibentangkan dan diterima semua ahli negara ahli ASEAN.

"Malaysia bakal menerajui dua bidang utama iaitu *Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Mobility melalui Quality Assurance*," katanya yang berucap di Dewan Zaaba, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya pada 18 Januari 2016 yang lalu.

Menurut beliau penerimaan deklarasi bersejarah ini sangat bermakna kepada ASEAN KOMUNITI di mana pendidikan tinggi sebagai penggerakannya.

Menyentuh mengenai cabaran ekonomi dan kewangan tahun 2016 ini beliau mengingatkan warga KPT dan IPT perlulah sentiasa komited, bersatu dan terus berusaha gigih untuk membela nasib rakyat dalam memastikan program pendidikan tinggi terus dilaksanakan.

Pada masa yang sama, beliau turut menyeru warga IPT untuk terus mengambil langkah proaktif dan kreatif dalam menjana pendapatan selaras dengan Lonjakan Lima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) termasuk mengukuhkan jalinan alumni dalam dan luar negara, membuka potensi aset, mewujudkan ekosistem keusahawanan, mewujudkan sistem kewangan wakaf dan endowmen serta meningkatkan pengkomersilan idea.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir yang hadir dalam majlis amanat berkata, pihak KPT turut berhasrat mengarusperdanakan pendidikan TVET yang merupakan salah satu fokus utama tahun 2016 ini selaras dengan Lonjakan 4 PPPM(PT) dalam melahirkan graduan TVET yang berkualiti.

Mengulas mengenai perkara ini katanya, di bawah RMK11, 45 peratus (225,000) pelajar lepasan SPM disasarkan memasuki bidang TVET menjelang 2020 dan jumlah ini akan meningkat kepada 301,000 menjelang 2025

manakala 1.5 juta pekerjaan berasaskan TVET juga diwujudkan menjelang 2020 dan menggambarkan pentingnya TVET dalam landskap pembangunan negara.

Ujar Dato' Dr. Daing Nasir, UMP bersama-sama Jaringan Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti TVET di peringkat pendidikan tinggi, terutamanya dalam melahirkan graduan TVET yang bukan sahaja berkualiti malah berinovasi.

"Dalam melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, kerajaan juga memulakan projek rintis *Integrated Grade Point Average (iCGPA)* yang berfungsi sebagai mekanisma pentaksiran dan pelaporan dalam bentuk *Spider Web* dalam mengambil kira pembangunan pelajar dari segi adab, keilmuan dan keupayaan merentasi lapan domain tertentu," katanya.

Justeru katanya, setiap universiti perlu melakukan transformasi reka bentuk kurikulum agar lebih komprehensif, relevan dan bersedia memenuhi keperluan iCGPA ini, termasuklah elemen kesukarelawan yang memberi peluang pelajar menyumbang kepada masyarakat dan meningkatkan kualiti

# TUSAN

# IDRIS BIN JUSO

# DIDIKAN TINGGI



kehidupan rakyat.

Turut ditekankan dalam amanat, peranan pensyarah dan pegawai sokongan yang merupakan nadi dan roh kepada pendidikan tinggi. Seperti yang digariskan dalam *Lonjakan 2 PPPM (PT) iaitu Kecemerlangan Bakat*, pihak KPT telah menurunkan kuasa autonomi kepada universiti awam dalam melaksanakan empat laluan kerjaya iaitu pengajaran, penyelidikan, kepimpinan institusi dan pengamal profesional yang memberi laluan terhadap peluang untuk merancang masa depan kerjaya masing-masing.

Dalam masa yang sama IPT juga diminta memberi tumpuan terhadap kerjasama inovasi yang membawa kepada pengkomersialan idea dengan memberi perkhidmatan sebagai perunding pakar dan *solutions provider* kepada industri dengan menyampaikan latihan, menerbitkan buku dan menjalankan kontrak penyelidikan.

Pihak KPT juga sedang menyediakan buku panduan bagi membantu IPT mentransformasi penyampaian pendidikan tinggi yang memfokuskan governan dan kecekapan Lembaga Universiti; produktiviti dan kewangan; trek kerjaya dan pembangunan kepimpinan; pengurusan prestasi dan pelaporan kewangan serta penjana dana

dan endowmen yang membolehkan UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti membangunkan dan memantapkan pelan transformasi masing-masing.

**Setiap universiti perlu melakukan transformasi reka bentuk kurikulum agar lebih komprehensif, relevan dan bersedia memenuhi keperluan iCGPA ini, termasuklah elemen kesukarelawanan yang memberi peluang pelajar menyumbang kepada masyarakat dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.**

# Fokus Strategi UMP menjadi universiti teknologi terunggul

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sedang beralih ke fasa 'Menjana Kegemilangan' yang bermula tahun ini sehingga 2020. Kegemilangan hasilnya kelak akan menjadikan universiti ini sebuah universiti teknologi terunggul dengan menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi kreatif dan inovatif yang memaksimumkan potensi insan untuk manfaat masyarakat.

Dengan menjadikan UMP sebuah universiti terunggul ianya adalah satu wawasan yang melewati kedudukan bertaraf dunia. Malah hasratnya jelas untuk UMP mampu menonjolkan dirinya berbanding universiti-universiti lain yang bertaraf dunia.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, lima objektif ditetapkan dalam merealisasikan hasrat ini iaitu, pertama menzahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat yang membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekosistem universiti yang dinamik.

"Keduanya membina kewangan yang mampan demi kelestarian universiti dan ketiga menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berteraskan teknologi demi memastikan

kelestarian bakat dan bidang fokus penyelidikan. Dua lagi adalah menjadi wadah kemampan pembangunan sosioekonomi, persekitaran dan masyarakat dan membina jenama yang menjadi pilihan masyarakat," katanya yang menyampaikan Amanat Naib Canselor di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 17 Februari 2016 yang lalu.

Dato' Dr. Daing berkata, sebagai sebuah Universiti Awam (UA), UMP perlu menghayati realiti dan aspirasi nasional dan pada masa yang sama, turut inovatif dan kreatif bergerak kerja dalam iklim global, skop dan sempadan autonomi yang kita miliki.

"Justeru, dasar-dasar utama di peringkat nasional yang meliputi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia Ke-11 dan Bajet 2016 turut terhitung dalam formulasi strategi, tindakan dan inisiatif di peringkat UMP bermula tahun 2016 ini.

"Usaha dan respon kepada intipati Amanat Tahun Baharu 2016 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh yang bertajuk 'Pendidikan Fleksibel' pada 18 Januari yang lalu perlu turut diberikan perhatian.

"Terdapat enam dimensi cabaran yang

dikemukakan beliau untuk diteliti kita semua secara strategik iaitu pertama, ekonomi dan kewangan; kedua, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET); ketiga, pelajar; keempat, pensyarah; kelima, kerjasama industri-akademia-komuniti-kerajaan; dan keenam, penyelidikan," ujar beliau.

Selain itu katanya, dalam konteks cabaran ekonomi dan kewangan, UMP telah pun memulakan inisiatif *MyGift* sebagai pemacu sistem kewangan wakaf dan endowmen sepertimana yang dihasratkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi.

"Begitu juga dengan cabaran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pula, UMP juga telah mengorak langkah mengembangkan potensinya dalam bidang Teknologi Kejuruteraan (*Engineering Technology*) sebagai inisiatif sokongan terhadap ekosistem TVET nasional secara berkualiti dan berinovasi.

"Dalam konteks cabaran kebajikan pelajar pula, sebelum berlakunya polemik berhubung isu mahasiswa lapar baru-baru ini, UMP telah pun memulakan inisiatif-inisiatif yang memelihara kesejahteraan pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik.

"Program Kongsi Rezeki, yang menawarkan set makan tengah hari kepada mahasiswa



dengan harga serendah RM 1.00 semasa musim peperiksaan, iftar jama'i'e dalam bulan Ramadan, kupon makanan, pengagihan zakat dan pelbagai bantuan lain yang diusahakan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) untuk meringankan beban pelajar.

“Pada masa yang sama, peluang kerja sambilan dan aktiviti keusahawanan turut terbuka luas di UMP bagi membantu para mahasiswa menjana pendapatan sampingan,” katanya.

Sementara itu, beliau turut mengutarakan beberapa ciri yang harus digunakan sebagai rujukan dalam usaha menjana kegemilangan iaitu inisiatif bernilai tinggi yang membawa kesan yang besar kepada pemegang taruh iaitu masyarakat. UMP juga perlu menjadi unik, istimewa atau luar biasa (tidak mudah didapati) sama ada dari aspek produk atau projek itu sendiri mahu pun *business model* yang ditampilkan.

Turut diberi perhatian sikap tidak mudah ditiru di mana sebarang cubaan meniru apa yang kita miliki atau lakukan hanya mengeluarkan hasil imitasi yang kurang sempurna dan tiada gantian di mana nilai tambah yang kita tawarkan tidak dapat diganti dengan produk atau perkhidmatan lain.

Dato' Dr. Daing Nasir juga mengumumkan

tiga projek khusus (*flagship*) akan dimulakan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016 - 2020 iaitu pertamanya Pendidikan teknologi ala Jerman yang mana setiap fakulti harus mempunyai sekurang-kurangnya satu program bercorak Jerman, ala Jerman atau kerjasama dengan institusi di negara Jerman.

Manakala projek kedua adalah Inovasi sosial yang merupakan gerakan usaha kerja amal kemasyarakatan dan pemindahan pengetahuan atau ilmu ke peringkat yang seterusnya. Sifatnya harus berimpak tinggi dan skop penerima manfaat yang luas. Projek Universiti Komuniti (*Community University*) adalah gerakan besar-besaran UMP untuk memasyarakatkan universiti melalui pengetahuan dan teknologi dan ketiga pengurusan kaedah enterprais. Pengurusan prestasi (produktiviti, keberkesanan, kecekapan), pelan himpunan bakat penggantian, pengurusan risiko, ganjaran berasaskan prestasi dan sebagainya.

Majlis Amanat Naib Canselor dihadiri lebih 5,000 warga universiti. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni),

Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Madyasir Ahmad Basir.

Majlis juga diserikan dengan sambutan ulang tahun UMP yang ke-14 dengan acara memotong kek beramai-ramai diketuai Naib Canselor serta diiringi nyanyian kumpulan koir.

**Dengan menjadikan UMP sebuah universiti terunggul ianya adalah satu wawasan yang melewati kedudukan bertaraf dunia. Malah hasratnya jelas untuk UMP mampu menonjolkan dirinya berbanding universiti-universiti lain yang bertaraf dunia.**



## Bicara Pelan Strategik UMP 2016-2020 bersama NC

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi dengan lebih kreatif serta inovatif yang dapat memanfaatkan masyarakat dan negara.

Bertemakan Menjana Kegemilangan, Pelan Strategik UMP 2016-2020 memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Kelestarian Penyelidikan dan Inovasi, Kemampuan Sosioekonomi dan Persekitaran juga Keunggulan Jenama UMP sendiri.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pembentukan kurikulum akademik yang akan dihasilkan haruslah lebih inovatif dengan disokong oleh staf yang kompeten dan profesional serta infrastruktur akademik yang efisien berorientasikan keperluan masyarakat.

"UMP berperanan menzahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat serta membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekosistem universiti yang dinamik.

"Begitu juga dengan penghasilan penyelidikan yang harus berteraskan teknologi demi memastikan kelestarian bakat yang turut memanfaatkan kepada masyarakat dan persekitaran," katanya.

Selain itu, dalam usaha melestarikan kewangan universiti usaha akan diteruskan terhadap penjana pendapatan dan meningkatkan pelaburan serta mewujudkan persekitaran yang dapat menyokong terhadap kelestarian universiti.

Beliau berkata demikian semasa dalam pertemuannya bersama ketua-ketua jabatan dan golongan pentadbir yang membicarakan tentang Pelan Strategik UMP 2016-2020 di Ancasa Royale Hotel di Pekan anjuran Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK) pada 2 Februari 2016 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail.

Penyediaan draf pelan strategik ini telah melalui proses tinjauan pendapat, perbincangan, kajian lapangan dan beberapa siri bengkel yang melibatkan warga UMP di pelbagai peringkat sejak Oktober tahun lalu.

Pelan Strategik UMP 2016-2020 ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik UMP 2011-2015. Ianya juga menandakan bermulanya fasa Ke-4 perancangan strategik UMP yang telah diasaskan semenjak penubuhannya pada tahun 2002.





## UMP terima dua tokoh CEO baharu



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima dua tokoh CEO baharu yang dilantik pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menjayakan Program *CEO Faculty Programme*.

Mereka adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Dato' Seri Haji Saripuddin Haji Kasim yang dilantik di bawah kluster penjawat awam dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir. Azman Mohd yang mewakili syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

Watikah pelantikan disampaikan Menteri KPT, Dato' Seri Idris Jusoh dalam Majlis Apresiasi dan Watikah Pelantikan *CEO Faculty Programme* yang berlangsung di Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 15 Mac 2016 yang lalu.

Hadir sama dalam majlis, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, dengan pelantikan kedua-

dua tokoh ini menjadikan universiti ini mempunyai seramai tiga tokoh CEO yang akan berkongsi pengalaman dan kepakaran untuk dimanfaatkan mahasiswa universiti ke arah memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara.

"Ketika ini universiti telah menerima Pengarah Urusan Motorola Solutions Sdn. Bhd. iaitu Dr. Hari Nayaranan yang telah menyampaikan syarahan serta berkongsi kepakaran dengan para pensyarah dan mahasiswa UMP dengan mencapai 25 jam pertemuan.

"Program *CEO@Faculty* ini membolehkan mahasiswa berinteraksi dengan tokoh-tokoh industri dalam meningkatkan pengetahuan dan pengumpulan maklumat yang dapat memberikan peluang kepada warga universiti ini untuk menimba pengalaman daripada CEO yang dijemput.

"Selain itu, syarahan umum yang menjadi saranan KPT ini juga bertujuan mengabungkan pengalaman dan pengetahuan di antara pengamal industri dan golongan akademik," katanya.



## Dr. Hari kongsi pengalaman tentang *Six Sigma* dalam CEO@Faculty Programme

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI

Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang berkongsi pengalaman dan menyelami cabaran kepimpinan dengan Pengarah Urusan Operasi Pulau Pinang Motorola Solutions iaitu Dr. Hari Narayanan yang memainkan peranan yang penting dalam syarikatnya sebagai peneraju kepada kemajuan teknologi komunikasi masa depan.

Dr. Hari Narayanan menyampaikan syarahan bertajuk *Driving Six Sigma Quality in Industry* dalam penganjuran CEO@Faculty Programme yang dianjurkan pihak UMP

bersempena Hari Terbuka UMP pada 9 Mac 2016 yang lalu.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim serta pensyarah dan mahasiswa universiti.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, syarahan umum yang menjadi saranan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertujuan mengabungkan pengalaman dan pengetahuan di antara industri dan pengamal akademik

"Program *CEO@Faculty* ini membolehkan mahasiswa berinteraksi dengan tokoh-tokoh industri dalam meningkatkan pengetahuan dan pengumpulan maklumat yang dapat menyediakan mereka peluang untuk melihat perkara-perkara dari praktikal perspektif melalui penilaian langsung mereka yang tidak ternilai pengalaman CEO yang dijemput.

Inisiatif ini dilihat dapat mencapai lonjakan strategik dalam rangka Pelan Strategik UMP 2016-2020 iaitu keunggulan akademik dan menahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan industri," katanya dalam program yang berlangsung di Dewan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP Pekan.

Menurut beliau, program sebegini memberi peluang kepada mahasiswa untuk berkongsi pengalaman sebenar seorang CEO

dalam memimpin syarikat.

"Teori yang mereka pelajari dalam bilik kuliah atau makmal serta pengkuliahan dari pensyarah sahaja tidak mencukupi berbanding dengan pengalaman berada dalam situasi industri yang sebenar," katanya.

Sementara itu, Dr. Hari berkata, *Six Sigma* adalah satu proses tersusun yang membantu kita untuk fokus membuat dan mengeluarkan produk atau servis yang sempurna.

"Tujuan *Six Sigma* adalah untuk memenuhi kehendak pelanggan dengan cara memberikan produk/servis yang menepati kemahuan mereka melalui cara yang lebih efisien dan sempurna.

"Pendekatan *Six Sigma* yang digunakan dalam industri dapat menyelesaikan masalah, isu yang kritikal, penyelesaian produktiviti dan meningkatkan prestasi.

"Kualiti sentiasa menjadi keutamaan saya supaya produk yang dihasilkan tidak sesekali mengecewakan pelanggan saya," katanya.

Dr. Hari Narayanan merupakan Pengarah Urusan Motorola Solution Penang Malaysia Sdn.Bhd. Beliau berpengalaman selama 23 tahun bersama Motorola dan telah memegang beberapa jawatan penting sepanjang perkhidmatannya dengan Motorola.

Peserta program, Nursyahira Mat





Hussain, 20, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang merupakan pelajar tahun 1 berpendapat syarahan umum ini dapat memberikannya banyak maklumat yang bermanfaat sekaligus membantu memahami situasi sebenar pratikaldi dunia pekerjaan sebenar berbanding praktikal serta teori di makmal sahaja.

Begitu juga dengan Wan Ummu Najla Wan Saffiee, 20 dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) berkata, penerangan yang disampaikan berbentuk interaktif sangat menarik dan menjadikan Motorola sebagai contoh dapat memberikan gambaran yang jelas dalam meningkatkan pemahaman mahasiswa.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob.

Syarahan yang disampaikan Dr. Hari ini menjadi pencetus kepada mahasiswa yang dapat menyumbang pembangunan bakat tempatan terutama dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Malahan turut menjadi pemangkin kepada pembangunan dan perkembangan teknologi baharu dalam bidang telekomunikasi dan juga pembuatan.





## Kongsi amalan terbaik dengan pemenang AAN

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN

Perkongsian pengalaman amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan pemenang Anugerah Akademik Negara (AAN), Profesor Madya Ir. Hayati Abdullah begitu menarik perhatian peserta program untuk mengetahui kaedah penyampaian yang bertenaga dan berinformasi kepada pelajar.

Profesor Madya Ir. Hayati yang menerima anugerah pada tahun 2010 bagi kategori Kejuruteraan hadir dalam sesi perkongsian anjuran Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC yang diadakan di Dewan Kuliah Utama, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP Pekan pada 13 April 2016 yang lalu.

Beliau yang juga merupakan Pengarah UTMLead, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan juga Pengerusi Institusi Jurutera Malaysia (Cawangan Selatan) menerangkan bahawa salah satu ciri penting untuk melakukan yang terbaik di dalam pengajaran dan pembelajaran adalah melakukan dengan penuh keseronokan dan juga perlu melakukan pengorbanan.

Jelas beliau, pensyarah perlu memikirkan untuk mempraktikkan pembelajaran dengan lebih kreatif, inovatif dan pada masa yang sama perlu berkorban dari segi masa dan juga tenaga untuk melakukan yang terbaik kepada pelajar.

“Pensyarah juga perlu kreatif seperti melaksanakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), pembelajaran secara integrasi, pembelajaran secara *experiential*, prinsip-prinsip utama pengajaran, ciri-ciri menjadi guru yang terbaik dan lain-lain lagi,” katanya.

Beliau juga turut berkongsi berkenaan dengan pendidikan dalam bidang Kejuruteraan pada masa kini dan latihan yang diperlukan oleh para pensyarah untuk menjadi jurutera profesional.

Baginya, anugerah yang paling berharga sekali adalah kebolehan untuk mengajar dan berkongsi bersama para pelajar yang perlu ada dalam diri setiap pensyarah dalam menyampaikan ilmu dengan berkesan kepada mereka.

Profesor Madya Ir. Hayati Abdullah berada selama dua hari di UMP untuk sesi perkongsian amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran dan juga sesi saringan akhir Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2015.



## 10 pelajar bukan Cina cemerlang dalam Ujian Kefasihan bahasa Mandarin Peringkat Antarabangsa

Seramai 10 orang pelajar bukan Cina dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) cemerlang dalam ujian kefasihan bahasa Mandarin pada peringkat antarabangsa dalam keputusan yang diumumkan pada 15 Januari 2016 yang lalu.

Ujian yang dikenali sebagai 'Hanyu Shuiping Kaoshi' (HSK) dibangunkan dan diiktirafkan oleh China. Ujian HSK setaraf dengan IELTS atau TOFEL, iaitu menguji tahap penguasaan bahasa Mandarin bagi orang yang mempelajari bahasa Mandarin. Ujian HSK mempunyai enam tahap bagi menguji kemahiran mendengar, membaca dan menulis.

Menurut Pengarah Pusat Kebudayaan dan Bahasa Mandarin (MLCC), Yong Ying Mei yang juga Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), pelajar UMP telah menduduki ujian HSK pada akhir tahun lalu di Institut Kong Zi Universiti Malaya (UM) dan keputusan baharu diterima dari negara China selepas dua bulan menduduki peperiksaan.

"Keputusan yang diterima amat membanggakan apabila tiga pelajar UMP yang menduduki ujian HSK tahap 1 dan tujuh orang pelajar menduduki ujian HSK tahap 2 mendapat markah penuh dalam ujian HSK itu.

"Ini membuktikan bahawa pelajar yang mengambil jurusan kejuruteraan juga mampu menguasai bahasa asing dengan cemerlang.

"Cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa yang selain dari bahasa ibunda perlu diatasi dengan usaha dan rajin," katanya.

Baginya, pembelajaran bahasa asing sebagai nilai tambahan kepada pelajar bukan Cina demi peluang pekerjaan yang bersaing hebat pada zaman teknologi.

Lebih membanggakan, pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang menduduki ujian HSK tahap 1, Dzutika Muhamed dan Nabila Mohd Adzan mendapat markah penuh 200/200.

Sementara itu, Nurzuriati Kamarudin

melahirkan rasa bangga dan berterima kasih kepada guru bahasa Mandarin dan MLCC dalam menganjurkan kursus Intensif Ujian HSK yang memanfaatkan pelajar.

Begitu juga dengan Zulhilmi Mohd, pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), pelajar yang mendapat markah yang paling tinggi dalam ujian HSK tahap 2 dengan markah 190/200 berkata, nyanyian lagu bahasa Mandarin dalam kelas dapat membantu beliau bercakap bahasa Mandarin dengan lebih yakin.

Minat belajar bahasa Mandarin dan juga menjadikan Shila Amzah sebagai inspirasi dalam bercakap bahasa Mandarin dengan fasih seperti beliau menurut Norhaida Wati Binti Mamat, 21, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang juga cemerlang dalam ujian HSK tahap 2.

Walaupun tiada asas dalam bahasa Mandarin, Mohamad Ikhwan Mohd Rashid, 21, dari FTeK yang mempelajari bahasa Mandarin selama 56 jam dalam 2 semester sangat gembira kerana lulus ujian HSK tahap 2 ini.

Di samping itu, Nurul Syammimi Zulkarani Hassan, 21, pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) melahirkan rasa berbaloi dengan usaha yang dicurahkan dalam pembelajaran bahasa Mandarin dan mencapai kecemerlangan dalam ujian HSK tahap 2.

Turut berjaya, Nur Fazliana Muhamad Razali, 21, pelajar dari FKASA yang menduduki ujian HSK tahap 2 mengharapkan peluang ini satu bonus bagi menambah peluang pekerjaan pada masa depan.



## Guru bahasa Jepun UMP diiktiraf

Oleh: MUHAMMAD AZLI SHUKRI

Guru Bahasa Jepun Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohd Iszuani Mohd Hassan dilantik sebagai Panel Pemikir dan Pakar Rujuk Pendidikan Bahasa Antarabangsa (Jepun) oleh syarikat ISMA Holidays Sdn. Bhd. (ISMA), sebuah syarikat pelancongan di bawah Dewan Perniagaan dan Perindustrian Iskandar Malaysia (DPPIM).

Menurut Pengerusi ISMA yang juga Presiden DPPIM, Md Salikon Sarpi, sudah menjadi polisi syarikat kami melantik pakar dalam kalangan staf universiti dalam bidang yang berkaitan bagi meningkatkan produktiviti syarikat di samping mewujudkan hubungan strategi antara industri dengan universiti demi memenuhi kehendak serta keperluan komuniti.

Watikah pelantikan disampaikan oleh Pengarah Urusan ISMA, Marsila Yunus di pejabatnya di Larkin, Johor pada 19 Februari 2016.

Katanya, antara manfaat yang bakal diperoleh dalam kerjasama ini adalah peluang dalam pengkormersialan produk penyelidikan, pendidikan, penerbitan, dan perundingan ke peringkat antarabangsa melalui rangkaian syarikat ISMA.

“Dengan pelantikan ini dapat memberi peluang kepada Guru Bahasa di UMP untuk mengkomersialkan produk penyelidikan dan penerbitan mereka ke pasaran antarabangsa melalui kerjasama strategi dalam kalangan industri tempatan,” kata Iszuani.

Pada tahun lalu, produk penyelidikan beliau iaitu Perisian Inazuma mula dipromosikan di Brunei melalui rangkaian ISMA. Produk perisian yang dihasilkan ini dapat membantu orang ramai menguasai kemahiran berbahasa Jepun.



## UMP buka pameran dalam 6 lokasi KPTN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai enam lokasi dalam penganjuran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2016 melabuhkan tirai Jelajah Jom Masuk IPT yang berakhir di Zon 6 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi pada 2 April 2016 yang lalu.

Dalam pameran ini, UMP menawarkan khidmat nasihat kepada calon pelajar yang ingin mendapatkan maklumat tentang program yang ditawarkan pada sesi akademik 2016/2017 dengan 30 program pengajian iaitu 25 program ijazah sarjana muda dan lima program diploma berteraskan kejuruteraan, sains dan teknologi.

Ia termasuklah program dwijjazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif hasil kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) manakala program dwijjazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan membabitkan kerjasama dengan Reutlingen University di Jerman.

Jom Masuk IPT yang terakhir iaitu Zon 6 merangkumi negeri Selangor, Perak, Kuala Lumpur, Putrajaya serta Negeri Sembilan menjadi tumpuan kerana ianya merupakan yang terakhir dan lokasi yang strategik memudahkan pengunjung untuk hadir mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan yang ditawarkan serta dijalankan serentak dengan Jelajah 'Soaring Upwards'.

Dalam ucapan perasmian Menteri Pendidikan Tinggi, Yang

Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh berpuas hati dengan kehadiran masyarakat di kesemua lokasi karnival yang hadir bagi mendapatkan maklumat mengenai peluang pengajian memberikan impak yang positif.

"Pemohon yang berhasrat untuk mendapatkan maklumat secara terus di setiap pengajian juga digalakkan untuk mengelakkan permohonan tidak memenuhi kriteria kemasukan.

"Pemohon harus peka mengenai maklumat akreditasi, bentuk-bentuk pembiayaan yang ditawarkan, kefahaman cara kemasukan yang mana 90 peratus mengambil kira akademik dan 10 peratus dari kokurikulum" katanya dalam majlis yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching.

Bagi pengunjung, Marissa Abdul Wahab, 39 dari Bukit Katil, Melaka berpendapat penganjuran pogram sebegini membantu ibu bapa untuk bersama-sama membimbing dan membantu mendapatkan maklumat pengajian yang bersesuaian dengan jurusan yang dimiliki oleh anak mereka untuk mengelakkan anak mereka tercicir dari pemilihan kemasukan ke pusat pengajian tinggi.

Beliau yang hadir untuk mendapatkan maklumat mengenai pengajian yang ditawarkan oleh UMP kerana anaknya kini sedang menuntut di Kolej Matrikulasi Teknikal Negeri Sembilan.

Manakala bagi pelajar, Mohamad Ahmad, 17 dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Serting, Negeri Sembilan yang bakal menduduki SPM tahun ini mendapat bayangan untuk meneruskan pengajian yang mana apabila memahami konsep pengambilan dan syarat-syarat kemasukan.

Katanya, apabila diberi penerangan mengenai jurusan yang beliau minati ianya akan dapat menumpukan kepada subjek yang perlu memandangkan keputusan kredit bagi jurusan yang dipilih penting agar permohonan dalam jurusan yang akan beliau pilih nanti dalam sistem permohonan UPU *online* kelak.

Karnival di Zon 6 kali ini mengumpulkan 59,079 orang pengunjung memandangkan ianya merupakan lokasi yang terakhir.



## Pertemuan dua hala FTek–LJM bincang program teknologi kejuruteraan

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN

Program Teknologi Kejuruteraan di Malaysia masih dianggap baharu dan kini ianya mula ditawarkan di beberapa universiti teknikal termasuk Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek).

Pembentukan kurikulum program direka menggunakan prinsip-prinsip Sains dan Kejuruteraan bakal memenuhi keperluan negara terutamanya dalam menyelesaikan masalah industri.

Dalam menjalinkan hubungan baik dan mendapatkan perkembangan mengenai bidang berkaitan, pada 29 Februari 2016 yang lalu, staf UMP yang diketuai Dekan FTek, Profesor Dato' Dr. Zularisam Ab Wahid berkunjung ke Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bagi membincang hala tuju bidang Teknologi Kejuruteraan.

Turut sama hadir Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple, Ketua Program Pengurusan Infrastruktur, Dr. Andri Kusbiantoro, Ketua Program Elektrikal, Dr. Yasir Hashim Naif, Ketua Program Farmaseutikal, Dr. Raihana Zahirah Edros, Ketua Teknikal, Syahrulnaim Mohamad Nawi dan Penyelaras Program Elektrikal GMI, Mohd Nazrin Mohd Yassin.

Manakala pihak LJM diwakili Pengerusi Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) Malaysia, Profesor Dato' Ir. Hassan Basri dan Pengarah Jabatan Akreditasi Kejuruteraan (EAD), Profesor Dato' Ir. Dr. Wan Hamidon Wan Badaruzzaman.

Menurut Profesor Dato' Ir Hassan, bidang ini telah dirangkumkan bersama dalam pindaan kepada Akta Jurutera yang mana LJM juga sedang dalam fasa peralihan bagi persediaan dalam menguruskan akreditasi bagi program-program Teknologi Kejuruteraan.

"Dalam fasa peralihan ini LJM akan berkerjasama rapat dengan pihak Malaysia Qualification Agency (MQA) bagi pengurusan akreditasi program-program teknologi kejuruteraan yang telah ditawarkan sebelum penubuhan Engineering Technology Council (ETAC) dan pindaan kepada akta Jurutera ini," katanya dalam menyampaikan taklimat.

Manakala bagi Profesor Dato' Ir Dr. Wan Hamidon pula menerangkan serba sedikit berkenaan perbezaan di antara bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan serta badan akreditasi yang melihat terhadap kualiti pelaksanaan program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Malaysia.

"Bagi saya adalah amat penting bagi panel penilai yang dilantik mengetahui dan mendalami perbezaan ini. Justeru, dalam tempoh peralihan ini pihak LJM bekerjasama rapat dengan MQA dan membuat analisis perbezaan diantara dapatan bagi kedua-duanya.

"Selain itu, pihak universiti perlu bersedia dari sekarang kerana program-program Diploma Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan juga akan dinilai di bawah ETAC," katanya.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Zularisam mengharapkan agar pensyarah dan pelajar dapat benar-benar memahami bidang Teknologi Kejuruteraan ini terutamanya dalam menggunakan pendekatan yang bersesuaian bagi pengajaran dan pembelajaran.

"Dengan tertubuhnya ETAC ini pastinya dapat mengurangkan jurang serta memberikan pemahaman sebenar kepada yang terlibat dalam kedua-dua bidang ini," ujar beliau.



## Kajian UMP gunakan sisa enap kumbahan hasilkan batu bata *S-BRICK*

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan batu bata dengan menggunakan sisa enap kumbahan dan campuran kulit telur.

Menurut Ketua Penyelidik, Dr. Doh Shu Ing yang merupakan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), hasil kajian ini merupakan usaha bersama dua pelajarinya iaitu Muhammad Aizat Azed dan Lwee Kui Choo yang merupakan pelajar Ijazah Kejuruteraan Awam (Bahan Binaan).

“Idea ini tercetus apabila melihat terdapat lambakan sisa enap kumbahan yang tercemar lalu saya terfikir untuk menggunakan bahan ini untuk dijadikan bahan yang berguna dalam penghasilan batu bata.

“Pada suatu ketika dahulu rakan saya yang merupakan pengusaha kek mengadu bahawa setiap hari beliau membuang kulit telur hampir 1 tan sehingga terpaksa membayar untuk pembuangan kulit telur tersebut.

“Sejak itu saya mencuba untuk menambahkan kulit telur dalam penghasilan batu bata dengan menggunakan campuran bahan-bahan ini,” ujar beliau.

Pihaknya menjalankan kajian penggunaan kulit telur tersebut dalam penghasilan batu bata untuk ditambahkan bersama sisa enap kumbahan untuk penghasilan batu bata.

Beliau yang juga merupakan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), FKASA berkata, sisa enap kumbahan yang tidak digunakan lagi ini loji sisa rawatan kumbahan hasil kerjasama Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang boleh diguna sebagai bahan gantian simen kerana sifat komposisinya yang menyerupai simen sedia ada.

Bahan buangan kulit telur juga diguna pakai sebagai bahan

penambah di dalam campuran bagi menambahkan kekuatan bata yang dihasilkan kerana kandungan kalsium karbonat yang terdapat di dalam kulit telur tersebut.

Secara ringkas, mekanisme mesin beroperasi atau produk berfungsi bahan enap cemar daripada bahan buangan loji rawatan sisa kumbahan mengandungi komposisi bahan yang serupa dengan simen, bahkan lebih baik komposisinya jika dibakar menggunakan *furnace* dan ketuhar gelombang mikro mengikut suhu yang dibenarkan.

Selain itu, serbuk kulit telur juga digunakan sebagai bahan penambah di dalam bancuhan bata bagi menguatkan lagi batu bata ini.

Projek yang bermula pada Oktober tahun lalu dan siap pada awal Mac tahun ini dengan anggaran 21 sen bagi kos bahan batu bata ini. Dengan harga ini membuktikan *S-BRICK* jauh lebih murah berbanding harga batu bata biasa.

*S-BRICK* ini jauh lebih murah kerana mengguna pakai sisa buangan dari industri dalam pembikinannya di samping mengurangkan pembuangan sisa bahan makanan seperti kulit telur dan bahan enap cemar.

Selain itu juga, *S-BRICK* ini kuat dibandingkan dengan bata komersial sedia ada. Saya berharap menerusi penyelidikan ini, *S-BRICK* dapat setanding ini dapat bata sedia ada dipasarkan dan diguna pakai secara meluas di industri pembinaan Malaysia.

Menerusi penggunaan *S-BRICK* ini juga dapat menggantikan secara total penggunaan bata sedia ada yang jauh lebih mahal dan mengurangkan aktiviti membahayakan alam sekitar.

Sehingga kini, pihaknya telah mendapat kerjasama melibatkan agensi Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dan Egg Tech Production Sdn. Bhd. merupakan industri yang membantu dalam menyalurkan sumber untuk bahan dalam membuat *S-BRICK*.

Beliau berharap produk *S-BRICK* ini dapat dipasarkan secara meluas ke seluruh negara, di samping dapat membantu negara mengurangkan pengeluaran simen yang boleh menyebabkan pelepasan karbon dioksida secara meluas dan menggunakan bahan terbuang sebagai pengganti simen yang mampu mengurangkan pencemaran persekitaran.

Produk ini berjaya mendapat pengiktirafan iaitu Anugerah Khas: UMP Holding *Invention Award* dalam CITREX 2016, pingat emas di ITEX2015, pingat gangsa di Seoul International Invention Fair dan tempat pertama di MUCET 2015.



## Inovasi UMP bantu pesakit lumpuh

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan penyelidikan berkaitan teknologi alat bantuan rehabilitasi khususnya bagi pesakit lumpuh (*stroke*).

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Zulkifli Ahmad berkata, idea menjalankan kajian ini tercetus apabila sejak berjumpa dengan pakar rehabilitasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menceritakan mengenai situasi bersama pesakit lumpuh. Penyelidikan turut dibantu Idris Mat Sahat dan Saiful Anwar Che Ghani dari FKM.

Beliau yang berjaya menyiapkan kajian pada bulan Mac tahun lalu mendapat kerjasama daripada Jabatan Kesihatan Bersekutu (*Department of Allied Health*) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan melalui Ketua Unit Rehabilitasi, Narimah Daud.

Menurut beliau, penyelidikan ini adalah berkaitan dengan alat bantuan rehabilitasi khususnya kepada pesakit lumpuh yang mana masalah yang timbul adalah dalam membantu fisioterapi bagi mengenal pasti keadaan pesakit lumpuh sama ada sudah pulih sepenuhnya atau belum melalui pemerhatian keseimbangan badan.

“Praktis sedia ada adalah dengan pemerhatian mata kasar sahaja tanpa menggunakan apa-apa peralatan elektronik. Oleh itu, saya dengan bantuan beberapa pelajar dan staf telah membangunkan satu peralatan (*device*) untuk mengenal pasti tahap keseimbangan badan pesakit.

“Tapak kasut (*insole*) ini dipasang sensor tekanan pada bahagian bawah *insole* untuk mengesan berat yang dikenakan ke atasnya. Berat ini adalah berat yang diambil dari pesakit *stroke* dengan berdiri di atasnya.

“Kebiasaan fisio akan mengarahkan pesakit untuk menjalankan *test sit to stand* iaitu pesakit akan duduk kemudiannya akan berdiri.

Sebelum bermula, kaki pesakit harus diletakkan tepat di atas *insole device* ini kemudian fisio akan mengarahkan pesakit bangun dan sensor tekanan itu akan memberikan bacaan kedua-dua belah kaki pesakit,” katanya.

Tambah beliau lagi, sekiranya pesakit mengalami *stroke* pada sebelah kiri, maka kita akan dapat lihat beratnya lebih ke sebelah kanan. Maklumat berat pesakit ini dipaparkan pada skrin *smart phone* melalui apps Android yang dibangunkan sendiri. Oleh itu, pesakit harus cuba untuk memastikan beratnya adalah seimbang supaya proses rehabilitasi berjaya.

“Untuk fungsi yang seterusnya, saya bercadang untuk menambahkan fungsi *speak* iaitu *Android Apps* itu secara sendiri akan mengarahkan pesakit untuk melebihi berat ke kiri atau ke kanan sebagai pengganti fisio

“Maka, peranti ini dapat digunakan oleh pesakit menjalankan aktiviti fisioterapi di rumah sahaja tanpa perlu ke klinik. Selain itu, mungkin akan dipasang *SD card* untuk menyimpan segala maklumat aktiviti fisio sekiranya pesakit menjalankan aktiviti itu sendiri di rumah.

“Mereka hanya perlu membawa *SD card* itu ke klinik untuk tindakan selanjutnya. Oleh itu, peranti ini dapat membantu mengurangkan tenaga kerja fisio, dan juga memudahkan pesakit tanpa perlu hadir ke klinik,” ujar beliau.

Katanya menerusi pembangunan peranti ini ianya dapat dipasarkan dan digunakan oleh semua pesakit *stroke* yang mempunyai masalah keseimbangan badan. Tambahan pula anggaran kos untuk satu set peranti ini adalah RM 750 termasuk dengan *Android apps*.

Penyelidikan ini juga berjaya meraih pingat emas di Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (Citrex '15) dan pingat perak di International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX'15).

Beliau berharap agar peranti ini dapat digunakan di seluruh Malaysia terutamanya di hospital, klinik dan pusat kesihatan memandangkan *device* lebih murah berbanding dengan harga yang diimport dari luar negara yang memakan belanja puluhan ribu ringgit.

“Namun apa yang paling penting ianya dapat membantu pesakit *stroke* pulih dengan lebih cepat dengan menggunakan alatan ini,” katanya.





## 25 penyelidik sertai Kolokium Penyelidikan UMP dan Sapura

Oleh: ZURYATY ZOL

Seramai 25 penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Kolokium Penyelidikan Bersama Industri: UMP dan Sapura yang berlangsung di Sapura Industrial Berhad, Bandar Baru Bangi pada 17 Mac 2016 yang lalu.

Penganjuran kolokium penyelidikan ini mampu mengeratkan hubungan kerjasama di antara universiti dengan industri di samping meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang penyelidikan yang berpotensi melibatkan kedua-dua institusi ini.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sapura Industrial Berhad, Helmi Sheikh Mahmood yang juga merupakan panel penasihat industri di FKP.

Manakala ucap tama industri disampaikan oleh Pakar Kanan di Pusat Teknikal Sapura, Aminuddin Ghazali dengan tajuk berkaitan penyelidikan dan pembangunan.

Selain itu, pensyarah UMP, Profesor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff turut berkongsi kepakaran mengenai pembangunan mata alat manakala Dr. Ahmad Nasser Mohd Rose dari Sapura menyampaikan pencerahan mengenai sistem pembuatan *lean*.

Dalam kolokium ini juga, seramai lima penyelidik UMP telah dilantik sebagai **fellow** penyelidik Sapura yang diketuai oleh Profesor

Dr. Shamsuddin Baharin. Empat lagi penyelidik terdiri daripada Profesor Dr. Wan Azhar Man Yusoff, Profesor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay dan seorang pelajar pascasiswazah FKP, Nur Iffah Ramli.

Menerusi pelantikan ini dapat merealisasikan dan perancangkan lagi pencapaian perancangan strategik UMP 2016-2020 untuk pembangunan staf yang kompeten dan profesional.

Selain daripada perbincangan dua hala, penyelidik UMP yang terdiri daripada pelajar ijazah kedoktoran dan sarjana juga dapat melihat secara praktikal operasi pemesinan alatan automotif yang dijalankan di syarikat Sapura Industrial Berhad.

Menurut salah seorang Pensyarah FKM merangkap Felo Penyelidik, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay, sebanyak empat bidang dikenal pasti untuk dibangunkan bersama UMP terdiri daripada pembangunan produk baharu untuk dikomersial oleh Sapura, proses pemesinan, sistem pembuatan dan pendidikan sepanjang hayat membabitkan staf Sapura.

Sejak 2009, perjanjian kerjasama telah dibuat bagi membolehkan projek pembangunan modul *absorber* pasif dijalankan dan juga pengujian sistem suspensi dibuat di UMP.

“Kini terdapat dalam kalangan staf Sapura menjadi pelajar ijazah penyelidikan UMP dan juga penyelidik UMP menjalani penempatan industri di sini yang dapat memberi peluang pembangunan staf di samping menempatkan pelajar UMP yang menjalani latihan industri, projek tahun akhir dan akhirnya ditawarkan pekerjaan di Sapura.

“Begitu juga dengan pembangunan sumber manusia pekerja mahir dan separuh telah dijalankan antara Sapura dan UMP bagi pembangunan projek pusat kecemerlangan industri (I-COE) untuk sektor kejuruteraan automotif,” katanya.

Beliau mengharapkan kelebihan dan kepakaran yang dimiliki oleh kedua-dua institusi ini berupaya untuk digembleng dan dimanfaatkan untuk kedua-dua pihak UMP dan Sapura Industrial.



## Penyelidik FSTI cipta Sistem Rawatan Air Mudah Alih Mesra Alam

Oleh: DR. WAN MOHD FAIZAL WAN ISHAK  
DAN DR WAN MOHD HAFIZUDDIN WAN YUSSOF

Bencana banjir yang berlaku saban tahun telah menyebabkan tercetusnya masalah terhadap sistem perbandaran yang menjejaskan sistem bekalan air bersih, kegagalan fungsi grid elektrik, dan infrastruktur dan sekaligus menyebabkan berlakunya pencemaran air kepada masyarakat di kawasan terjejas.

Sumber air yang tercemar ini juga sememangnya amat berpotensi untuk menyebabkan penularan penyakit *diarrhea* atau dikenali umum sebagai cirit-birit.

Statistik daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2005 turut menunjukkan bahawa penyakit ini merupakan punca kematian kepada 90 peratus kanak-kanak di bawah usia lima tahun di negara-negara membangun, di mana rintangan kanak-kanak untuk jangkitan ini adalah rendah.

Menurut penyarah dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak, dengan mengambil contoh seperti mana banjir besar yang melanda Kuantan pada dua tahun lalu, gangguan bekalan kuasa akibat banjir meninggalkan para mangsa tanpa bekalan elektrik yang diperlukan untuk menyalurkan air bersih

kepada mereka.

“Justeru, pelbagai jenis sistem rawatan air telah direka untuk menjadikannya sesuai untuk digunakan semasa persediaan kecemasan dan bencana, akan tetapi penggunaan produk import di dalam setiap sistem ini dilihat meningkatkan kos sekaligus menjadikan pilihan menggunakan sistem sedia ada ini agak terhad.

“Bertitik tolak daripada bencana banjir yang telah melanda satu sistem rawatan air mudah alih mesra alam telah dibangunkan dengan memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan kos pengeluaran di samping mengekalkan keberkesanan penapis untuk digunakan pada waktu kecemasan, sama ada sewaktu musim banjir ataupun musim kemarau,” katanya.

Ujar beliau, keupayaan sistem rawatan air mudah alih ini dalam merawat air daripada pelbagai sumber seperti air hujan dan air banjir di samping mampu membekalkan air bersih kepada pengguna dalam jangka waktu yang singkat menjadikan sistem ini mampu untuk beroperasi pada waktu-waktu kecemasan.

“Sistem yang dibangunkan ini mempunyai beberapa peringkat rawatan seperti mengurangkan kandungan jumlah pepejal terampai (TSS) dan terutamanya akan merawat kandungan logam berat yang tinggi di dalam air selain menstabilkan pH pada tahap yang sesuai dengan keperluan sebagai air minuman dan untuk kegunaan harian yang lain.

“Selain itu juga, bagi memastikan keberkesanan sistem ini, sejenis bahan penapis air mesra alam yang dibangunkan telah digunakan bersama sistem ini dalam menjamin kualiti air yang dirawat.

“Bahan penapis air yang dihasilkan daripada sisa kilang sawit dan ini akan diproses dan diaktifkan bagi menapis atau merawat hampir kesemua jenis air dan turut berupaya menghasilkan air bersih yang menepati piawaian standard air minuman,” katanya.



## Mahasiswa UMP cipta inovasi meluncur dalam TRIUMP

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI

Pertandingan TRIUMP menjadi platform pelajar mencipta dan menghasilkan sebuah peluncur *Glider Challenge* dan melepaskan peluncur itu pada ketinggian yang ditetapkan untuk meluncur di udara.

Lebih menarik pada tahun ini terdapat kelainan dengan penambahan satu lagi kategori baharu iaitu *Autonomous Boat Challenge* iaitu pertandingan mencipta bot mini tanpa pemandu yang boleh diprogramkan pelan laluan serta ditetapkan destinasi terakhir.

TRIUMP dianjurkan pihak Mechanical Engineering Professional Student Club (MECHAPRO) dengan kerjasama Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA5), Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 23 April 2016 yang lalu.

Bagi Ketua Program, Yeong Chee Leon dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), pertandingan bertujuan bagi mengaplikasikan pengetahuan kejuruteraan dan inovasi untuk mencipta serta memupuk minat kejuruteraan kepada pelajar sekolah dan mahasiswa UMP serta mempromosikan UMP Pekan sendiri.

"*Glider Challenge* mencungkil bakat mahasiswa UMP dan institusi

lain untuk mencipta dan menghasilkan peluncur yang aerodinamik.

"Selain itu untuk memupuk semangat sepadan dan kerjasama antara ahli pasukan serta memupuk minat mahasiswa dan pelajar sekolah dalam bidang penerbangan," katanya di UMP Pekan.

Manakala bagi *Autonomous Boat Challenge* pula mencungkil bakat mahasiswa dan institusi lain serta pelajar sekolah untuk mencipta dan menghasilkan kapal yang aerodinamik dan dapat dikawal pada jarak yang jauh di samping itu, mendedahkan pelajar kepada penghasilan alat kawalan jauh.

*Glider Challenge* terdiri daripada tiga kategori iaitu *Furtherers Challenge*, *Flight Endurance* dan *Best Presentation & Design* manakala *Boat Challenge* terbahagi kepada tiga kategori juga iaitu *Time Attack*, *Best Design* dan *Best Presentation*.

Pertandingan menyaksikan johan keseluruhan sekolah bagi kategori *Glider Challenge* sekolah dimenangi Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SHAH) Pekan dengan catatan masa 27.59 m, 2.58 s bagi dan bagi kategori IPT dimenangi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan catatan masa 43.33m, 3.925s.

Peserta yang bertanding dari SHAH Pekan, Muhammad Ammar Hafiz Rozali, 17 tidak menyangka penyertaan kali ini berjaya memperoleh tempat keseluruhan kerana persediaan yang dilakukan di saat genting. Namun, hasil kesungguhan dan bimbingan dari guru berjaya membuahkan hasil.

Penyertaan TRIUMP kali ini amat mengalakkan dengan penyertaan daripada pihak luar termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM), UniKL MIAT, Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah Pekan, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mahmud Mat, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Abdul Razak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdullah.



## UMP jalin hubungan baik dengan IPT Amerika Syarikat bagi memperkasa bidang Teknologi Kejuruteraan

Berita dan foto oleh: EMMA MELATI BUHANUDDIN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti di Amerika Syarikat dalam usaha memperkasa bidang Teknologi Kejuruteraan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Timbalan Provost University of Houston (UH), Dr. Jaime Ortiz bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan pengetahuan dalam memperkasa bidang teknologi kejuruteraan pada 1 April 2016 yang lalu.

"Kerjasama ini membabitkan kerjasama akademik bagi pertukaran staf, pelajar dan menjalankan penyelidikan bersama.

"Hasil hubungan baik ini juga kedua-dua pihak bersetuju bagi berkongsi kepakaran sama ada sebagai profesor tamu ataupun profesor pelawat," kata Profesor Dato' Dr. Daing yang mengetuai delegasi UMP yang berkunjung ke UH, Amerika Syarikat.

Hadir sama dalam perbincangan Dekan Interim, Dr. Eldin, Pengerusi Kejuruteraan Teknologi, Dr. Shireen, Penolong Dekan Hal Ehwal Akademik, Dr. Malki, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Profesor Dato' Dr. Zularisam Ab. Wahid dan Pengarah Program

Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Vedaraman Sriraman.

Delegasi turut berpeluang melihat sendiri pengurusan projek sarjana muda yang dilaksanakan oleh pihak UH serta melawat ke makmal universiti.

Dalam masa yang sama, UMP juga berpeluang membina hubungan baik dengan pihak Texas State University (TSU) bagi berkongsi informasi berkenaan teknologi kejuruteraan serta pengurusan akreditasi *Accreditation Board of Engineering and Technology* (ABET) yang menepati standard piawaian antarabangsa

Profesor Dato' Dr. Zularisam berkata, perbincangan memberi tumpuan terhadap kriteria pengambilan staf, penilaian program dan pelajar serta perbezaan di antara program teknologi kejuruteraan dan program kejuruteraan.

Pihak TSU dihadiri Ketua Program Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Andy Batey, dan Profesor Madya Dr. Farhad Ameri. Delegasi dari FTeK juga turut melawat beberapa makmal bagi mendapatkan gambaran suasana pengajaran dan pembelajaran di TSU.

Manakala kunjungan delegasi UMP ke Texas A&M University (TAMU) juga memberi peluang kepada pihak UMP untuk mempertingkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap program Teknologi Kejuruteraan yang memfokuskan aspek praktikal dan kemahiran pelajar dalam membuat sesuatu projek.

Hadir dalam perbincangan Ketua Jabatan Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dr. Reza Langari, Dr. Jay Porter, Dr. Micheal Johnson, Dr. Barry Lawrence, Dr. Joe Morgan dan Dr. Wei Zhan.

Penglibatan aktif industri juga banyak membantu dalam meningkatkan pemahaman umum berkaitan bidang ini malahan penerimaan teknologi kejuruteraan di Amerika Syarikat adalah lebih meluas sebagai satu cabang bidang profesional dalam usaha membantu memajukan sesebuah negara.

Bidang teknologi kejuruteraan adalah aplikasi kepada prinsip kejuruteraan dan teknologi moden dalam membantu menyelesaikan masalah teknikal dalam kejuruteraan hari ini. Program Teknologi Kejuruteraan di Malaysia adalah agak baharu dan kurikulum yang direka adalah untuk memenuhi keperluan dalam bidang kejuruteraan.



## UMP meterai MoU dengan Selahuddin Eyyubi Universitesi (SEU)

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mendapat perhatian dunia apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Selahuddin Eyyubi Universitesi (SEU), Turki pada 4 Februari 2016 yang lalu di UMP Pekan.

SEU merupakan sebuah universiti swasta yang terkemuka di Diyarbakir, Turki. Diasaskan pada tahun 2007, universiti ini mempunyai tiga fakulti dan empat institut antaranya seperti Fakulti Kejuruteraan & Seni Bina, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Sains dan Sains Kesihatan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, MoU melibatkan universiti ini dengan SEU adalah untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang sekaligus membantu memantapkan lagi hubungan baik dua hala ini.

"Selain itu juga tumpuan kerjasama kedua-dua universiti ini turut melibatkan pertukaran pelajar, latihan, bidang penyelidikan dan pertukaran staf universiti.

"Antara kerjasama yang telah dikenal pasti adalah penganjuran seminar secara bersama, pembangunan kajian kes dan program latihan praktikal untuk pelajar dan staf," katanya.

Dalam majlis ini menyaksikan UMP diwakili Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob menandatangani MoU bagi pihak UMP manakala pihak SEU diwakili Rektor, Selahuddin Eyyubi Universitesi, Profesor Dr. Ekrem Gogam serta setiausaha SEU, Yilmaz Sari.

Hadir sama Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Shafie, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Madya Dr. Rizalman Mamat, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Profesor Dr. Zularisam Ab. Wahid, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim.



## UMP dan Iwate University perhebat kerjasama dalam bidang kejuruteraan

Oleh: ZURYATY ZOL

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Iwate University (IU) Jepun jalin kerjasama strategik dalam memperhebat bidang kejuruteraan untuk tempoh lima tahun lagi apabila hubungan yang terjalin selama ini berjaya memanfaatkan kedua-dua institusi menerusi perkongsian penyelidikan, lawatan kilang, program pengajaran dan pembelajaran serta pertukaran budaya membabitkan pelajar dan pensyarah.

Hubungan baik yang terjalin lebih lima tahun lalu bukan sahaja memberi peluang kepada dua ahli akademik dari IU mengadakan bengkel kepada pelajar-pelajar program kejuruteraan pembuatan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) universiti ini malah pelajar UMP dapat menyertai program bersama dengan pelajar dari Hanbat University, Korea dan Dalian University, China juga IU di UI, Morioka, Jepun.

Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff mewakili UMP dan Dekan Fakulti Kejuruteraan, Profesor Dr Kenichi Funazaki mewakili IU.

Hadir sama Timbalan Dekan Akademik, FKP, Profesor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff dan mewakili Institute Mold and Die, Profesor Dr. Koichi Hirose, Timbalan Presiden IU Profesor Dr. Satoshi Ogawa dan Pembantu Profesor Dr. Uchidate Michimasi daripada IU.

Bagi Profesor Dr. Mashitah, melalui kerjasama ini hubungan bilateral ini berjaya meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang Kejuruteraan khususnya dalam bidang *Mold and Die* yang berpotensi untuk dimanfaatkan kedua-dua institusi ini.

Malah melalui kunjungan beliau pada kali ini memberikannya peluang menyampaikan syarahan bertajuk *'Constructing Polymer'*, manakala Dr. Razlan menyampaikan syarahan bertajuk *'Monitoring Deep Drilling Process'* kepada kalangan pensyarah dan pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di universiti berkenaan di Jepun.

"Dalam konteks yang lebih luas pula, pemeteraian MoU ini turut memberikan nilai tambah kepada pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 terutamanya dalam memberi tumpuan kepada pemerkasaan jaringan kolaborasi strategik UMP di peringkat nasional dan antarabangsa," kata Profesor Dr. Mashitah pada 4 Februari 2016 yang lalu.

Beliau mengharapkan MoU yang ditandatangani ini akan memudahkan cara penerokaan pelbagai bidang kerjasama. Walaupun MoU ini menggariskan tiga aspek umum iaitu kerjasama akademik, penyelidikan, pertukaran pelajar dan staf serta pembangunan penyelidikan.

Namun ianya tidak akan membataskan perimeter kolaborasi di antara UMP-IU sahaja, sebaliknya berpotensi untuk dikembangkan lagi terutamanya dalam aspek pengurusan bencana yang mana UI mempunyai pusat penyelidikan khusus.

Selain itu, kelebihan dan kepakaran yang dimiliki oleh kedua-dua institusi ini berupaya digembleng dan digabung jalin untuk menatijahkan inisiatif-inisiatif bernilai tambah tinggi bukan sahaja kepada warga UMP dan IU, tetapi negara amnya.



## UMP jalin persefahaman dengan Micromidas Inc

Berita dan foto oleh: HAZLINA FAIZAL



Dalam memperkasa bidang penyelidikan dan merancang hubungan strategik dengan syarikat antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Micromidas Inc yang terletak di Barat Sacramento, California, Amerika Syarikat pada 28 Mac 2016 yang lalu.

Kerjasama ini merupakan hasil usaha berterusan pihak UMP dengan kerjasama BiotechCorp International Inc. untuk meningkatkan kualiti dan kerjasama dalam penyelidikan dan latihan.

BiotechCorp International Inc, yang terletak di San Francisco merupakan anak syarikat Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd., agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menandatangani MoU dengan Ketua Pegawai Teknologi Micromidas Inc, Ryan Smith.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan wakil Micromidas Inc, Kyle Wakamiya.

"Tumpuan kerjasama ini akan melibatkan bidang penyelidikan dalam menghasilkan bahan bioplastik iaitu poliester PHA (*polyhydroxyalkanoates*) dengan menggunakan sisa buangan kilang kelapa sawit yang lebih dikenali dengan singkatan bahasa Inggerisnya, POME (*palm oil mill effluent*) sebagai bahan mentah," katanya.

Selain itu, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam skop latihan, penerbitan, dan pertukaran maklumat yang dapat dimanfaatkan bersama.

Manakala program sangkutan dan latihan dapat memberi peluang kepada warga UMP mempelajari teknologi terkini yang berkaitan POME dan PHA.

Pada kunjungan ini juga delegasi UMP turut dibawa melawat sekitar makmal loji pandu Micromidas Inc.



## UMP jalin kerjasama dengan Neopeutics dalam bidang Bioteknologi

Berita dan foto oleh: HAZLINA FAIZAL



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dalam bidang bioteknologi dengan syarikat bereputasi tinggi iaitu Neopeutics InCorporation (Neopeutics) yang merupakan peneraju di dalam bidang penemuan bahan aktif yang berpotensi untuk dijadikan ramuan produk farmaseutikal.

Satu bentuk kerjasama telah dimeterai melalui Memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif Neopeutics, Dr. Izza Jahari.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Seri Mohd Hilmey Mohd Taib, ahli LPU, Syed Mohamed Hamzah Al-Junid Syed Abd. Rahman dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusof.

Profesor Dato' Dr. Daing berkata, syarikat yang kini bertapak di South San Francisco ini terkenal dengan bioteknologi industri.

"Diasaskan oleh Dr. Izza Jahari yang merupakan seorang rakyat Malaysia sangat komited dalam penemuan dan pengkomersialan produk herba semula jadi yang berkualiti ke pasaran biofarmaseutikal antarabangsa," katanya.

"Kerjasama ini memberi peluang kepada UMP untuk menghantar kakitangan dan juga pelajar untuk menjalani latihan strategik di dalam pelbagai bidang penemuan inovasi dan juga keusahawanan di Neopeutics," katanya.

Kerjasama ini juga memberi tumpuan dalam bidang penyelidikan yang melibatkan pembangunan produk nutrasetikal dan pengkomersialan produk penyelidikan UMP.





## UMP meterai kerjasama dengan ISN dan Silterra

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) bagi menerajui penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia yang bakal memberi fokus terhadap penyelidikan berasaskan kejuruteraan untuk membantu atlet tempatan mencapai aras daya saing yang tinggi melalui pendekatan saintifik demi melahirkan atlet yang berprestasi tinggi.

Pemeteraian persefahaman kedua-dua pihak ini bertepatan bagi mendukung aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta Kementerian Belia & Sukan (KBS) untuk memartabatkan sukan tanah air melalui kerjasama strategik.

Aspirasi persefahaman ini melibatkan perkongsian kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Sains Sukan, Perubatan Sukan, Kejuruteraan, Sains, dan

Teknologi serta mewujudkan jalinan kerjasama melalui pembangunan penyelidikan Sains dan Kejuruteraan Sukan.

Majlis menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus manakala ISN diwakili Ketua Pegawai ISN, Dr. Mohd Khairi Zawi dan Ahli Lembaga ISN Hazally Jali dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Kampus Gambang pada 8 Mac 2016 yang lalu.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP yang memfokus terhadap bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi tulen menampilkan keunikan yang inovatif melalui penyelidikan interdisiplinari yang berkaitan.

"Pada tahun 2011, apabila KPT memandatkan UMP untuk menerajui penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia, universiti ini melihat kepercayaan tersebut sebagai satu peluang lonjakan kegemilangannya.

"Walaupun seseorang atlet itu secara umumnya dinilai berdasarkan aspek pemakanan, kecergasan dan taktikal, namun perkembangan penyelidikan telah mendapati bahawa aspek kejuruteraan sukan juga signifikan dalam mempengaruhi prestasi atlet," katanya.

Menurut beliau, penyelidikan yang

dilakukan di Makmal iMAMS melihat aspek aplikasi teknikal matematik dan fizik untuk membantu menyelesaikan masalah dalam pembangunan sukan untuk membantu pencapaian atlet melalui rekabentuk peralatan, analisis pencapaian atlet, jaminan keselamatan peralatan, pembangunan alat bantu kejurulatihan dan sebagainya.

"Maka, inilah peranan yang dimainkan oleh para jurutera sukan dalam mengkomplimentari aspek fisiologikal yang dilihat oleh saintis sukan," ujar beliau.

Dalam masa yang sama UMP turut menandatangani MoU dengan Silterra Malaysia Sdn. Bhd. yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Firdaus Abdullah dan Pengarah Korporat & Pembangunan, Tahiruddin Haji Hamdan.

Dengan pemeteraian kerjasama dengan Silterra ini akan memberi nilai tambah kepada UMP dalam mengembangkan lagi penyelidikan dalam Kejuruteraan Industri, Kejuruteraan Pembuatan, *IC Design*, Pembangunan Perisian, Automasi dan Pembangunan Sumber Manusia serta lain-lain dalam Kejuruteraan Industri.

Hubungan bilateral ini turut meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang berpotensi untuk dijayakan oleh kedua-dua institusi ini. Majlis turut dihadiri Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan pensyarah UMP, Profesor Dr. Zahari Taha.



## Projek WBL POU-UMPH jalin kerjasama dalam bidang Sivil dan Pembinaan

UMP Holdings Sdn. Bhd. dan Politeknik Ungku Omar (PUO) jalin kerjasama dalam melaksanakan projek Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) dalam bidang Kejuruteraan Sivil dan Pembinaan sebagai usaha melahirkan tenaga kerja dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET) menjelang tahun 2020.

Majlis menandatangani nota persefahaman menyaksikan Pengarah Urusan UMPH, Syed Mohammad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman bertukar dokumen dengan Pengarah PUO, Datuk Md. Nor Yusof dalam majlis yang diadakan di Dewan Putra Perdana 1, Hotel Shang Ri-La Putrajaya pada 18 Januari 2016 yang lalu.

Hadir sama menyaksikan majlis yang bermakna ini adalah

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar.

Menurut Syed Mohammad Hamzah, seramai 10 pelajar PUO akan menjalani latihan industri sambil bekerja di beberapa anak syarikat UMPH. Sepanjang latihan ini mereka juga perlu mengikuti pembelajaran WBL sebanyak lima modul mengikut sebagaimana yang ditetapkan pihak PUO.

"UMPH berbesar hati atas kerjasama yang diberikan oleh pihak PUO bagi menempatkan pelajar-pelajarnya di sini dan percaya usaha ini dapat meningkatkan pengeluaran tenaga kerja dalam bidang ini," katanya.

"UMPH akan memainkan peranan dengan memberikan khidmat nasihat serta kepakaran untuk menggubal dan menyemak kurikulum yang menepati dan bersesuaian dengan pelajar-pelajar yang mengikuti program WBL-BCET ini.

"Pelajar ditempatkan di beberapa anak syarikat UMPH yang menjalankan penyelidikan berfokuskan teknologi hijau seperti UMP Green Technology Sdn. Bhd., UMP Innovest Sdn. Bhd. dan UMP Ecopest Sdn. Bhd.," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam PUO, Che Nor Azman Che Wan berkata, sepanjang tempoh latihan ini, UMPH akan memainkan peranan memberi khidmat nasihat serta kepakaran untuk menggubal dan menyemak kurikulum supaya ia bersesuaian dengan keperluan pelajar PUO.



## UMP terima bantuan zakat pendidikan MUIP berjumlah 200 ribu

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan Zakat Pendidikan daripada pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sebanyak RM 200,000 dalam usaha membantu pelajar susah pada 7 Januari 2016 yang lalu.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir menerima replika cek yang disempurnakan Kebawah Duli yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dengan disaksikan oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Adnan Haji Yaakob Menteri Besar Pahang. Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YB Dato' Sri Muhammad Safian Ismail, dan Timbalan Yang di-Pertua MUIP, Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, UMP amat menghargai sumbangan dari pihak MUIP ini yang diharapkan menerusi bantuan ini universiti dapat menyalurkannya kepada pelajar yang amat memerlukan.

Katanya, walaupun kebanyakan pelajar universiti menerima pembiayaan daripada pelbagai agensi termasuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), terdapat juga pelajar daripada keluarga miskin yang

terpaksa membantu keluarga menggunakan wang tersebut.

"Permohonan dibuka kepada semua pelajar yang ditimpa kesusahan yang dibantu melalui bantuan sara diri ataupun bantuan yuran pengajian dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) sentiasa memantau kebajikan mereka dari semasa ke semasa agar mereka tidak tercicir dalam pengajian.

Begitu juga dengan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) yang turut berperanan menjalankan Program Jejak Asnaf dalam usaha membantu pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang susah," katanya.

Beliau turut berharap bantuan itu dapat menampung keperluan pengajian pelajar selain meringankan beban keluarga mereka. Selain UMP turut sama menerima bantuan Zakat Pendidikan adalah Jabatan Agama Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Maahad Tahfiz Negeri Pahang dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Majlis penyerahan zakat diadakan bersempena Majlis Perasmian Pasaraya Darulmakmur Cawangan Jengka Bandar Tun Abdul Razak anjuran jabatan itu.



## UMP terima sumbangan zakat BIMB sebanyak 30 ribu untuk bantu mahasiswa

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM30,000 kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk disalurkan kepada mahasiswa kurang berkemampuan.

Zakat berkenaan disampaikan oleh Ketua Pegawai Kumpulan Syariah, BIMB, Mohd Nazri Chik kepada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam satu majlis di UMP Pekan pada 12 Februari 2016 yang lalu.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir melahirkan ucapan penghargaan kepada BIMB di atas sumbangan ini bagi membantu keperluan mahasiswa UMP.

Katanya, UMP amat menghargai keprihatinan BIMB dalam melunaskan kewajipan sosial korporatnya dengan menyalurkan sumbangan zakat untuk dimanfaatkan oleh para pelajar.

"Setakat ini ramai pelajar telah menerima manfaat hasil daripada pemberian sumbangan zakat perniagaan ini dan pihak pentadbiran UMP berterima kasih kerana keprihatinan tersebut," katanya.

Menurut beliau, tidak dinafikan segelintir mahasiswa datang daripada

keluarga yang berpendapatan rendah dan menghadapi kesukaran dalam menanggung kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini.

Tambahnya lagi, sumbangan itu diharap dapat digunakan sebaik-baiknya oleh penerima sepanjang menjalani kehidupan sebagai mahasiswa universiti.

Dalam pada itu, Mohd Nazri berkata, peruntukan itu ialah salah satu usaha BIMB mencapai keseimbangan terutama dalam mewujudkan nilai murni kepada semua pemegang kepentingannya.

Ujarnya, pemberian zakat tersebut bertujuan untuk mengurangkan bebanan mahasiswa kurang berkemampuan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Bendahari, Zainudin Othman, Pengurus Perniagaan BIMB Cawangan Pahang, Dato' Abd Manan Talib, Pengurus Bank Islam Cawangan Kuantan, Amirudin Mohamed Ariffin, Pegawai Wilayah Timur, Muhamad Nazri Ramli dan Pengurus Perhubungan, BPF, Wilayah Timur, Mohd Luqman Hazim Mohd Rosmi.



# Bengkel Pelan Strategik UMP menjana kegemilangan

Berita dan foto oleh: ERIENA KAMARUZAMAN



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Bengkel Pembentukan Pelan Strategik UMP 2016-2020 bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang diadakan di Swiss Garden Residences, Kuala Lumpur pada 24 Januari 2016 yang lalu.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK) itu melibatkan penyertaan seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi universiti termasuk dekan dan ketua pusat tanggungjawab terlibat.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah, Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail, bengkel pada kali ini melihat secara kolektif dan menyemak draf cadangan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

"Penyediaan draf Pelan Strategik ini telah melalui proses tinjauan pendapat, perbincangan, kajian lapangan dan beberapa siri bengkel yang melibatkan warga UMP di pelbagai peringkat sejak Oktober tahun lalu," katanya.

Ujar beliau, Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang bertemakan 'Menjana Kegemilangan' ini merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Ia juga menandakan bermulanya fasa ke-4 perancangan strategik UMP yang telah diasaskan semenjak penubuhannya pada tahun 2002," ujar beliau.

Dalam masa yang sama turut berlangsung sesi forum bertajuk '*Towards A Global Competitive Player - How Strategic Planning Helps?*' yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Program ini memberi peluang kepada warga kerja universiti berkongsi pengalaman dengan dua tokoh korporat iaitu Anas Ahmad Nasaruddin yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MARDITech Corporation dan Faris Yahaya yang merupakan Pengarah Urusan Cyberview Sdn. Bhd.



## Buku *Lean Manufacturing Tools* menang di Iran

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Buku berjudul '*Lean Manufacturing Tools*' terbitan Penerbit UMP terpilih sebagai buku teks terbaik dalam bidang Kejuruteraan Industri oleh Universiti Islam Azad, Iran dalam Majlis Anugerah Penerbitan anjuran universiti itu pada 20 Januari 2016 yang lalu.

Buku yang ditulis oleh pensyarah Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Dr. Shahryar Sorooshian itu turut dicadangkan sebagai rujukan kepada pengurusan industri kejuruteraan berikutan kualiti kandungannya yang baik dan sesuai dibaca oleh pemain industri serta pelajar lepasan ijazah.

Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, pihaknya amat menggalakkan kerjasama dengan universiti luar bagi memperkenalkan produk penerbitan UMP ini kepada masyarakat antarabangsa.

"Kemenangan ini amat membanggakan kami kerana ia merupakan kejayaan pertama pada tahun ini yang diraih oleh Penerbit UMP di peringkat antarabangsa.

"Justeru, saya mengharapkan lebih banyak lagi peluang seperti ini pada masa akan datang bagi membuktikan keupayaan pensyarah kita dalam menghasilkan buku yang baik dan berkualiti tinggi," katanya.

Hasil daripada kemenangan itu, Dr. Shahryar memperoleh hadiah berbentuk wang tunai serta sijil penganugerahan buku teks terbaik dari universiti tersebut.



## Lebih 500 jayakan Kempen Gaya Hidup Sihat

Lebih 500 orang daripada kalangan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Indera Shahbandar menyertai program berjalan 10 ribu langkah dan merentas desa sempena Kempen Gaya Hidup Sihat pada 22 Januari 2016 yang lalu di UMP Pekan.

Program bermula dengan senamrobik sebelum bergerak berjalan kaki sejauh tiga kilometer dari Pusat aktiviti Pelajar UMP Pekan menuju ke Kompleks Pentadbiran Utama dan berakhir di Pusat Aktiviti Pelajar.

Manakala bagi 400 pelajar SMK Indera Shahbandar pula aktiviti rentas desa bermula dari sekolah berkenaan yang terletak berdekatan dengan kampus UMP menuju ke Pusat Aktiviti Pelajar universiti ini.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainudin yang menyertai program sejak awal pagi. Hadir sama Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Ketua Pusat Sukan, Mohd Aznorizamin Ismail, Guru Penolong Kanan 1, Tuan Haji Abd Rahman Sulong dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Suhaimi Karim.

Profesor Dato' Dr. Yuserrie dalam ucapan perasmian berkata, program yang julung kalinya ini dapat dilaksanakan bersama warga SMK Indera Shahbandar.

"Walaupun pada awal pagi tadi hujan lebat namun bersyukur kita dapat melaksanakan program ini dengan jayanya.

"Program ini bertujuan mempertingkatkan kesedaran mengenai pentingnya kesejahteraan dan kesihatan melalui amalan gaya hidup sihat menerusi aktiviti berjalan kaki. Di samping itu, ia juga dapat memupuk budaya menjaga kesihatan dari segi fizikal dan rohani," katanya.

Beliau turut memuji penganjuran program melibatkan beberapa jabatan seperti Jabatan Pendaftar, Pusat Sukan, Pejabat Naib Canselor dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang merupakan satu inisiatif berkonsepkan *Blue Ocean Strategy* sejajar dengan hasrat universiti yang menggunakan pendekatan ini dalam merangka Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Katanya, menerusi program ini juga dapat menjadi platform untuk mengukuhkan hubungan antara UMP dengan SMK Indera Shahbandar.

Tambahnya lagi, dalam penjagaan kesihatan, amalan permakanan juga perlu ditiitikberatkan menerusi mengurangkan gula, garam dan minyak dalam sesuatu hidangan.

"Selain bersukan dan bersenam, aktiviti ini bukanlah acara bermusim dan perlu dilakukan setiap hari agar badan sentiasa cergas malahan tugas seharian lebih bersemangat dan proaktif.

"Dengan kesihatan yang baik, mudahlah kita melakukan pelbagai tugas besar dan mencabar seterusnya untuk terus berjaya dan mengharapkan program ini dapat dijadikan aktiviti bulanan dalam menghayati gaya hidup sihat," ujar beliau.

Manakala menurut Guru Penolong Kanan 1, Tuan Haji Abd Rahman Sulong, amat berterima kasih kepada UMP di atas program kerjasama ini, menerusi program ini dapat memberi galakan kepada Pelajar untuk menyertai program rentas desa pada hari ini.



## UMP cakna bantu kebajikan pelajar

Isu masalah pelajar yang terpaksa 'ikat perut' di universiti sepatutnya tidak berlaku memandangkan setiap universiti awam mempunyai Tabung Kebajikan Pelajar yang diwar-warkan mengenai tujuan dan peranan tabung ini dalam membantu masalah kebajikan pelajar dari aspek kewangan, bantuan seperti perubatan, khairat kematian dan lain-lain sejak awal pelajar mendaftarkan diri.

Malahan pelajar yang bermasalah dinasihatkan supaya lebih prihatin dan mengambil tahu tentang saluran yang betul untuk mendapatkan bantuan. Melalui bantuan yang disediakan sepatutnya tidak ada ruang bagi pelajar menghadapi masalah kewangan yang teruk sehingga terpaksa berlapar di universiti.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti juga melipatgandakan pelbagai usaha bagi menjaga kebajikan pelajar terutamanya peranan yang dimainkan pihak Jabatan Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) melalui Unit Pembiayaan dan Kebajikan Pelajar serta Exco Perkhidmatan dan Kebajikan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Exco Kebajikan di peringkat fakulti dalam mengenal pasti pelajar susah atau yang memerlukan bantuan sepanjang pengajian.

"Sesi perjumpaan dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mendapati tiada

satu pun laporan kes pelajar yang tidak makan di universiti ini namun kebanyakan pelajar sanggup mengurangkan belanja makan sebagai langkah berjimat cermat dan berusaha merancang perbelanjaan mereka," katanya dalam mempengerusikan sidang media bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Zenith Hotel Kuantan pada 17 Januari 2016 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Yang di-Pertua MPP UMP, Madyasir Ahmad Basir.

Ujar beliau, pelajar yang memerlukan bantuan boleh mendapatkan bantuan daripada kaunselor, pengetua kolej kediaman atau terus ke kaunter pejabat JHEPA. Permohonan zakat juga dibuka setiap masa untuk membolehkan pelajar membuat permohonan pada bila-bila masa.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP juga menawarkan skim tunai segera sejak beberapa tahun lalu untuk membantu pelajar yang mengalami masalah kecemasan termasuklah kematian mahupun kes kehilangan duit atau pelajar yang tidak mempunyai wang untuk pulang ke kampung.

Setakat tahun lalu, katanya UMP telah membelanjakan sebanyak RM 323,438 bagi bantuan kebajikan. Jumlah ini termasuk RM 29,887 untuk elaun pelajar yang dilantik

di bawah Skim Pelajar Bekerja (SPB) manakala jumlah ini juga melibatkan sumber dari tabung kebajikan pelajar, tabung zakat, tabung kolej kediaman dan tabung masjid.

Menurutnya, seramai 2,412 orang pelajar dan seramai 43 pelajar dalam SPB menerima manfaat termasuklah penerima bantuan zakat, bantuan yuran pengajian, khairat kematian, bantuan bencana, bantuan sara diri, sumbangan untuk perubatan serta pelbagai program yang dijalankan.

Selain itu, Pusat Keusahawanan UMP juga sentiasa menggalakkan pelajar menyertai program yang dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada mereka untuk berniaga termasuklah menawarkan ruang niaga, perniagaan tanpa premis, *Car Boot Sales* dan karnival keusahawanan dalam memberikan pendapatan mahasiswa sendiri.

Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) juga berperanan menjalankan Program Jejak Asnaf dalam usaha membantu pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang susah. PIMPIN juga menyediakan makan tengah hari pada hari-hari tertentu di masjid UMP.

Malahan Program Iftar Jamaie yang diadakan sejak dua tahun lalu menyediakan juadah makan secara percuma pada setiap hari Khamis dan hidangan bubur selepas Solat Jumaat untuk diagihkan kepada pelajar





UMP yang layak menerima manfaat ini. Bukan sahaja menyediakan bantuan penyediaan makanan sepanjang bulan Ramadan setiap tahun.

Menjelang peperiksaan, UMP melaksanakan Program Kongsi Rezeki: *Cheap Lunch Take Away* yang dijalankan bagi membantu pelajar dengan menyediakan makanan tengah hari yang bernilai lima ringgit dan dijual dengan harga seringggit sahaja sebagai usaha membantu pelajar meringankan beban pelajar.

Dalam usaha memasyarakatkan kampus, Persatuan Wanita UMP (Matahari) juga memperkenalkan Program Baucer Sinaran berbentuk tajaan makan tengahari untuk membantu pelajar yang kurang berkeupayaan.

UMP serius menangani isu kebajikan pelajar dan sentiasa meningkatkan usaha dalam membantu golongan yang memerlukan termasuklah memperkenalkan program *MyGift* UMP yang mengalakkan seluruh warga dan orang ramai turut sama menyumbang bagi membantu insan lain.

Sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP melalui potongan gaji, derma pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat dalam menyokong pembedayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan ini pastinya dapat

melonjakkan kegemilangan universiti dalam merealisasikan Pelan Strategik UMP (2016-2020) bertemakan menjana kegemilangan.





## UMP perkenal EAP bantu staf bangunkan budaya cemerlang

Oleh: SUZLINA MOHAMAD

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan Program Bantuan dan Sokongan Staf yang dikenali sebagai *Employees Assistance Programme* (EAP) dalam usaha membangunkan satu budaya cemerlang (*a culture of excellence*) dalam segala aspek. Ini termasuklah mengamalkan gaya hidup sihat, kesedaran dan pematuhan yang tinggi kepada peraturan dan amalan kehidupan lestari.

Program EAP merupakan satu inisiatif UMP untuk warga kerjanya dalam meningkatkan kepuasan kerja warga dengan memfokus kepada penawaran dan perkhidmatan untuk kesejahteraan staf. Program ini adalah hasil cetusan idea Naib Canselor UMP yang disampaikan dalam Majlis Amanat Naib Canselor pada tahun lalu.

Menurut Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, tujuan utama penubuhan EAP adalah untuk memberikan khidmat nasihat kepada staf UMP yang menghadapi kesulitan dalam urusan kerja, keseimbangan kerjaya dan keluarga, kesihatan fizikal dan emosi (*wellness*) serta isu perubahan kehidupan peribadi yang secara langsung memberi impak kepada kualiti, tumpuan dan prestasi kerja harian staf.

“Dengan penubuhan satu entiti baharu iaitu Unit Perundingan & Bantuan Staf (UPBS) ini, mereka akan memberi perkhidmatan nasihat kepada staf UMP yang menghadapi kesulitan dalam urusan kerja, keluarga, kerjaya dan kesihatan yang secara langsung memberi impak kepada kualiti,” katanya.

Tambah beliau, program ini merupakan salah satu usaha aktif pihak pengurusan UMP untuk membantu staf berkenaan secara profesional dengan percuma dan jaminan kerahsiaan. Selain itu,

staf berkenaan akan diberikan bantuan sama ada bentuk kaunseling pendek, konsultansi atau rujukan.

Program ini ditanda aras daripada amalan terbaik seumpamanya yang diwajibkan kepada staf semua universiti ternama dunia termasuk di Amerika Syarikat dan United Kingdom bagi memastikan kecemerlangan prestasi kerja dapat terus dikekalkan malah dipertingkatkan.

Bagi ketua UPBS, Haji Samsudin Abdullah, pada masa ini satu program *roadshow* giat dijalankan secara berkala melibatkan 32 pusat tanggungjawab bagi memberi penerangan dengan jelas dalam memberi maklumat secara terus kepada staf berkenaan objektif, perkhidmatan yang disediakan dan bagi mendapatkan maklum balas staf kepada program yang dijalankan.

Beberapa inisiatif awal telah dilaksanakan UPBS bagi mewujudkan keperluan dalam melaksanakan EAP di UMP antaranya adalah mewujudkan Polisi EAP, Portal Rasmi, Sistem Permohonan dan statistik EAP, pembangunan bangunan dan ruang perkhidmat EAP dan juga menjalankan beberapa sesi *pre-assessment* dan program latihan yang berkaitan.

Bagi memastikan program ini mempunyai reputasi dan kebolehpercayaan setara dengan fungsi yang dijalankan. Ia perlu dirujuk kepada badan-badan profesional dan pengamal EAP dalam kalangan agensi atau organisasi yang telah lama melaksanakan prosedur ini melalui program penanda aras dan persidangan profesional bagi mendapatkan input terkini dan komprehensif.

Dalam arus dunia yang terus mengalami perubahan yang pesat dan dramatik, isu sumber manusia terus menjadi agenda yang perlu diberi perhatian sama ada oleh pengkaji akademik ataupun pengamal sumber manusia.

Melihat kepada fakta perubahan ini sebagai sesuatu yang perlu diberi fokus khususnya yang mempunyai kesan kepada persekitaran di tempat kerja termasuklah peningkatan pengaruh rangkaian sosial, kos penjagaan kesihatan dan penurunan motivasi dalam kalangan pekerja serta isu-isu peribadi yang memberi kesan langsung kepada produktiviti kerja.



# Maulidur Rasul Peringkat UMP disambut meriah

Lebih 500 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) berarak dan berselawat dari perkarangan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) menuju ke Masjid UMP di Pusat Aktiviti Pelajar, UMP Pekan sejauh dua kilometer sambil memperingati pengorbanan Nabi Muhammad SAW dalam memperjuangkan syiar Islam pada 7 Januari 2016 yang lalu.

Perarakan diketuai oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama pihak pengurusan serta melibatkan 20 kontinjen daripada jabatan dan fakulti yang mengambil bahagian.

Hadir sama ahli Lembaga Pengarah Universiti, Syed Muhammad Hamzah Al-Junid Syed Abd. Rahman yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif UMP Holdings Sdn. Bhd, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

Program anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor (PNC) dan Badan Kebajikan Staf Universiti (BKSU) itu bertujuan memperingati Hari Keputeraan Rasullallah SAW serta menghayatipengorbanan terhadap ummah serta mencontohi amalan baginda.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, walaupun kewajipan untuk mengingati junjungan agung kita, Nabi Muhammad SAW, tidaklah semata-mata terhad setiap kali tibanya ulang tahun tarikh keputeraan baginda iaitu pada setiap 12 Rabiulawal dalam kalendar Hijri.

"Namun, perhimpunan ini merupakan manifestasi iltizam dan tekad kita untuk mencontohi baginda dalam setiap lapangan kehidupan, selain ingatan yang berpanjangan terhadap baginda yang dilafaskan melalui selawat, salam dan doa pada etiap masa.

"Kita sesungguhnya amat bertuah kerana dilahirkan dalam agama fitrah ini dan amat beruntung kerana dipilih pula sebagai umat Nabi Muhammad S.A.W., penghulu sekalian Nabi dan Rasul.

"Justeru, sewajarnya kita mengambil pengajaran daripada riwayat hidup dan Sunnah yang dibawa oleh baginda, tidak hanya dalam kehidupan peribadi, tetapi juga dalam melunaskan kewajipan dan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam di universiti ini," ujar beliau.

Selain itu, beliau mengingatkan tentang kesatuan yang dilambangkan sama ada dalam kalangan staf mahupun mahasiswa sewajarnya berganding bahu dalam merealisasikan aspirasi dan agenda semasa universiti ini yang bukan sahaja sebagai azam tahun baharu 2016, tetapi juga sebagai pemangkin kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Tambah beliau, tema 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara' yang mendasari sambutan Maulidurrasul kali ini perlu diterjemahkan secara menyeluruh dalam konteks kewajipan kita sebagai seorang penjawat awam di UMP untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan dan pemegang taruh.

Sementara itu Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan pemenang perarakan yang dimenangi Jabatan Bendahari di tempat pertama. Diikuti Jabatan Pendaftar di tempat kedua dan Jabatan Hal- Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA).

Turut dipilih sebagai pemenang adalah gabungan Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) dan German Academic & Career Centre (GACC), Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH).

Majlis turut diserikan dengan ceramah yang disampaikan **Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid** yang berkongsi cerita tentang kepimpinan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.



## Kolokium PPTI bincang tentang Infografik

Lebih 50 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengikuti Program Kolokium Pentadbir Siri 1/2016 anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PPTI) bagi meningkatkan pemahaman mengenai penggunaan Infografik yang menjadi trend dalam menyampaikan maklumat di Dewan Bankuet, UMP Pekan pada 3 Februari 2016 yang lalu.

“Infografik adalah merujuk kepada informasi yang disampaikan dalam bentuk grafik yang menarik, sehingga penyampaian data dan informasinya lebih mudah difahami.

“Selain merupakan trend masa kini informasi yang dipaparkan juga lebih senang diingati dan difahami,” kata Timbalan Pegawai Teknologi Maklumat & Komunikasi, Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK), Wan Azlee Haji Wan Abdullah.

Beliau yang memberikan pencerahan tentang topik ini berkata, kebanyakan teknik penyampaian masa kini lebih berbentuk Infografik.

“Dengan visualisasi data informasi lebih kompleks ini dapat menarik perhatian pembaca serta memahami dengan lebih mudah dan cepat.

“Terdapat tiga jenis Infografik iaitu statik, animasi dan interaktif. Namun, apa yang kita lihat sekarang trend penyampaian maklumat masa kini lebih banyak menggunakan teks dan visual.

“Mesej berbentuk Infografik ini lebih cepat sampai memandangkan otak manusia dapat menangkap informasi yang disampaikan

menerusi Infografik berbanding teks,” katanya.

Selain itu katanya, menerusi satu visual yang menarik dapat memberi gambaran keseluruhan isi kandungan mengenai sesuatu info.

“Secara tidak langsung perkara yang rumit akan menjadi mudah difahami serta memudahkan penerimaan info melalui gambaran visual,” tambah beliau.

Bagi peserta kolokium, Norhidayah Mohamad dari Pejabat Naib Canselor berkata, program hari ini banyak memberi idea untuk beliau mengaplikasikan Infografik dalam melaksanakan tugas terutama dalam penyediaan slaid perbentangan.

Hadir sama bekas Pemangku Presiden PPTI, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais dan Arman A. Rahim yang merupakan Presiden PPTI yang baharu dilantik pada Mesyuarat Agung Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas bagi sesi 2016/2018.



## Projek Kongsi Rezeki UMP Bantu Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan Program Kongsi Rezeki: *Cheap Lunch Take Away* sebagai usaha membantu pelajar mendapatkan bantuan makanan yang diagihkan dengan kadar RM1 sahaja.

Program Kongsi Rezeki ini yang dijalankan dengan kerjasama kafeteria universiti menyediakan sebanyak 400 pek makanan untuk diagihkan kepada para pelajar UMP di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Pekan khususnya yang merasakan diri mereka mempunyai masalah kewangan yang kritikal dan layak untuk menerima manfaat ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, pihak JHEPA mensasarkan pelajar ini dapat membantu golongan pelajar yang kurang berkemampuan.

"Program sebegini dapat memberi kesedaran kepada warga UMP sekaligus rasa bersyukur yang sangat tinggi diaats rezeki yang telah diberikan kepada diri masing-masing," katanya.

Tambah beliau, program ini juga sebagai menyokong usaha universiti yang memperkenalkan program *MyGift* UMP yang mengalakkan seluruh warga dan orang ramai menyumbang bagi membantu insan lain yang memerlukan bantuan.

Menurut Pegawai Psikologi, Nur Azila Osman, kebiasaannya pelajar yang kurang berkemampuan akan mengikat perut untuk menikmati makanan kerana faktor kekurangan sumber kewangan terutamanya di hujung semester dan kita tidak mahu psikologi pelajar terganggu.

Sementara itu, Siti Norhidayah, 22 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang kini menuntut di tahun ketiga berpendapat program sebegini wajar diteruskan saban tahun bagi membantu pelajar yang dari golongan susah. Selain itu, program sebegini sungguh bermakna buat pelajar walaupun sekadar sumbangan makanan namun besar ertinya bagi pelajar.

Begitu juga dengan Ashwindran Naidu a/l Sanderasagran, 24 dari FKM kini di tahun kedua pengajian menyatakan sokongan terhadap program ini yang sangat membantu para pelajar tatkala pelajar berdepan dengan musim peperiksaan.

Program itu dijalankan selama seminggu iaitu bermula dari 4 hingga 8 Januari 2016 yang lalu sempena minggu peperiksaan.



## Projek Pasar Percuma bantu penduduk Kuala Pahang

Projek Pasar Percuma anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama RTC Kuala Pahang yang berlangsung di Dewan Terbuka Perumahan Komuniti Bersepadu (PKB) Kuala Pahang pada 5 Mac 2016 yang lalu mendapat sambutan ramai terutamanya daripada penduduk Kuala Pahang.

Pegawai Psikologi UMP merangkap Pengarah Program, Paridah Mohd Ali, Projek Pasar Percuma yang bertemakan keperluan sekolah ini merupakan satu program CSR (*Corporate Social Responsibility*) berkonsepkan memberi keperluan peralatan sekolah secara percuma kepada golongan yang memerlukan.

"Kali ini konsep yang ditekankan kepada penerima cuma mereka perlu memberi salam, senyum dan mengucapkan terima kasih apabila menerima barangan. Manakala pemberi akan menyumbangkan barangan sekolah yang tidak digunakan tetapi masih elok dan boleh dipakai. Barangan tersebut juga boleh ditukar dengan kupon yang disediakan oleh pihak penganjur.

"Selain itu juga terdapat juga perkhidmatan gunting rambut secara percuma yang disediakan untuk remaja lelaki manakala bagi remaja perempuan pula boleh mendapatkan perkhidmatan mencuci dan menghias kuku secara percuma," katanya.

Tambahnya lagi, projek ini bertujuan untuk mendidik budaya saling hormat menghormati dengan adab senyuman dan budaya berterima kasih kepada orang lain. Di samping itu, ia dapat menggalakkan sikap suka memberi dalam kalangan masyarakat kepada golongan kurang berkemampuan dan menyemai sikap bersyukur dan tidak membazir dalam kalangan masyarakat.

Beliau amat bersyukur sambutan yang diterima amat menggalakkan terutamanya dengan kehadiran pengunjung terdiri daripada pelajar sekolah, guru-guru sekitar Kuala Pahang, ibu bapa dan masyarakat setempat. Begitu juga sokongan daripada pihak UMP Advanced Education (UAE).

Majlis ini juga turut diserikan lagi dengan kehadiran Adun Peramu Jaya, YB Dato' Sri Sh. Mohamed Puzi Sh. Ali yang sempat beramah mesra dengan penduduk yang hadir mendapatkan keperluan sekolah secara percuma.

Turut terlibat dalam menjayakan program ini iaitu Persatuan Kakitangan Akademik (Pakkad) Persatuan Pegawai Ikhtisas (PPTI), Kelab RESPEC JHEPA dan Majlis Perwakilan Pelajar UMP.

Manakala agensi luar yang terlibat adalah Jabatan Imigresen, Jabatan Pertanian Daerah Pekan, Kolej Giat MARA Kuantan dan Kolej Giat MARA Pekan. Turut serta adalah pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Indera Shahbandar Pekan.



## UMP jalin kerjasama baik dengan pengamal media



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Majlis Santai Makan Malam Media bersama UMP bagi meraikan pengamal media dalam mengekalkan hubungan baik kedua-dua pihak pada 15 April 2016 yang lalu.

Hadir memeriahkan program Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Presiden Kelab Media Pahang, Dato' Nik Naizi Husin dan Pendaftar, Abd. Hamid Majid.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, program ini bertujuan meraikan dan menghargai jasa yang disumbangkan oleh pihak media kepada pihak universiti selain dapat mengeratkan lagi hubungan.

"Universiti juga sentiasa mencari ruang untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh mendekatkan pengurusan universiti dengan warga media.

"Alhamdulillah, dengan publisiti dan liputan meluas yang telah diberikan oleh pihak media selama ini, masyarakat awam kini telah mengenali UMP dan mengetahui peranannya dalam melahirkan jurutera dan teknologi yang berdaya saing.

"UMP sangat berbesar hati mendapat kerjasama yang tidak berbelah bagi daripada pihak agensi media," katanya.

Berkongsi tentang perkembangan universiti, UMP juga giat berinovasi bagi melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif yang dapat melonjakkan kegemilangan UMP dalam merealisasikan Pelan Strategik UMP (2016-2020) yang bertemakan 'Memasyarakatkan Teknologi'.

Beliau mengharapkan banyak lagi aktiviti dapat dijalankan antara UMP dengan pihak media bagi mengukuhkan jalinan yang sedia ada agar terus berkekalan. Lebih 50 dalam kalangan ketua biro dan pengamal media hadir dalam majlis yang berlangsung di Restoren Iseefood Kuantan.



## Peserta akademik empower ECER cemerlang dirai

Oleh: NORHIDAYAH MOHAMED



Seramai 200 ibu bapa dan pelajar dari beberapa buah sekolah sekitar daerah Bera hadir bagi meraikan pelajar cemerlang akademik bagi tahun 2015 anjuran UMP Advanced Education (UAE) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) pada 15 April 2016 yang lalu.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri Guaif, Dato' Norol Azali Sulaiman dan Pengurus Besar ECERDC, Zulkifkifli Ya'acob yang berlangsung di Dewan Orang Ramai Padang Luas, Bera.

Dalam ucapan, Dato' Norol Azali berbangga dengan pencapaian seramai 54 orang pelajar program Latihan Akademik empower ECER Mahkota Bera yang telah mendapat keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun lepas.

"Program empower ECER yang dilaksanakan oleh ECERDC di Wilayah Pantai Timur (ECER) ini dapat merapatkan jurang perbezaan antara ekonomi yang wujud antara masyarakat luar bandar dan bandar selaras dengan Model Ekonomi Baharu (MEB) dan program Transformasi Ekonomi (ETP) negara," katanya.

Bagi Andnessa a/p Woon Siew Poh yang mendapat keputusan 5A dalam UPSR merasakan kepayahan hidup tidak menghalang beliau berusaha gigih untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan.

Beliau yang merupakan anak penoreh getah dari Kampung Kuin Pos Iskandar, Sri Bera ini ingin membuktikan bahawa anak seorang penoreh getah juga boleh cemerlang dalam akademik. Mengimbas kenangan persekolahannya, beliau memulakan perjalanan daripada rumah ke sekolah yang mengambil masa 45 minit dengan berjalan kaki menyeberangi sungai di musim kemarau ini.

Selain itu, dengan menggunakan generator bagi mendapatkan cahaya pada waktu malam untuk belajar tidak mematahkan semangatnya untuk mengulangkaji pelajaran. Beliau bercita-cita ingin menjadi seorang akauntan yang berjaya pada masa akan datang dan berhasrat mengubah nasib keluarga.

Empower ECER juga memfokuskan kepada Program Latihan Kemahiran Keusahawanan untuk orang dewasa dan Program Latihan Akademik untuk para pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam utama di ECER.





## Kursus Kejurulatihan *Certified* NLP bina keyakinan luar biasa

Seramai tujuh orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama 400 peserta lain dalam kalangan warga pendidikan tinggi menerima Sijil Kursus Kejurulatihan *Certified* NLP 2015 yang disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, YB. Dato' Seri Idris Jusoh bertempat di Dewan Zāba Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya pada 18 Januari 2016 yang lalu.

Hadir menerima sijil adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Ketua Pentadbiran JHEPA, Mohd Nazri Samsudin, Penolong Pendaftar, Mohd Nor Hisham Yusof @ Ibrahim, Penolong Pendaftar Kanan, Muhamad Faisal Mohd Yasin, Pegawai Psikologi, Fara Hazlini Mohd Som dan Nurazila Osman serta Pengetua Kolej Kediaman 2, Nasrul Salim Pakheri.

Program merupakan hasrat Dato' Seri Idris dalam usaha membangunkan agenda negara selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bagi mendorong kecemerlangan berterusan dalam pembangunan diri rakyat Malaysia kursusnya warga pendidikan tinggi.

"Program ini bertujuan untuk melatih seberapa ramai pegawai dengan kemahiran dalam menggunakan teknik NLP dalam

melaksanakan tugas harian termasuklah dalam proses pembelajaran bersama pelajar.

"NLP merupakan suatu kaedah hubungan antara proses neurologi (Neuro) dan bahasa (Linguistik) bagi mengubah pola perilaku melalui program minda untuk mencapai tujuan tertentu yang akan dapat membantu pembangunan diri pegawai melalui tindakan yang lebih strategik," kata Dato' Seri Idris semasa menyampaikan ucapan.

Tambahnya lagi, kursus ini telah bermula pada 14 September tahun lalu dengan pelaksanaan lima siri Kursus Kejurulatihan *Certified* NLP sepanjang tahun lalu dengan kerjasama Akademi NLP Malaysia untuk melatih warga pendidikan tinggi dengan kemahiran NLP.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berpendapat, program NLP ini merupakan satu program bersifat *coaching* bagi memberi bantuan untuk potensi luar biasa individu. Selain itu, menerusi kursus ini peserta dapat membina keyakinan, daya fikir serta konsultasi yang baik kepada individu untuk menyelesaikan masalah.

Katanya, kursus yang dihadiri selama empat hari ini banyak mendedahkan teknik baharu dalam menyelesaikan masalah seseorang itu menerusi kaedah terbaik dengan mengubah minda negatif kepada positif.

"Selain itu peserta diajar tentang bagaimana untuk meningkatkan kesedaran dan penerimaan yang melibatkan ceramah secara teori dan amali.

"Program ini juga dapat meningkatkan keupayaan keberkesanan komunikasi dengan *client* serta dapat memenuhi linguistik bahasa yang digunakan dalam perlakuan manusia yang didasari oleh tiga kriteria utama iaitu dengan melihat, dengar dan rasa.

"Kemahiran ini pastinya dapat mempertingkatkan usaha universiti dalam meningkatkan kaedah penyampaian dan menjalinkan hubungan baik dengan lebih berkesan," ujar beliau.



## Jabatan Pendaftar anjur Hari Bertemu Pelanggan

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI

Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan bagi memberi peluang kepada warganya untuk mendapatkan khidmat nasihat dan kemudahan yang disediakan pihak Jabatan Pendaftar yang dapat memanfaatkan staf universiti ini.

Mereka yang berkunjung berpeluang mendengar Taklimat Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang disampaikan Pengurus Kanan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor awam (LPPSA), Mohd. Rashidi Baba yang memberi pencerahan mengenai hal-hal berkaitan pinjaman perumahan, jenis pinjaman, kelayakan pinjaman, syarat peminjam, kadar pinjaman dan lain-lain.

Pada penganjuran kali ini, warga kerja UMP turut diberi penerangan mengenai pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam perkhidmatan awam yang disampaikan pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Syamsul Nizam Mohd. Razali.

Dalam pada itu, Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid yang hadir dalam program berkata, universiti akan memastikan staf yang kompeten akan

diberi ganjaran sewajarnya.

"Bagi staf yang berprestasi rendah mereka perlu diurus dengan sebaiknya melalui pelaksanaan *Pay for Performance* dan juga pelaksanaan *Exit Policy* ini mengikut pekeliling yang telah ditetapkan Kerajaan," katanya semasa menyampaikan ucapan dalam program ini pada 23 Mac 2016 yang lalu di Dewan Bankuet, UMP Pekan.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar UMP, Haryani Abdullah berkata, pihaknya turut menyediakan kaunter Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) atau Buku Rekod Perkhidmatan Secara Digital (*Digital Service Book*) dan Fail Peribadi untuk membolehkan staf menyemak dan mengemas kini maklumat secara terus dengan bantuan pegawai bertugas.

Dalam program yang sama juga berlangsungnya taklimat Rundingan dan Bantuan Staf (EAP) yang disampaikan oleh Haji Samsuddin Abdullah yang merupakan Ketua Unit EAP. Inisiatif baharu ini bertujuan memberi khidmat nasihat kepada staf yang menghadapi kesulitan dalam urusan kerja, keseimbangan kerjaya dan keluarga, kesihatan fizikal dan emosi serta isu perubahan kehidupan peribadi yang secara langsung memberi impak kepada kualiti tumpuan dan prestasi kerja.

Antara agensi yang terlibat ialah Takaful Malaysia, Pusat Zakat Pahang, Pasar Bergerak 1 Malaysia, Tabung Haji, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Biro Bantuan Guaman, Penerbit UMP dan UMP Holdings Sdn. Bhd.

Manakala taklimat insurans berkelompok disampaikan oleh Pengurus Perniagaan UMP Holding Sdn. Bhd, Aidy Syukri Yahya yang turut memberi penerangan mengenai Produk Ecopest.



## Kongres Ketua Pentadbir Hal Ehwal Islam bincang isu kontemporari ummah

Perมุafakatan antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama pihak berkepentingan seperti Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Jabatan Mufti Negeri Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Majlis Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia membolehkan edisi sulung Kongres anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) berjalan lancar.

Program yang berlangsung selama dua hari itu dirasmikan Exco Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas merangkap ADUN Kerdau, Dato' Syed Ibrahim Syed Ahmad sementara Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menyempurnakan majlis penutup yang berlangsung di Dewan Senat Kompleks Pentadbiran Utama UMP Pekan pada 21 Januari 2016 yang lalu.

Semasa menyampaikan ucapan, Profesor

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, komposisi penyertaan kongres yang meliputi para ketua pentadbir dan lain-lain pegawai yang bertanggungjawab terhadap urusan hal ehwal Islam daripada institusi pendidikan tinggi awam dan swasta yang beroperasi di negeri Pahang menyediakan platform pewacanaan minda yang ampuh dalam mendukung aspirasi dan semangat penganjuran persidangan ini.

"Tidak sekadar itu, penyertaan wakil-wakil agensi kerajaan, pertubuhan serta badan bukan kerajaan yang berkaitan dengan urusan dasar, pentadbiran dan dakwah Islamiah turut membuka perspektif yang lebih lebar dalam konteks diskusi dan pertimbangan telitian isu secara multidimensional sepanjang kongres ini berlangsung," katanya.

Beliau percaya bahawa ruang masa sepanjang kongres ini telah dimanfaatkan sebijaksananya dengan mengutamakan isu-isu kontemporari ummah yang memerlukan perhatian strategik para pentadbir hal ehwal Islam di kampus. Ini termasuklah penuluran ajaran songsang yang menyesatkan akidah, ancaman militan, gejala sosial, Islamophobia dan pertembungan gelombang pemikiran dalam pentafsiran agama.

Malahan sebagai hasil daripada pewacanaan isu-isu kontemporari ummah tersebut, maka kerangka strategik pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam dapat diwujudkan di setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi manfaat dan rujukan warga kampus yang berkenaan secara lestari.

Menurut Dato' Dr. Daing lagi, keupayaan bertindak secara strategik ini adalah pemangkin transformasi urus tadbir hal ehwal Islam di kampus-kampus institusi pengajian

tinggi yang membolehkannya beroperasi di luar konteks rutin, iaitu tidak terhad kepada mengurus masjid semata-mata.

Justeru katanya, cabaran utama yang perlu ditangani dalam kalangan pentadbir hal ehwal Islam di kampus ialah untuk membentuk budaya kerja cemerlang yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi dalam kalangan pengoperasi sistem tersebut berpaksikan pemikiran transformasional yang kreatif dan inovatif.

Sementara itu, Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, antara objektif yang ingin dicapai bagi tahun ini ialah memperkasa dan memperluaskan peranan Pusat Tadbir Hal Ehwal Islam IPT/IPTS sebagai pusat ilmu, pusat dakwah, pusat riadah dan pusat khidmat. Selain itu, pertemuan ini juga turut membincangkan dan menyelesaikan masalah isu semasa berkaitan Islam di IPT khususnya di Pahang serta menyatukan buah fikiran dan idea pimpinan dan pegawai Pusat Islam UA/IPTS.

Program yang bermakna ini turut dihadiri Mufti Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Dr. Haji Abdul Rahman Haji Osman, Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang, Dato' Haji Mohamad Noor Abdul Rani, Pengerusi Majlis Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, Profesor Dato' Dr. Muhammad Idris Saleh, Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Pahang, Dato' Haji Mohammad Mokhzani Mukhtar, Pengurus Besar Kanan Pusat Kutipan Zakat Pahang, Dato' Haji Halidan Md Daud, di-Pertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Dr. Yusri Mohamad dan Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang, Isa Abdul Hamid.



**CHECK IN....** Naib Canselor merakam waktu kehadiran pada hari pertama memulakan tugas di Canseleri Tun Abdul Razak di UMP Pekan.



**PERARAKAN....** Antara peserta yang menyertai sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMP.



**BERGAMBAR....** Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara Peringkat Universiti Awam (UA).



**BERKENALAN....** Naib Canselor beramah-mesra dengan pelajar-pelajar baharu UMP sempena Minggu Induksi Siswa (MINDS).





**KENANGAN....** YAB Perdana Menteri bergambar bersama-sama tetamu kenamaan sempena Majlis Perasmian UMP Pekan.



**BERJALAN....** Pelajar UMP turut serta menjayakan program Berjalan 10 ribu langkah



**MERIAH...** Persembahan semasa program International Open Day 2016.



**BERSAMA MEDIA....** Naib Canselor dan pegawai universiti bergambar bersama pengamal media selepas selesai Program Santai Makan Malam UMP bersama Media.

# Klik-Klik Lensa



## Warga UMP bantu sumbang keperluan bekalan tabung darah HTAA

Oleh: NORHIDAYAH MOHAMAD



Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan (HTAA) menganjurkan kempen derma darah yang berlangsung di Pusat Aktiviti Pelajar (PAP), UMP Pekan bermula pada jam 9 pagi sehingga 5 petang pada 23 Februari 2016 yang lalu.

Menurut Ketua Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), Dr. Khairul Salleh Abdul Basit, program yang dianjurkan pihaknya melibatkan kedua-dua kampus ini akan diadakan sekurang-kurangnya enam hingga tujuh kali setahun dalam usaha membantu bekalan tabung darah HTAA.

“Program ini dapat memupuk kesedaran kepada kalangan warga universiti tentang kepentingan menderma darah dan menjadikan sebagai amalan membantu mereka yang memerlukan. Usaha ini dilihat dapat menangani masalah kekurangan darah dalam tabung darah hospital,” katanya.

Sementara itu jururawat PKP, Fazliza Pekri berkata, penderma juga akan berasa lebih sihat berbanding sebelumnya kerana sel-sel darah yang baharu akan dihasilkan untuk menggantikan darah yang telah didermakan itu.

Selain pelajar dan staf, program ini juga memberi peluang orang awam hadir menderma dan memberi sokongan menjayakan kempen. Penderma diberikan hadiah sagu hati, merit dan sijil bagi merangsang mereka untuk terus menyokong program sebegini.

Program ini juga memberi manfaat kepada warga universiti membuat pemeriksaan secara percuma bagi tekanan daran, kandungan gula dan analisis berat jisim badan (BMI) yang ideal.

Pengunjung yang hadir turut berpeluang mendapatkan maklumat kesihatan termasuk pengesanan awal penyakit, meningkatkan tahap kesihatan kepada tahap yang lebih baik serta mengurangkan risiko kepada penyakit yang merbahaya.



## Warga UMP menyaksikan Fenomena Gerhana Matahari

Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak melepaskan peluang menyaksikan fenomena gerhana matahari secara lebih dekat di Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak UMP Pekan sekitar jam 8.25 pagi pada 9 Mac 2016 yang lalu.

Sejurus fenomena itu, warga UMP Gambang dan Pekan telah mengadakan solat sunat gerhana matahari dan seterusnya diikuti dengan penyampaian khutbah gerhana matahari yang disampaikan pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) iaitu Ustaz Dr. Mohammad Hilmi Mat Said di UMP Kampus Gambang manakala di UMP Pekan pula disampaikan oleh Ustaz Dr. Mansor Sulaiman.

Antara pengisian khutbah tersebut menerangkan menerusi fenomena ini kita dapat melihat antara kebesaran Allah S.W.T. Kita juga digalakkan untuk membuat perkara-perkara sunat seperti solat sunat gerhana, berzikir, bersedekah dan membaca al-Quran.

Menurut Ustaz Dr. Mansor, dan Ustaz Dr. Mohammad Hilmi, solat sunat ini juga dianggap istimewa kerana fenomena ini berlaku dalam tempoh masa tertentu sahaja dan jarang ditemui.

“Jadi kita sebagai makhluk Allah S.W.T. di muka bumi ini perlu merebut peluang untuk mengambil peluang ini,” kata mereka.

Turut diterangkan juga fenomena ini adalah ketentuan Tuhan dan tiada unsur aneh yang berlaku melibatkan kematian dan kehidupan seseorang pada waktu tersebut.

Khutbah tersebut dibacakan di hadapan lebih 100 jemaah di Masjid Kampus UMP Gambang dan Pekan.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) JHEPA, Profesor Dato’ Dr. Yuserrie Zainuddin dan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Shahrizai Haji Sarif, 45, berkata beliau bersyukur kerana berpeluang menyaksikan fenomena gerhana matahari.

Beliau berkata, fenomena seperti ini jarang berlaku dan berusaha menyaksikan saat ini.

Katanya, gerhana matahari dan bulan ini merupakan fenomena yang diciptakan oleh Allah S.W.T. untuk memperlihatkan tanda-tanda kebesaran-Nya.

“Selain itu juga, selama ini kita hanya mempelajarinya di sekolah namun pada hari ini kita dapat melihat secara realiti fenomena tersebut.

Manakala rakannya sekerjanya Nor Sabrina Ismail, 36 amat teruja dan bersyukur dapat pertama kali berkesempatan menyaksikan fenomena sebegini.

Katanya, seawal jam 8.00 pagi lagi beliau dan rakan menunggu di sini dengan membawa beberapa peralatan yang bersesuaian seperti cermin mata hitam, kamera, dan kaca filem berwarna hitam.

Beliau mengetahui mengenai fenomena ini menerusi maklumat yang terdapat dalam surat khabar dan media sosial.



## Penerbit UMP, MATDUM bakal terbit buku kompilasi kes tatatertib

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Majlis Tatatertib dan Disiplin Pelajar Universiti Malaysia (MATDUM) bakal menerbitkan Buku Kompilasi Kes Tatatertib dan Disiplin Pelajar Universiti Awam (UA) pada Jun 2016 ini.

Buku yang akan digunakan oleh pelajar baharu UA sesi 2016/2017 itu adalah bagi memudahkan mereka untuk memahami dengan lebih jelas kes dan tindakan yang akan diambil sekiranya melanggar peraturan yang ditetapkan oleh universiti.

Ketua editornya yang juga merupakan Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, buku ini mengandungi koleksi kes yang pernah dilakukan pelajar dan tindakan yang diambil oleh universiti terhadap kesalahan berkenaan.

"Sebagai contoh, kes pelajar meniru ketika peperiksaan dan menerima hukuman seperti digantung semester. Idea untuk menerbitkan buku ini bukannya untuk menakutkan pelajar tetapi sebagai peringatan yang jelas terhadap kesalahan yang dilakukan.

"Editorial buku ini terdiri daripada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim sebagai penaung, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrrie Zainuddin sebagai penasihat dan diketuai oleh Penolong Pegawai Penasihat Undang-undang Universiti Sains Malaysia (USM), Masmadhanur Aslinda Mohd Ali sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan serta wakil Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai editor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika bengkel penerbitan buku berkenaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada 11 April 2016 yang lalu.

Mohd Ghani berkata, sebelum ini, bengkel penerbitan buku itu juga turut diadakan di Terengganu bagi membincangkan kaedah penulisan yang bersesuaian dan hasil daripada itu, jawatankuasa bersepakat menggunakan sepenuhnya konsep Format Ghani kerana dapat memudahkan pelajar memahami kandungannya dengan lebih jelas dan tersusun.

Katanya, penggunaan buku ini juga adalah salah satu inisiatif MATDUM dalam menangani masalah disiplin yang berlaku dan sekaligus mengurangkan kadar salah laku pelajar di universiti.

MATDUM adalah salah satu majlis di bawah Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) UA dan bertanggungjawab menyelaraskan kes serta prosedur berkaitan tatatertib dan disiplin pelajar.





## Lebih 1,000 sertai Program Social Enterprise dalam Sehati

Lebih seribu mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Sehati@Gambang 2016 anjuran Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) dengan kerjasama Pusat Keusahawanan UMP bertempat di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 26 Mac 2016 yang lalu.

Menurut Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Profesor Dr. Noor Azlinna Azizan, program ini bertujuan memberi penerangan kepada peserta mengenai peranan *social enterprise* dalam ekonomi negara dan pada masa yang sama dapat mengetahui manfaat untuk jangka masa panjang.

“Program ini selaras dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020 untuk mengukuhkan *social enterprise* UMP. Kita jangkakan lebih banyak lagi program-program *social enterprise* yang akan dijalankan di universiti ini.

“Menerusi *tagline* Memasyarakatkan Teknologi, UMP akan membawa teknologi kepada masyarakat dan boleh mengubah taraf hidup mereka. Kini terdapat beberapa projek *Social Enterprise* yang telah dijalankan dengan penduduk Kampung Bukit Kenau seperti projek Tanaman Serai Wangi dan projek Kraftangan dari Daun Jerami.

“Projek ini membabitkan penduduk Bukit Kenau yang mana mereka akan menanam dan menjaga benih serai wangi yang diserahkan UMP kepada mereka. Namun, apabila telah sesuai untuk dituai, UMP akan membeli serai tersebut daripada penduduk dan akan menghasilkan produk-produk yang bersesuaian,” katanya.

Tambah beliau, bagi menjayakan program ini, peranan pelajar merupakan agen UMP untuk bersama-sama membantu masyarakat untuk menjayakan projek-projek yang telah dijalankan.

Manakala menurut Pengarah Eksekutif Keusahawanan Sosial MaGIC, Ehon Chan sebelum ini kita telah melihat bagaimana keusahawanan sosial mencipta pasaran baharu serta membuka sumber baharu di negara lain, kini sudah tiba masanya untuk kita menyerlahkan potensi sektor ini di Malaysia.

“Apabila rakyat maju, ekonomi kita akan turut maju, selain itu juga keusahawanan sosial menawarkan satu jalan penyelesaian untuk ekonomi yang saksama lagi lestari,” ujar beliau.

Keusahawanan Sosial (SE) MAGIC merupakan unit khusus dalam Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) dalam membangunkan sektor keusahawanan sosial sebagai peneraju yang membawa manfaat jangka panjang kepada masyarakat dan alam sekitar.

Program ini turut menampilkan usahawan-usahawan yang menjalankan perniagaan *social Enterprise* seperti Amy Blair yang merupakan pengusaha Batik Boutique, Saiful Adli Mokhtar dari Sambio Resources dan Dick Lim dari Foodbox yang berkongsi pengalaman mengenai perniagaan mereka.

Bagi peserta dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Muadzam, Anis Amila Mohd Zahari, 20, program ini banyak memberikan penerangan tentang *social enterprise*.

“Selama ini saya selalu dengar tentang orang memperkatakan mengenai *social enterprise* namun hari ini beliau telah memahaminya.

“Menerusi *social enterprise* ini juga dapat menjadi jalan penyelesaian terhadap isi-isu berkaitan masalah sosial dan alam sekitar di serata dunia seperti menambah baik prestasi pendidikan, meningkatkan taraf khidmat kesihatan serta mengurangkan pengangguran belia,” katanya.

Program ini turut dihadiri pelajar daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Jengka, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kolej Komuniti dan penduduk Bukit Kenau.



## Perkongsian Kepakaran UMP bersama UniKL

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) telah mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menanda aras pelaksanaan sistem akademik dan pembangunan mahasiswa UMP bertempat di Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak UMP Pekan pada 22 Mac 2016 yang lalu.

Delegasi ini disambut oleh Pengarah Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CiReL), Dr. Adzhar Kamaludin diiringi Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Roslan Awang Abdul Rahman dan Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Arman A. Rahim.

Manakala UniKL diketuai oleh Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan Akademik, Ashariah Badarudin bersama 14 orang staf pengurusan UniKL.

"UMP turut berkongsi maklumat mengenai *Integrated Cumulative Grade Point Average* (iCGPA) atau Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu yang dimulakan sejak tahun lalu. UMP bertuah kerana dipilih menjadi salah satu IPTA dalam meneraju pelaksanaan iCGPA ini," katanya.

Melalui iCGPA, pelajar bukan hanya diukur dari sudut pemikiran

semata, malah mengambil kira pencapaian pelajar dalam kemahiran insaniah dan interpersonal seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, penghayatan nilai pembelajaran sepanjang hayat, penerapan nilai etika dan kemasyarakatan serta berciri keusahawanan. Semua pencapaian ini digembleng melalui struktur kurikulum yang mantap yang dilaksanakan di dalam setiap program yang ada di universiti.

Begitu juga dengan Sistem Profil Pelajar (SPS) yang dilaksanakan bukan sahaja dapat melihat pencapaian akademik malahan mengiktiraf pencapaian pelajar melalui aktiviti aktiviti-aktiviti luar serta program-program kemasyarakatan.

Melalui sistem profil, UMP dapat menyediakan gambaran yang lebih baik karekter seorang pelajar tersebut kepada industri yang bakal mengambil pelajar tersebut bekerja kelak.

Kunjungan delegasi UniKL kali ini memberi peluang UMP berkongsi pengetahuan tentang sistem e-Dashboard dan Portal e-Community universiti serta berkaitan pengurusan akademik termasuklah peperiksaan, konvokesyen, TVET, e-Learning dan kokurikulum.





## UAE terima kunjungan UTMSPACE

Berita dan foto oleh: NOR AZURAH MOHD SALLEH



UMP Advanced Education (UAE) menerima kunjungan dari Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSPACE) bagi berkongsi pengalaman dalam menambah baik urus tadbir dalam hal-ehwal akademik dan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) bertempat di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang pada 8 Mac 2016 yang lalu.

Lawatan diketuai oleh Pengurus Besar Program Eksekutif UTMSPACE, Dr. Maslan Osman dengan diiringi dengan eksekutifnya, Mohd Noor Fairos Mohd Nawawi.

Delegasi disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan bersama Pengurus Besar (Akademik), Dr. Mohd Rashid Ab Hamid dan Penasihat Akademik UAE, Profesor Dr. Abdullah Ibrahim.

Menurut Mohamad Rozi Hassan, pihaknya amat berbesar hati dan amat berbangga dengan kunjungan dari UTMSPACE yang telah mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pengurusan dan pengendalian Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di UTM.

Ujarnya, lawatan sehari itu turut membincangkan tentang aspek jaminan kualiti akademik program PSH yang dilakukan oleh UAE terhadap rakan

kerjasama yang perlu menepati standard dan perkongsian amalan terbaik jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh kedua-dua universiti ini.

“UAE dan UTMSPACE akan terus memberi perhatian dalam penawaran program pembelajaran sepanjang hayat dan menambah baik proses jaminan kualiti yang sedia ada dari semasa ke semasa,” katanya.

Hadir sama Pengurus Kanan (Akademik), Amirul Ahmad yang menerangkan perkembangan terkini mengenai UAE.

Manakala Dr. Maslan pula berkata bahawa pendidikan PSH ini merupakan satu hasrat yang murni dalam merealisasikan pendidikan fleksibel dalam kalangan rakyat Malaysia dan memastikan program PSH dapat diperluas kepada bidang-bidang yang mendapat sambutan dalam kalangan industri khususnya Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

“Usaha ini juga bertepatan dengan agenda pendidikan negara seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional (2011-2020) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi lonjakan tiga iaitu menghayati pembelajaran sepanjang hayat,” katanya.



## Seminar keibubapaan tingkat motivasi pelajar

Seramai 300 ibu bapa dari beberapa buah sekolah sekitar kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Seminar Keibubapaan anjuran UMP Advanced Education (UAE) dengan kerjasama RTC Pahang pada 16 Januari 2016 yang lalu.

Seminar menampilkan penceramah terkenal iaitu YM Dr. Tengku Ismadi Tengku Mohamad menerusi tajuk ‘Transformasi Pendidikan Era Globalisasi.’

Program ini turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato’ Dr. Yuserrie Zainuddin yang merasmikan program di Dewan Auditorium Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Menurut Dato’ Dr. Yuserrie Zainuddin, program ini merupakan salah satu program yang dijalankan dalam Program Transformasi Luar Bandar (NBOS 4) di bawah inisiatif kerjasama universiti.

“Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan pelajaran dan pendidikan masa kini.

Selain itu juga menerusi pakar motivasi ini dapat memberi panduan

kepada ibu bapa mengenai persediaan anak-anak mereka menjelang hari peperiksaan,” katanya.

Peserta terdiri daripada ibu bapa daripada lima buah sekolah antaranya seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Indra Shahbandar (SMKIS), Sekolah Rendah Kebangsaan Indra Shahbandar (SRKIS), Sekolah Kebangsaan Nenas (SKN), Sekolah Kebangsaan Serandu (SKS), Sekolah Kebangsaan Runcang (SKR) dan Sekolah Kebangsaan Mercong Jaya (SKMJ) serta melibatkan staf UMP.

Dalam seminar ini YM Dr. Tengku Ismadi banyak memberikan tip-tip, pengalaman dan ilmu agar dapat menjadikan anak-anak yang hebat.

Katanya, untuk melahirkan anak-anak yang cemerlang mestilah mengetahui cara yang berkesan bagi mendorong, mendidik dan membimbing mereka.

Tambahnya, antara yang perlu dititikberatkan dalam pendidikan anak adalah menerusi pemakanan sunah seperti kurma, kismis dan madu.

“Sebagai ibu bapa kita perlu mengenali rakan-rakan anak-anak kita dan setiap pergerakan mereka. Anak-anak ini kita perlu menganggap mereka sebagai rakan dengan ibu bapa agar mereka mudah untuk berkongsi,” katanya.

Bagi peserta Rubiah Ali, 51, yang merupakan ibu kepada lima orang anak berkata, program ini banyak memberi tip yang baik dalam mendidik anak-anaknya. Beliau mengharapkan dapat mempraktikkan ilmu yang dikongsikan hari ini demi kejayaan anak-anaknya.



## Pengekstrakan Herba Mudah-Alih melalui Teknik Enzim dan Ultrasonik Jana Geran RM 3 Juta



Oleh: PROFESOR MADYA IR. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN

Herba yang mempunyai kadar *cellulose* dan *lignin* yang tinggi seperti *Eurycoma Longifolia* (Tongkat Ali), *Labisia Pumila* (Kacip Fatimah) dan *Ficus Deltoidea* (Mas Cotek) mengandungi sejumlah besar sebatian bioaktif, sangat berharga bagi aplikasi dalam makanan, nutrasetikal, kosmesetikal, dan farmasetikal industri.

Pengekstrakan melalui kaedah konvensional adalah satu proses yang lama yang memerlukan 12 hingga 24 jam untuk mendapatkan hasil yang optimum. Kebaikan menggunakan *ultrasound* dan aplikasi enzim di dalam pengekstrakan herba telah dapat mengatasi masalah-masalah dan meningkatkan produktiviti pengekstrakan. Dengan menggunakan dos tertentu melalui teknik sonikasi dan enzim untuk proses pengekstrakan, ianya dapat mengatasi masalah penghasilan produk yang rendah.

*Ultrasound* dan enzim dapat meningkatkan hasil aktif komponen, kadar peningkatan pengeluaran, mencapai pengurangan masa

pengeluaran dan pemprosesan yang lebih tinggi. *Ultrasound* juga boleh mengurangkan pergantungan kepada pelarut dan boleh memberi peningkatan ekonomi melalui penjimatan tenaga, alam sekitar dan juga faedah keselamatan dan kesihatan.

Hasil daripada projek pemindahan ilmu yang dijalankan bersama TPMB, impak yang paling besar di dalam program ini ialah, teknologi yang dipindahkan telah berjaya dibangunkan di industri tersebut. Ini boleh dilihat daripada penstrukturan alat-alat pengekstrakan di TPMB dengan mengambil kira teknologi yang dicadangkan oleh UMP kepada TPMB. Impak yang besar juga dapat dicapai melalui teknologi ini, pihak MOSTI telah meluluskan geran Technofund bernilai RM 3 juta (*maximum ceiling*) bagi mendirikan kilang pengekstrakan di Keningau Sabah berkapasiti 200-L bagi penghasilan *Eugenol* daripada *Cinnamon* dengan menggunakan teknologi kepakaran UMP (80%) dan SIRIM (20%).

Melalui kajian ini, pemindahan ilmu kepada industri telah berjaya dijalankan ke atas Technology Park Malaysia Biotech (TPMB) di Bukit Jalil. Kilang pengekstrakan herba TPMB ini terletak di Raub Pahang dan telah menjalankan proses pengekstrakan pelbagai jenis herba.

Berdasarkan kepada pemindahan teknologi yang dijalankan melalui kajian ini, kualiti produktiviti pengekstrakan bagi tiga jenis herba di atas telah meningkat sebanyak tiga kali ganda berbanding sebelumnya.

Selain itu, usahawan-usahawan herba negeri Pahang juga turut mendapat banyak manfaat daripada teknologi apabila pihak MARA menjadikan projek ini sebagai projek inkubator kepada 25 usahawan herba dalam pelbagai penghasilan produk herba tempatan.

Kajian ini juga secara tidak langsung yang ditaja oleh pihak kerajaan ini telah banyak memberikan manfaat kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan taraf perniagaan mereka.

## Kursus KTP *Kindy* bantu pengasuh tingkat kemahiran Bahasa Inggeris



Berita dan foto oleh: NOOR AZLINDA ZAINAL

Seramai 30 pengasuh taska sekitar Pahang menghadiri Kursus Komunikasi Bahasa Inggeris Program Pemindahan Ilmu (KTP *Kindy*) anjuran Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung di Dewan Tun Teja 1, UMP Kampus Gambang pada 10 Januari 2016.

Program KTP *Kindy* mendapat geran dari Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun lalu dengan diketuai oleh Dr Noor Raha Mohd Radzuan manakala mentor projek pula adalah Profesor Emeritus Dato' Aminah Ayob dari Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

Ahli-ahli KTP *Kindy* terdiri daripada tenaga pengajar dari UMP iaitu Wan Jumani Fauzi, Dr. Fatimah Ali, Noor Azlinda Zainal Abidin,

Haslinda Hashim, Dr. Anita Abdul Rani, Siti Airin Abd Ghani dan seorang pelatih siswazah, Mohd Asyraf Othman.

Menurut Dr. Noor Raha, program diasaskan daripada Rancangan Pengukuhan antara Universiti-Industri dan Komuniti yang bertujuan menggalakkan hubungan baik melibatkan ahli akademik dengan industri dan komuniti melalui pertukaran harta intelek ketara dan tidak ketara merangkumi pelbagai kepakaran, pembelajaran, dan kemahiran.

Katanya kualiti produk atau servis mahupun polisi dari pihak-pihak yang terlibat dijangka akan meningkat seterusnya dikongsi untuk manfaat bersama. Pengasuh taska yang terlibat dalam program ini merupakan ahli

kepada Persatuan Pengasuh Negeri Pahang (PPNP) yang dinaungi oleh Presiden PPNP, Zubaidah Husin.

"Dua modul yang diperkenalkan iaitu modul Komunikasi Bahasa Inggeris untuk Pengasuh Taska dan Modul Teknik Penceritaan dalam bahasa Inggeris yang masing-masing mempunyai tiga tahap. Program dijangka akan berterusan lagi selepas ini," katanya.

Penganjuran program dapat membina keyakinan peserta berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan lebih berkesan malah kebolehan bertutur dengan baik ini membolehkan mereka menggunakan kemahiran ini dalam berkomunikasi dengan anak-anak di taska nanti.



## UMP bantu guru taska tingkat kemahiran berbahasa Inggeris

Oleh: MOHD ASYRAF OTHMAN

Seramai 30 peserta daripada Persatuan Pengasuh Negeri Pahang (PPNP) berpeluang mengikuti Kursus Komunikasi Bahasa Inggeris (Tahap Dua) yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Tun Fatimah, Kompleks Pentadbiran Utama, Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang pada 6 Mac 2016 yang lalu.

Bertemakan 'Keselamatan dan Kesihatan di Taska' kursus yang dijalankan menerusi Program Pindahan Ilmu (*KTP Kindy*) ini memberi tumpuan terhadap keselamatan kanak-kanak di bawah jagaan mereka terutamanya membabitkan isu-isu keselamatan yang kerap kali terjadi pada masa kini yang semakin membimbangkan terutama ibu bapa kanak-kanak.

Program *KTP Kindy* mendapat geran dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun lalu dijalankan pihak staf Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan diketuai oleh Dr. Noor Raha Mohd Radzuan manakala mentor projek pula adalah Profesor Emeritus Dato' Aminah Ayob dari Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

Menurut Dr. Noor Raha, kursus pada kali ini adalah kesinambungan daripada program yang dijalankan pada tahap satu.

"Lebih menarik satu sesi latihan asas untuk mempertahankan diri

telah diselitkan dalam jadual kursus tahap dua ini.

"Para peserta diberi ceramah mengenai teori dan kepentingan asas mempertahankan diri yang disampaikan Abdul Rahman Roseley dan peserta juga diberi ceramah berkenaan jenayah oleh Dr. Geshina Ayu Mat Saat yang merupakan pensyarah Sains Forensik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan," katanya.

Tambah beliau, ceramah yang disampaikan merangkumi pendedahan dari aspek pemerhatian, pengesanan, dan penelitian terhadap seseorang yang cenderung untuk mempunyai profil jenayah.

"Secara umumnya, para peserta boleh mengaplikasi aktiviti yang dilakukan semasa ceramah itu kepada anak-anak di taska untuk mengenal pasti antara mereka yang mungkin akan melakukan salah laku kelak.

"Lain-lain aktiviti yang dijalankan adalah penggunaan ayat arahan ketika di taska dan kepada anak-anak, cerita-cerita pengajaran yang berkonsepkan keselamatan dan penghasilan *big book* daripada setiap kumpulan.

"Program turut menampilkan beberapa elemen baharu kepada para peserta iaitu pemberian hadiah berupa buku kanak-kanak kepada setiap kumpulan selain ceramah yang selari dengan tema kursus. Hadiah-hadiah yang diberikan kepada setiap kumpulan meningkatkan lagi motivasi mereka untuk lebih berusaha sehingga berjaya menamatkan kursus kelak," katanya.

Ahli-ahli *KTP Kindy* terdiri daripada tenaga pengajar dari UMP iaitu Wan Jumani Fauzi, Dr. Fatimah Ali, Noor Azlinda Zainal Abidin, Haslinda Hashim, Dr. Anita Abdul Rani, Siti Airin Abd Ghani dan seorang pelatih siswazah, Mohd Asyraf Othman.

Pengasuh taska yang terlibat dalam program juga merupakan ahli kepada Persatuan Pengasuh Negeri Pahang (PPNP) yang dinaungi oleh Presiden PPNP iaitu Zubaidah Husin.



## Warisan Sri Pujangga UMP raih Johan Dikir Barat

Berita dan foto oleh: BADRUL NAIM ABIDIN

Kumpulan Warisan Pujangga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dinobatkan Johan Pertandingan Dikir Barat Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) yang berlangsung pada 29 April 2016 yang lalu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Diketuai pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Mohd Fikri Gani yang juga dikenali sebagai Yie Jentayu turut meraih kejayaan dinobatkan Tukang Karut Terbaik malahan kumpulan ini turut menang Persembahan Terbaik sekaligus membawa pulang Piala Dato' Sri Mustapa Mohamed dan wang tunai berjumlah tiga ribu ringgit.

Menurut Pengurus Kumpulan Warisan Pujangga, Badrul Naim Abidin dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), setiap

pasukan perlu membuat persembahan di peringkat saringan terlebih dahulu sebelum layak ke peringkat akhir yang mempertandingan empat pasukan terbaik untuk dinobatkan sebagai pemenang.

"Pencapaian kemenangan ini hasil komitmen dan kerja keras semua ahli kumpulan serta mendapat bimbingan daripada orang yang berpengalaman iaitu Abe Halim Yazid yang dikenali sebagai aktivis dikir barat terkenal dengan nyanyian lagu 'Anak Tupai'," katanya.

Beliau menghargai sokongan semua pihak terutama dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Pertandingan pada kali ini menyaksikan sebanyak 12 pasukan berentap merebut kejuaraan. Tempat kedua dimenangi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang juga menang Tok Juara Terbaik, tempat ketiga dimenangi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan keempat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Manakala bagi Busana Terbaik dimenangi Universiti Malaya (UM) dan Awak-awak Terbaik milik Universiti Teknologi MARA (UiTM). Lain-lain yang mengambil bahagian adalah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Lebih meriah majlis dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin bagi meraikan kemenangan yang bermakna buat kumpulan ini.





## Duta Jauhar UMP menang anugerah gangsa

Berita dan foto oleh: SITI NORHIDAYAH SAMSURI

Kumpulan Duta Jauhar UMP dengan tema *21st Century Women* hasil kerjasama penuh Jabatan Pembangunan Wanita Johor menang anugerah gangsa dalam Majlis Anugerah Kongres Duta Jauhar 2.0 yang dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor pada 27 Februari 2016 yang lalu.

Kongres yang berlangsung selama empat hari itu berjaya menarik perhatian pengunjung dengan pelbagai aktiviti yang diadakan termasuklah melawat *booth* pameran, sesi *pitching* projek kumpulan serta aktiviti derma darah hasil kerjasama pihak Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat.

Kumpulan Duta Jauhar UMP juga turut mempamerkan hasil projek mereka kepada pengunjung *booth* yang berupa produk peserta usahawan mereka.

Menurut Pengarah Duta Jauhar UMP dari Ikatan Siswa Anak Darul Ta'azim (ISKANDAR), Siti Norhidayah Samsuri, pihaknya berbangga

dengan komitmen ahli pasukan serta peserta mereka yang berjaya menjalani beberapa siri program sebelum ini sehingga mampu sukses dalam perniagaan yang mereka ceburi.

"Segala jerih perih kumpulan mereka menjalankan projek keusahawanan yang nyata di luar bidang ahlinya memberikan hasil yang memuaskan apabila melihat usahawan-usahawan wanita di bawah bimbingan mereka kini lebih bersemangat untuk meneruskan perniagaan dan meluaskannya ke peringkat global.

"Dengan tertubuhnya 'Jauhar Levitasi Enterprise' sebuah syarikat yang lahir di bawah projek Kumpulan Duta Jauhar UMP ini akan menjadi penggerak utama mahasiswa dalam menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

"Kumpulannya sebelum ini menjalankan beberapa program termasuk Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) yang memfokuskan mengenai pengurusan kewangan, panduan dalam memulakan sesebuah perniagaan dan kepentingan usahawan," katanya.

Majlis turut menyaksikan kesemua 22 kumpulan Duta Jauhar dari seluruh IPT terlibat menerima pengiktirafan dalam usaha mereka menjayakan projek duta Jauhar 2.0.

Institut Sains dan Teknologi Darul Ta'zim (INSTEDT) membawa pulang Anugerah Permata, Anugerah Emas Pertama, Anugerah Kerjasama Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Transformasi Projek (Kesihatan) terbaik.

Turut menang anugerah gangsa adalah Duta Jauhar Universiti Sains Malaysia (USM) dan Duta Jauhar Universiti Malaysia (UM).



## UMP laksana Misi Kemanusiaan ke Kemboja kali ke-4

Oleh: MOHAMAD HAFIZUDDIN RASID

Pada 27 April hingga 1 Mei 2016, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menghantar satu misi khas yang melibatkan 20 orang wakil mahasiswa dan empat orang staf UMP ke Phnom Penh, Kemboja.

Objektif misi ini adalah untuk memberi pemeriksaan kesihatan percuma kepada penduduk kampung, pembelajaran percuma iaitu bahasa Inggeris kepada kanak-kanak di kampung, gotong-royong membersihkan kawasan komuniti setempat dan derma berupa makanan dan keperluan ibadat.

Misi ini merupakan misi kali keempat bagi pihak UMP yang dikenali sebagai 'Misi Kemanusiaan UMP ke Kemboja'. Misi ini telah diadakan di dua lokasi yang berbeza iaitu Kampung Baik Anlong dan Kampung Crai An Dait.

Misi yang dijalankan di kedua-dua kampung adalah berbeza kerana ia mengikut keperluan yang diperlukan oleh kampung itu tetapi mengikut tujuan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Misi dimulakan di madrasah Kampung Baik Anlong bagi membantu masyarakat Islam di sana yang terletak jauh daripada kawasan bandar dan mengambil masa empat jam perjalanan.

Antara program yang dijalankan adalah pemeriksaan percuma kepada penduduk setempat yang berumur lingkungan 35 hingga 80 tahun.

Manakala bagi kanak-kanak dan remaja pula mereka diajar cara yang betul untuk memberus gigi, memberi ubat cacing dan ubat kutu

serta ceramah mengenai kepentingan kebersihan diri.

Turut diadakan program memahami bahasa Inggeris iaitu 'Oh My English (OME)' bagi membantu kanak-kanak dan remaja yang berada di madrasah ini lebih memahami bahasa universal yang digunakan oleh masyarakat seantero dunia.

Program ini mengajar mereka mengenai perkataan yang digunakan dalam kehidupan seharian dan turut mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Misi diteruskan pula ke Kampung Crai An Dait yang teletak tidak jauh daripada Bandar Phnom Penh dan untuk sampai ke kampung ini, kumpulan ini terpaksa menaiki bot bagi menyeberangi Sungai Mekong.

Sama seperti misi yang dilakukan kepada kampung sebelum ini, kampung ini juga diberi pemeriksaan percuma bagi orang dewasa, kanak-kanak dan remaja.

Mahasiswa dan staf UMP turut mengadakan aktiviti bergotong-royong bersama penduduk setempat untuk membersihkan kawasan surau yang baharu dibina. Selain itu, kumpulan ini telah melawat rumah baru yang dibina khas tajaan UMP untuk keluarga yang tidak berkemampuan di sana. Dana yang dikutip sebelum ini juga telah diberikan kepada penduduk kampung di situ.

Perbezaan terhadap kedua-dua kampung ini amatlah ketara yang boleh dilihat jelas dengan pancaindera kita. Walaupun Kampung Crai An Dait dekat dengan bandar tetapi fasiliti untuk penduduk di situ amatlah terhad.

Mereka terpaksa menggunakan bot yang usang untuk cepat sampai ke bandar. Rumah-rumah yang didiami oleh keluarga di situ juga semuanya masih menggunakan kayu. Berbeza daripada Kampung Baik Anlong yang telah mendiami rumah yang diperbuat daripada batu dan mempunyai fasiliti yang lebih baik untuk kehidupan komuniti di situ. Setiap ahli kumpulan misi ini telah mendapat kesedaran dari segi dalaman dan luaran. Bukan sahaja ikatan antara kedua buah negara telah terjalin tetapi ikatan persaudaraan antara sesama Islam yang telah ditekankan oleh Nabi Muhammad S.A.W.



## Pelajar antarabangsa bergotong-royong membersihkan madrasah

Dalam usaha memasyarakatkan kampus, pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil inisiatif dengan menjalankan program mendekati membersihkan Madrasah Daniyah Durrulilmi di Kampung Padang Jaya, Jaya Gading anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Islam (PIMPIN) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) pada 17 Januari 2016 yang lalu.

Madrasah Daniyah Durrulilmi yang bermaksud Agama Permata Ilmu telah beroperasi hampir lima tahun menempatkan pelajar yang berumur lingkungan lima hingga 12 tahun.

Bagi Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pembinaan madrasah ini hasil bantuan orang ramai dengan menerima sumbangan sejak tiga tahun lalu namun masih serba kekurangan.

"UMP tampil dengan menyampaikan beberapa sumbangan dengan tujuan melengkapi keperluan pelajar di sini untuk memastikan ianya

dapat dimanfaatkan untuk kegunaan pelajar," katanya.

Usaha ini juga sebagai usaha dalam merealisasikan budaya dan semangat sukarelawan dalam kalangan pelajar.

Sesi pembersihan madrasah ini melibatkan tenaga sukarelawan yang terdiri daripada 12 orang pelajar antarabangsa yang bertungkus-lumus membersihkan bangunan baharu madrasah.

Sementara itu, Pengetua Madrasah, Ustaz Zulkiflee Hamid, 46 tahun yang mempunyai latar belakang pendidikan dari Pattani dan Yaman amatlah berbesar hati menerima kunjungan warga UMP yang dapat dirasakan begitu rapat dengan masyarakat.

"Pelajar dididik dengan ilmu Fiqah, Usuluddin, Tasawuf, Ilmu Alaf serta tidak ketinggalan mengaji serta kelas Fardu Ain," katanya.

Bagi sukarelawan UMP, Muhammad Abdulqawi, 23 tahun dari Yaman kini menuntut dalam program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia melahirkan rasa bersemangat bagi mengikuti program membersihkan sebuah madrasah. Bagi Abdulqawi penglibatannya sedikit sebanyak dapat membantu anak-anak di madrasah ini kelak.

Turut hadir menyampaikan bantuan Pegawai Hal Ehwal Islam dari PIMPIN, Ustaz Md Abdu Ishak dan Ustaz Muhammad Sallehuddin Md Derus.

Pelajar bergotong-royong membersihkan lantai, tingkap dan mengecat madrasah bagi membolehkan pelajar memulakan pembelajaran di sini.



## Program Sehari Bersama OKU anjuran PERSIS suntik kesedaran

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI



Program Sehari Bersama OKU anjuran Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS) UMP dengan kerjasama Persatuan Pemulihan Orang Cacat (PPOC) di Sungai Lembing, Pahang pada 8 April 2016 yang lalu berjaya menyuntik kesedaran dalam kalangan peserta program.

Pengalaman seramai 13 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama dengan lapan orang insan istimewa dari PPOC ini berjaya memupuk sifat insani, bertimbang rasa dan proaktif dalam berdepan dengan golongan kurang upaya.

Ketua program, Nur Farina Hamidon Majid, 21, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) berkata, program ini dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa realiti sebenar kehidupan golongan kurang upaya ini.

“Berdepan dengan mereka memberikan satu suasana yang berbeza apatah lagi melihat sendiri keupayaan golongan ini mengurus diri dan bagaimana kesabaran petugas yang menjalankan tugas mereka membantu golongan ini. Malahan kita yang cukup sifat ini seharusnya mendekati mereka dan bukan menyisihkan mereka,” katanya.

Program sehari ini diselitkan dengan slot ‘Ayuh Bermain’ yang berbentuk sukaneka. Slot ini memberi cabaran bersama peserta dan cuba untuk menyelesaikan cabaran yang diberikan. Kemampuan golongan ini terbukti apabila mereka mampu melakukan aktiviti fizikal.

Peserta program, Rabiatul Aisyah Ariffin 20, dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berpendapat dengan mendekati golongan kurang upaya ini dapat menginsafkan diri kerana tidak semua manusia diciptakan sempurna. Beliau juga melahirkan rasa bersyukur atas nikmat yang diberikan dan berpeluang mencerikan mereka dalam program seperti ini.



## Program Mobiliti Enactus UMP merentas negara India

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab ENACTUS UMP berjaya melaksanakan program Khidmat Komuniti melalui 'ENACTUS Mobility Programme: Boosting Opportunity Beyond Borders' anjuran Pusat Keusahawanan UMP dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) di sekitar negara India seperti di Delhi, Uttar Pradesh, Agra dan Jaipur selama enam hari mulai 8 April 2016 yang lalu.

*Boosting Opportunity Beyond Borders* ini memberi tumpuan kepada tiga objektif utama iaitu menyediakan khidmat masyarakat dari segi perkongsian pengetahuan, pengalaman dan perkhidmatan pemeriksaan bersama-sama dengan Enactus IIT Delhi.

Menurut Penasihat Projek bagi Enactus UMP yang juga merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Mohamad Ridzuan Mohamed Ali Jinnah, program ini berjaya menanamkan sikap mengutamakan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat di India yang mempunyai penduduk yang padat terutamanya bagi

mengelakkan penularan virus negatif.

"Program ini agak unik berbanding yang lain kerana memberi pendedahan kepada mahasiswa agar bukan sahaja cemerlang dalam bidang kejuruteraan dan teknologi tetapi juga dalam kemahiran usahawan dan kesihatan," katanya.

Tambahnya lagi, pertemuan bersama wakil Enactus Indian Institute of Technology, Delhi (IIT), Enactus IIT merupakan salah satu agenda utama program ini memandangkan Enactus IIT merupakan Johan Enactus India National Cup dan mewakili India ke Pertandingan Piala Dunia di Afrika Selatan pada tahun lalu.

Bagi Mohamad Ridzuan, lawatan penanda aras (*bench marking*) ini sangat membantu kepimpinan Enactus UMP dalam merancang idea bagi membangunkan usaha ini ke tahap yang lebih tinggi sejajar dengan hasrat UMP.

"Pada masa yang sama, beberapa cadangan dan pandangan telah dikemukakan dan dibincangkan bagi mendapat kata putus yang dapat memberi nafas baharu khususnya buat Enactus UMP yang baharu menceburi bidang 'social entrepreneurship'

"Perbincangan dengan wakil Enactus IIT telah berjaya menemukan satu keputusan bagi kerjasama Enactus UMP dan Enactus IIT dalam membantu komuniti setempat. Projek terkini Enactus UMP iaitu 'Nadi Craft' dilihat bersesuaian untuk dijalankan di kawasan sekitar India kerana sisa buangan pertanian yang banyak dan tidak diuruskan dengan betul.

"Hal sedemikian ini dapat mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat sekitar kerana solusi semasa adalah dengan membakar sisa-sisa tersebut.

"Kami juga turut menekan aspek kebersihan dan penjagaan diri khususnya bagi golongan kanak-kanak bagi mengekang penyebaran virus-virus menerusi modul penjagaan diri melalui cara membasuh tangan dan memberus gigi," ujar beliau.

Program itu turut dihadiri Pengarah Pusat Keusahawanan, Profesor Dr. Azlinna Bt Aziz dan Penasihat Enactus UMP, Datin Hajah Mazita Mokhtar bersama dua orang staf lain iaitu Ramddan Zahari dan Azeri Adnan.

Peserta juga berpeluang mengadakan pertemuan dua hala dengan Executive Consultant IIT, Profesor Somarajan bagi melihat sendiri sistem inkubator keusahawanan yang dikelola oleh Pusat Keusahawanan IIT. Sistem inkubator ini merupakan antara sistem keusahawanan yang terbaik di India. Pertemuan ini sedikit sebanyak dapat membantu Pusat Keusahawanan UMP yang berhasrat untuk menyediakan satu sistem sebegitu di UMP kelak.

Pelajar Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) merangkap Pengarah Program, Nurul Izzati Ahmad, 23 berbangga dengan komitmen pihaknya untuk terus merealisasikan aspirasi UMP untuk menjadi sebuah Universiti Komuniti melalui khidmat kesukarelawan serta khidmat komuniti di peringkat tempatan dan global secara strategik dan berkesan.

Enactus UMP juga akan terus berkhidmat kepada masyarakat yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan kewangan tambahan selain misi kemanusiaan antarabangsa seperti ini.

Dua projek utama iaitu Nadi Craft dan Projek Serai Wangi di kawasan Bukit Kenau, Pekan merupakan projek berimpak tinggi yang akan dipertandingkan dalam Enac.



## Pelajar FTek berbasikal amal gaya hidup sihat



Seramai 60 pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbasikal dalam menyemarakkan aktiviti beriadah sebagai gaya hidup sihat pada 16 April 2016 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Program anjuran Kelab Pelajar FTek (ProTech) itu turut disertai Dekan FTEK, Profesor Dato' Dr. Zularisam Ab. Wahid dan staf fakulti yang berkayuh bermula seawal jam 8.00 pagi sejauh 12 km bermula dan berakhir di bangunan ETIM dengan satu pemeriksaan di Hub Halal.

Menurut Profesor Dato' Dr. Zularisam, berbasikal adalah salah satu aktiviti yang menyumbang kepada gaya hidup sihat dan menyeronokkan.

"Dengan keadaan badan sihat, kita boleh menjana minda yang positif yang membawa kepada kecemerlangan dan kehidupan yang lebih ceria," katanya.

Beliau mengharapkan agar amalan ini dapat diteruskan bagi menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan staf FTek dan pelajar.

"Malahan ia juga sebagai menyahut seruan pihak universiti dalam menjayakan salah satu inisiatif bagi menjayakan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang bertemakan Memasyarakatkan Universiti.

"Peserta juga boleh menikmati pemandangan sekitar kampus dan memupuk semangat kebersamaan serta mengeratkan hubungan baik antara staf dan pelajar," ujarnya.

Program berakhir jam 12.00 tengah hari dengan acara penyampaian hadiah kepada pemenang yang disampaikan pensyarah FTek, Dr. Mohd. Fakhurrazzi Ishak.

# PERMATA UMP anjur program kepimpinan pelajar



Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA) dan Yayasan Terengganu melalui Sekretariat Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA UMP) menganjurkan Kem Pemantapan Pemimpin Muda di Sekolah Menengah Kebangsaan Chendering, Terengganu selama tiga hari mulai 7 April 2016 yang lalu.

Program disertai seramai 120 pemimpin muda terdiri daripada pengawas sekolah dan pembimbing rakan sebaya (PRS) bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan dan kemahiran insaniah sebagai pemimpin cemerlang yang diterapkan melalui aktiviti-aktiviti yang mencabar minda dan kreativiti para peserta.

Menurut Pengarah Program, Mohd Syawal Mohammad, 22, dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), SMK Chendering menjadi pilihan PERMATA bagi penganjuran program kali ini dalam usaha membantu pelajar untuk lebih berdaya saing pada masa akan datang.

Majlis penutup telah dirasmikan oleh Penolong Pengarah Tajaan & Transformasi Pendidikan Yayasan Terengganu, Ustaz Haji Zaki Mat Yakim yang turut dihadiri pengetua SMK Chendering, Hajah Radziah Ismail.

Bagi fasilitator program dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Muhammad Khairul Hafizuddin Mohd Nazam, 19, berkata, program yang dikhususkan untuk anak negeri Terengganu menjadi platform kepada mahasiswa Terengganu untuk berbakti.

"Membantu membina persediaan yang mantap kepada pengawas dan PRS kearah peningkatan akademik dan sahsiah murid menjadi matlamat program PERMATA kali ini" katanya.

Sambutan yang baik diterima dari pihak sekolah membuatkan PERMATA akan meneruskan program yang akan datang bersama pihak SMK Chendering.





## Neon Night Run hayati keindahan alam

Hampir 2,000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai UMP *Neon Night Run* sempena penganjuran *International Festival Innovation On Green Technology 2016* (i-Finog) anjuran Kelab Ecotech dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) pada 14 April 2016 yang lalu.

Dengan bertemakan neon dan pakaian bercahaya pelajar turut memakai renda kasut bercahaya, *glow stick* dan UV cat yang menambah keceriaan dalam suasana hening malam bagi menjayakan acara larian yang bermula jam 9.00 malam di hadapan laluan Blok Z, UMP Kampus Gambang mengelilingi kampus sejauh lima kilometer.

Program dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus yang turut dihadiri

Pengerusi Program i-Finog, Abdul Shukur Abd. Razak dan Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramli Abid dan Pegawai Tadbir, Abdul Rahman Ahmad Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA).

Menurut Profesor Dato' Dr. Rosli, program ini bertujuan memupuk dan menggalakkan pelajar program yang berunsurkan sukan dan sihat.

"Dalam keadaan cuaca yang agak panas pada siang hari tidak menghalang aktiviti beriadah yang dapat dijalankan pada waktu malam," katanya.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori iaitu lelaki dan perempuan. Pemenang tempat pertama bagi kategori lelaki dimenangi Khaw Chee Sean dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi Shian Hoong dari FKKSA dan pelajar antarabangsa, Mohamad Salem.

Sementara itu pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Norsyakila Abdul Wahab menang tempat pertama kategori wanita. Tempat kedua milik Attila Salem dari FKKSA dan ketiga Rosmadiana Roslan juga dari FKKSA. Pemenang membawa pulang medal dan sijil penyertaan.





## Mahasiswa jalin perkongsian pintar dengan pelajar SK LKTP Jengka 5

Berita dan foto oleh: AHMAD BADRUZZAMAN HAJI IDRIS, NUR AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN, NUR AMANI HUSNA CHAI LOM DAN RIFAIE MOHAMED

Seramai 25 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkongsi pengalaman dengan pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) LKTP Jengka 5 dalam Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) hasil kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) membabitkan seramai 75 penyertaan.

Program selama tiga hari itu yang diadakan mulai 27 Mac 2016 merupakan edisi ketiga sejak penganjuran pada tahun 2014. Berbeza dengan pelaksanaan terdahulu, IN-TEAM pada kali ini menampilkan kandungan modul baharu yang dirumus berdasarkan enam aspirasi kemenjadian murid yang dihasratkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Menurut mahasiswa tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Kimia &

Sumber Asli (FKKSA), Nur Afifah Ahmad Sabri, 23, yang merupakan pengurus projek, keseluruhan kandungan modul diformulasikan menurut agihan enam aspirasi tersebut iaitu Pengetahuan (25.4 peratus), Kemahiran Berfikir (22.2 peratus), Kemahiran Kepimpinan (15.9 peratus), Etika dan Kerohanian (19 peratus), Profisiensi Dwibahasa (8 peratus), dan Identiti Nasional (9.5 peratus).

“Bagi merealisasikan hasrat pihak Kementerian, Kelab In-Smartive berjaya menyesuaikan kandungan modul selari dengan modul yang telah ditetapkan,” katanya.

Guru Besar SK (LKTP) Jengka 5, Haji Kasim Pardi mengharapkan jalinan perkongsian pintar melalui penganjuran IN-TEAM ini terus dapat dilestarikan dalam konteks kerjasama sekolah bersama UMP.

Bagi murid tahun enam yang menerima Anugerah Peserta Terbaik IN-TEAM, Muhammad Zariq Iqmal Zamri melahirkan rasa bangga berpeluang mengikuti program dan pengalaman yang ditimba daripada IN-TEAM membantu mereka untuk menjadi pemimpin yang cemerlang di sekolah.

Begitu juga dengan Nurhadirah Adlina Zulkifli, 12 yang menyimpan hasrat menjadi ahli perniagaan turut menyatakan kegembiraan mereka mengikuti program dari awal hingga akhir dengan penuh semangat.

Hadir merasmikan majlis penutup IN-TEAM dan menyampaikan sijil penyertaan ialah Pengurus FELDA Jengka 5, Abdul Ghani Nawawi. Hadir sama ialah Penolong Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Asraf Ahmad yang mewakili Penasihat In-Smartive, Tuan Haji Ismail Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) FELDA Jengka 5, Haji Wahab Man, Imam Satu Masjid FELDA Jengka 5, Abdul Muttalib Abdul Malek, Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK (LKTP) Jengka 5, Zamri Mat Lazim, dan Presiden In-Smartive, Muhammad Abdul Muhaimin Mamat.



## Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina penuh warna-warni



Hampir 800 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenuhi Dewan Astaka UMP Kampus Gambang sempena *Chinese New Year Cultural Night* atau Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina 2016 yang bertemakan 'Qi Huan Qing' bermaksud *Togetherness*.

Program anjuran Exco Kebudayaan Cina di bawah Kelab Kebudayaan UMP itu diadakan pada 23 Mac 2016 yang lalu.

Malam kebudayaan itu diadakan bagi mendedahkan kepada semua kaum untuk bersama-sama menyambut perayaan yang disambut oleh kaum lain. Selain itu ia adalah untuk memberi pengenalan budaya Tahun Baharu Cina kepada semua warga UMP khususnya.

Bagi pengerusi program malam kebudayaan yang merupakan mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Lee Zhan Sheng berkata, penganjuran malam kebudayaan merupakan satu kejayaan bagi pasukannya kerana untuk menyediakan pelbagai persembahan menarik

bukanlah suatu perkara yang mudah.

"Kami mahukan penganjuran malam kebudayaan tahun ni bermakna bagi kami dan berjaya menyampaikan mesej semangat perpaduan" katanya.

Begitu juga menurut Jeremy Chong Zhineng, 22 dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) bahawa keharmonian perpaduan kaum haruslah dikekalkan supaya warga UMP di dalam suasana yang harmoni.

Beliau turut berbangga dengan kehadiran para ibu bapa yang datang memeriahkan malam kebudayaan untuk tahun ini.

Turut hadir Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Pendaftar, Abd. Hamid Majid, Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail dan Timbalan Pengerusi Kumpulan Wanita Gabungan Persatuan China Negeri Pahang, Dato' Lim Chong Ly.

Malah, tetamu yang hadir dapat menyaksikan persembahan silap mata, diabolo, nyanyian serta teater pendek yang berjaya mencuit hati penonton.



## PEKA 2 anjur Minggu Kesedaran HIV

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI

Minggu Kesedaran HIV anjuran Perwakilan Pelajar Kolej Kediaman 2 (PEKA 2) dengan kerjasama Pusat Kesihatan UMP yang diadakan pada 19 Mac 2016 yang lalu berjaya memupuk kesedaran dan pendidikan kepada warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai bahayanya HIV dan AIDS.

Pengetua Kolej Kediaman 2 (KK2), Nasrul Salim Pakheri berkata, objektif utama program bertujuan meningkatkan kesedaran tentang HIV & AIDS dalam kalangan mahasiswa UMP terutamanya tentang kepentingan ujian saringan serta amalan-amalan pencegahan HIV.

Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan pemahaman berkaitan penyakit ini serta mengurangkan stigma dan diskriminasi atau tanggapan yang salah terhadap pesakit HIV/AIDS yang kebanyakannya disisih oleh masyarakat.

“Program juga juga dapat meningkatkan kesedaran amalan penjagaan kesihatan serta sebagai usaha mengumpul dana untuk disumbangkan kepada pesakit dan badan yang bertanggungjawab berkaitan HIV

dan AIDS.

Pelbagai acara menarik diadakan sepanjang minggu kesedaran ini antaranya Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan, Pertandingan Mewarna, *Women Talk*, *Red Ribbon Run*, Forum Kesedaran HIV, pameran dan jualan diadakan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Program, Muhammad Alif Mahiddin dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) berkata, sokongan moral kepada pesakit HIV amat penting kerana ini akan dapat mempengaruhi psikologi mereka dan menyebabkan mereka tidak kehadapan untuk mendapatkan rawatan.

“Jika mereka mendapatkan rawatan dan sokongan moral sekurang-kurangnya mereka mampu untuk meneruskan hidup seperti orang biasa. Tidak ketinggalan juga untuk memupuk sifat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa,” katanya.

Bagi mahasiswa Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Muhammad Amiruddin Adnan, 18 berpendapat program ini memberi kesedaran bahawa HIV tidak mudah untuk dijangkiti melalui sentuhan.

“Menyisihkan pengidap HIV adalah tidak wajar kerana ini akan mempengaruhi diri mereka dan mereka akan semakin lemah untuk berjuang meneruskan hidup,” katanya.

Turut berlangsung program *Women Talk* ‘Cegah Sebelum Parah’ yang disampaikan Ketua Jururawat Klinik Nur Sejahtera LPPKN Kuantan, Juraida Muhammad Daud dalam

memberi pendedahan dan kesedaran tentang penyakit yang sering dihadapi wanita dan cara pencegahannya.

Antara yang dibincangkan termasuklah tips-tips pencegahan kanser, rawatan yang patut diterima serta langkah-langkah pemeriksaan dan mencegah kanser payudara.

Selain itu juga, Larian Amal *Red Ribbon Run* berjaya menarik minat lebih 1,000 peserta menyertai aktiviti larian sejauh 6.5km (lelaki) dan 3 km (wanita) di sekitar kampus Gambang.

Program ini juga dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesekarelawanan. Hasil dana yang dikumpulkan disumbangkan kepada Pertubuhan Positive Warriors dan Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak-Anak Pesakit HIV dan Aids Nurul Iman (PERNIM).

Penutup Minggu Kesedaran HIV berakhir dengan Forum Kesedaran HIV yang terdiri daripada panel jemputan iaitu Setiausaha Agong Pertubuhan Positive Warriors, Abd Shukor Mohd Yunus, Yang di-Pertua Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (PERNIM), Hajah Norlina Haji Alawi dan Pakar Perubatan Keluarga, Dr. Iskandar Firzada Osman.

Program itu turut mendapat sokongan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) dan Lembaga Pembangunan Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).



## Bengkel Kewartawanan Kadet cangkil bakat mahasiswa

Oleh: SITI SARAH MOHAMAD RAJIMI

Kira-kira 200 peserta hadir menyertai bengkel kewartawanan kadet anjuran akhbar Utusan Malaysia sempena Karnival Pendidikan MARA 2016 yang berlangsung di Kompleks Berjaya Megamall, Kuantan pada 26 Mac 2016 yang lalu.

Dalam program itu, bekas wartawan yang kini menyandang jawatan Pengurus Jabatan Pengarang Utusan Melayu Malaysia Berhad, Ainol Amriz Ismail memberi pendedahan kepada peserta memahami peranan dan cabaran dalam media termasuk media baharu.

Selain mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), penyertaan melibatkan pelajar Kolej Profesional MARA dan orang ramai yang berminat menceburi bidang ini.

Menurut Ainol, bengkel yang julung kali diadakan itu dapat memberi pendedahan dan peluang kepada orang ramai khususnya para pelajar untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi dunia kewartawanan.

“Untuk menjadi seorang wartawan bukan sekadar minat, tetapi seseorang itu perlu mempunyai sifat berani dan berpengetahuan luas. Wartawan juga perlu mempunyai sifat jati diri dan berpendirian,” katanya.

Bagi mahasiswa UMP dari Kelab Media Massa, Nurul Syuhada Mohd Asri berkata, selepas menghadiri bengkel ini beliau dapat mengetahui skop kerja seseorang wartawan. Malahan, beliau yang meminati bidang ini berhasrat menyertai lagi bengkel sebegini bagi menambah pengetahuan dalam bidang ini.

Begitu juga dengan Mohamad Zarif Rosli dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) pula berkata, minat untuk menjadi wartawan semakin bertambah selepas menyertai bengkel kewartawanan ini.

“Banyak input yang berguna sepanjang program ini berlangsung selain dapat mengetahui kerjaya ini sebenarnya menarik dan mencabar namun menyeronokkan,” katanya.

Selain itu, Yang di-Pertua Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Profesional MARA, Amir Nur Hazmi Mohd Azmi berkata beliau pada awalnya kurang mengetahui dunia sebenar kewartawanan beranggapan wartawan hanya menyampaikan berita dan kerjaya sebagai wartawan ini mudah tetapi selepas menyertai bengkel ini mengetahui cabaran dan kekangan yang perlu dilalui untuk mendapatkan bahan berita tidak mudah seperti yang disangka.

“Bagi mendapatkan bahan berita ia tidak terhad pada satu tempat kerana apa yang dapat dilihat itu mempunyai sumber berita yang sangat bernilai,” katanya.

Pendapat ini turut disokong rakannya, Siti Hajar Nordin, 19, pelajar Diploma Reka Bentuk Pembuatan Kolej Profesional MARA yang ternyata gembira berpeluang menyertai program.

Program diadakan bersempena dengan Karnival Pendidikan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang diadakan bagi membantu pelajar lepasan sekolah memilih destinasi pendidikan tinggi di IPTA/IPTS dalam dan luar negara.



## Hari Terbuka KK5 meriah

Perwakilan Pelajar Kolej Kediaman (PEKA 5) Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya menganjurkan Hari Terbuka Kolej Kediaman 5 yang berlangsung selama seminggu pada 20 Mac 2016 yang lalu UMP Pekan.

Pelbagai program diadakan sepanjang program berlangsung yang antaranya adalah Karnival Keusahawanan, Karnival Sukan, Karnival Kesukarelawan, Pertandingan Fotografi, Pertandingan Raket Air (*Water Rocket Challenge*) dan, *Night Run* UMP.

Lain-lain adalah program Aman Palestin, Latihan Pertolongan Cemas, Pertandingan *King of Fighter* 4.0 dan pemeriksaan kesihatan yang terbuka untuk masyarakat sekitar Pekan.

Program perasmian penutup Hari Terbuka KK5 dirasmikan Yang DiPertua Majlis Daerah Pekan, Dato' Haji Ahmad Salhi Abdul Latif. Hadir sama Pengetua Kolej Kediaman 5, Dr. Siti Rabiattul Aisha Idris, Fello KK5, Muhammad Fauzi Ali dan pengarah program, Muhammad Azim Anwar Noor Hisham.

Dr. Siti Rabiattul berkata, program ini mendapat sambutan apabila lebih 2000 pengunjung hadir memeriahkan program yang terbuka kepada orang ramai dan seluruh warga UMP serta masyarakat sekitar UMP kampus pekan.

“Program pemeriksaan kesihatan juga diadakan bagi membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan dan persekitaran yang bersih.

“Begitu dengan penganjuran Festival Kesukarelawan yang

bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan warga kampus,” katanya.

Turut diadakan pameran daripada Yayasan Kesukarelawan Siswa (YSS), Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Solid Waste Cooperation (SWCorp), Pejabat Polis Daerah Pekan menerusi Rakan Cop dan Kolej Komuniti Pekan.

Selain itu juga turut berlangsung ceramah perdana yang dihadiri Datuk Nik Ibrahim Nik Abdullah dari Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).





## 38 sukarelawan berbakti di Zoo Negara

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKUPLI



Seramai 38 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab Penyayang UMP menayakan Program Pencinta Penyayang dengan menjalankan kerja sukarelawan di Zoo Negara, Hulu Kelang pada 2 April 2016 yang lalu.

Program ini bertujuan mendedahkan kepada mahasiswa UMP dan juga masyarakat tentang peranan sukarelawan yang bukan sahaja perlu peka kepada masyarakat setempat malahan terhadap hidupan lain.

Menurut ketua program, Shahanaz Natasha Jamihil@Jamil,20 dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), program yang dijalankan buat kali kedua ini merupakan pengalaman yang sangat menarik.

“Sukarelawan berpeluang membersihkan kandang, memberi makan serta bersama dengan haiwan yang ditempatkan di zoo. Sebagai pelajar kita tidak harus hanya menumpukan pada kelompok manusia sahaja tetapi turut memberikan khidmat bakti kepada makhluk lain termasuk flora

dan fauna,” katanya.

Selain dapat berinteraksi bersama haiwan di sana, mereka juga didedahkan dengan cara pengurusan haiwan serta memahami situasi serta tabiat pelbagai jenis hidupan di Zoo Negara.

Bagi peserta, Abdul Qayyum Samsuddin dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), 22, pendedahan mengenai faktor kebersihan sama ada sumber makanan, sumber air ataupun kawasan persekitaran mampu mempengaruhi hidupan liar menjadi topik yang menarik untuk diketahui.

Dalam berkongsi pengalaman, beliau berasa teruja kerana dapat melihat dan bersentuhan dengan badak air secara dekat dan ia merupakan satu pengalaman yang menarik untuk dikongsi bersama.

Selain memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang sesuatu dalam bentuk khidmat sukarela program ini juga memberi kesempatan mereka memupuk nilai kasih sayang terhadap haiwan serta peka dengan isu alam sekitar.



## 400 sertai Larian Amal Penyayang

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLI

Larian Amal Penyayang 3.0 'Kesukarelawanan' anjuran Kelab Penyayang Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghimpunkan kira-kira 400 mahasiswa UMP bersama-sama anak-anak dari Rumah Anak Yatim Permata Camar, Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang dan Rumah Kebajikan Anak Yatim dan 6 Fakir Miskin Permata Insyirah.

Larian amal yang dianjurkan Kelab Penyayang ini merupakan kali ketiga penganjuran bagi meraikan anak-anak yatim sambil bermesra dengan mereka dengan pelbagai program yang diadakan bertemakan kesukarelawanan dengan tagline 'We Act, We Help, Because We Care'.

Lebih meriah program larian pada kali ini dimeriahkan dengan kehadiran Syamel Akmal Mohd Fauzi atau lebih dikenali sebagai Syamel AF 2015. Peserta berlari sejauh lima km bagi perempuan dan 8 km untuk peserta lelaki manakala hanya lima km bagi peserta dari rumah anak-anak yatim. Menurut ketua program, Amira Mohd Mustafa, 23 dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI) berkata, sambutan larian amal tidak pernah mengecewakan sepanjang penganjurannya, dan dengan kehadiran artis jemputan sedikit sebanyak dapat

mengembirakan anak-anak yatim.

"Kali ini tema kesukarelawanan dipilih bagi memberi pendedahan mengenai pogram sukarela dan memupuk semangat kesukarelawanan dengan menjemput pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Ammar Rafiq Ruslan dari yang merupakan Tokoh Sukarelawanan Harapan IPT Peringkat Negeri dan merupakan calon kategori Sukarelawan Harapan Anugerah Tokoh Siswa 2015," katanya dalam program yang berlangsung di Dewan Kuliah 1, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) pada 16 April 2016 yang lalu.

Dalam program ini, Ammar berkongsi maklumat mengenai nilai-nilai sukarelawanan yang membantu dirinya lebih berkeyakinan serta menggalakkan mahasiwa terlibat dalam aktiviti sukarela di samping membantu orang lain berdepan kesusahan.

Sementara itu, pemenang acara larian kategori mahasiswa dimenangi oleh Thinnieshkumaran a/l Ruggarudee, mahasiswi dimenangi Low Pei Wen manakala kategori rumah kebajikan dimenangi oleh Ahmad Tarmizi dari Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang.

Manakala pemenang pertandingan melukis dimenangi Siti Nur Naliana Syarina Shaari dari Permata al-Insyirah. Bagi pertandingan mewarna dimenangi Tsuwaibatul Lulyah Abdul Hamed dari Hembusan Kasih Sayang.

Majlis turut dihadiri Ketua Jabatan Sukan dan Kebudayaan, Abd. Rahman Haji Safie, Pengetua Kolej Kediaman 2, Nasrul Salim Pakheri dan Penasihat Kelab Penyayang, Rozana Sahadan.



## 85 pemimpin pelajar sekolah timba pengalaman

Berita dan foto oleh: AHMAD  
BADRUZZAMAN IDRIS, NUR 'AISYATUL  
SAKINAH BAHARUDIN, MUHAMMAD  
BAHARUDIN DAN NUR SYUHADAH SHAFIE

Seramai 85 pemimpin pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Jaya, Jengka mengikuti program Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) anjuran pihak sekolah dengan dibantu mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab In-Smartive pada 3 April 2016 yang lali.

Pengurus Projek, Nurshaqirah Bajuri, 24 yang juga merupakan mahasiswa Tahun 3 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UMP, berkata bahawa fokus utama pihaknya ialah untuk membina daya kepimpinan cemerlang dan kebijaksanaan dalam kalangan peserta berasaskan keseimbangan nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek

sebagaimana yang diaspirasikan Falsafah Pendidikan Negara.

“Kandungan modul dan aktiviti direka bentuk berdasarkan enam aspirasi iaitu Pengetahuan, Etika dan Kerohanian, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Kepimpinan, Profisiensi Dwibahasa dan Identiti Nasional berteraskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mengikut peratus wajar yang khusus,” katanya.

Penolong Kanan Pentadbiran sekolah, Haji Mohd Suhaimi Mamat berpuas hati dengan inisiatif yang digerakkan pihak UMP terutamanya pihak Kelab In-Smartive dalam membantu pihaknya mengembangkan potensi kepimpinan para pelajar melalui pendekatan ‘Pilihan dan Berdikari’ sepanjang program kali ini.

Katanya, usaha ini akan membina keyakinan dalam kalangan peserta untuk berfikir dengan matang, membuat keputusan yang wajar dan bertindak dengan bijaksana dalam konteks peranan kepimpinan mereka di sekolah ini.

Dalam majlis itu juga, Haji Mohd Suhaimi turut menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar Tingkatan 4, Muhamad Faris Aiman Muhammad Saffei, 16 dan pelajar Tingkatan 5, Nur Awa Nashuwa Abd Aziz, 17 yang terpilih sebagai penerima Anugerah Peserta Terbaik.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Naib Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Desa Jaya, Dr. Neni Kartini Che Mohd Ramli dan Penolong Pendaftar, Institut Pengajian Siswazah (IPS) UMP, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi yang mewakili Penasihat Kelab In-Smartive.





## 86 pelajar SMK Ahmad sertai In-Team

Berita dan foto oleh: AHMAD BADRUZZAMAN IDRIS, NUR 'AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN DAN WAN AMALIN SURAYA WAN ARIFIN.

Seramai 86 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ahmad yang terdiri daripada pengawas serta anggota unit beruniform, kelab dan persatuan telah menyertai Kem Interaksi Pemimpin Muda (In-Team) anjuran Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 24 April 2016 yang lalu.

Kem dua hari itu yang dijalankan di UMP Pekan dan SMK Ahmad memfokuskan pembinaan jati diri, kepimpinan cemerlang, keyakinan sendiri dan daya saing para peserta untuk berperanan dengan lebih efektif sebagai pemimpin muda yang bertanggungjawab membantu pentadbir dan guru di sekolah.

Menurut mahasiswa Tahun 2 dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UMP, Ahmad Aftar Mukhriz Amir Khan, 21, selaku Pengurus Projek, berbanding dengan pelaksanaan In-Team di sekolah-sekolah lain sebelum ini, kem ini buat pertama kalinya menampilkan menerapkan

elemen *Neuro-Lingusitic Programming* (NLP) seperti *state management*; *step in, step out*; *incantation* dan *mental framing* bagi meningkatkan keberkesanan modul dan aktiviti yang dijalankan dalam konteks suntikan kesedaran dalam kalangan peserta.

Dengan tema *One For All, All For One*, kelasakan minda dan ketahanan jiwa para peserta telah diuji dengan pelbagai modul dan aktiviti interaktif seperti *Mulanya Di Sini, Tak Kenal Maka Tak Cinta, Last Man Standing, Parliament War, The Burj, Hustle-puzzle* dan *Muhasabah Diri* sepanjang program.

Hadir merasmikan penutupan kem ialah Pengetua SMK Ahmad, Hajah Norhasimah Abdul Ghaffar yang turut mengalu-alukan komitmen Kelab In-Smartive dalam konteks pengukuhan jalinan perkongsian pintar dengan sekolah tersebut yang juga merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) di bawah seliaan UMP sejak awal tahun ini.

Dalam majlis yang sama, dua pelajar tingkatan lima, Muhammad Helmie Hakim Halim, 17 dan Nor Farhana Abdullah, 17 telah turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Peserta Terbaik In-Team.

Ketika ditemui, kedua-dua pelajar tersebut menzahirkan rasa sukacita atas pengalaman yang ditimba sepanjang kem, khususnya pendedahan terhadap kemahiran membuat keputusan dan keperluan untuk mendahulukan akal berbanding emosi pada setiap masa.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Penyelidik kepada Naib Canselor UMP merangkap Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Muhammad Abdul Muhaimin Mamat.



## T-REX tawan Puncak Gunung Berembun Cameron

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKUPLI

Seramai 78 orang ahli Kelab Rekreasi Universiti Malaysia Pahang yang dikenali dengan T-Rex menganjurkan Kem Induksi T-Rex 2016 dalam menjayakan misi pendakian Gunung Berembun, Cameron Highlands yang mempunyai ketinggian 1,840 meter dari paras laut pada 4 Mac 2016 yang lalu.

Pendakian bermula dari tapak perkemahan Kem Sungai Pauh mengambil masa tiga jam sebelum peserta yang terdiri daripada pelajar tahun satu ini tiba di puncak Gunung Berembun.

Menurut Ketua Program, Muhammad Irfan Jaffar, 22 dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), beliau berpuas hati dengan pencapaian peserta program induksi ini dan berbangga dengan kerjasama serta sikap toleransi yang diberikan sepanjang tiga hari program berlangsung.

“Kelab yang ditubuhkan sejak tahun 2006 ini memfokuskan aktiviti lasak di darat, air dan udara. Kelab ini bergerak aktif dengan pelbagai aktiviti dan salah satu yang menarik ialah mendaki gunung.

“Penubuhan kelab ini lebih cenderung kepada aktiviti rekreasi luar yang dapat memberi peluang kepada pelajar di kedua-dua kampus iaitu UMP Pekan dan Gambang yang mempunyai minat yang sama untuk beriadah di samping berkongsi ilmu dalam melahirkan mahasiswa yang mempunyai kemahiran insan yang cemerlang,” katanya.

Selain itu, aktiviti yang dijalankan ialah, Asas Tali dan Pertolongan Cemas, Pendakian Gunung Berembun, Malam Kebudayaan, Khidmat Diri serta *Explorace*.

Sementara itu, peserta program Muhammad Harith Haiqal Ibrahim, 20, dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, program induksi ini dapat memberikan ilmu yang baharu kepada peserta yang kini mula berjinak-jinak dan meminati kepada sukan lasak seperti mendaki gunung.

“Pengalaman memasak di dalam hutan bersama kumpulan suatu pengalaman yang baharu kerana sebelum ini mereka belum pernah memasak dalam suasana sebegini.

“Tambahan pula masa yang diberikan terhad untuk memasak namun mereka berjaya melaksanakan tugas dengan dengan baik hasil kerjasama bersama rakan-rakan yang lain,” ujar beliau.

Selain itu, tip berguna turut dikongsi dari para fasilitator antaranya cara memasang kemah terbuka, alatan pendakian, tip susunan beg, cara menghidupkan api dan lain-lain, termasuklah pengalaman mendaki juga memberikan inspirasi untuk terus aktif bersama kelab T-Rex.

Manakala salah seorang pengemar sukan lasak yang juga fasilitator, Shahnaz Sakinah Shaiful, 25, pelajar tahun 3 dari FKEE turut melahirkan bangga dengan pencapaian kelab ini.

Beliau yang telah dilantik sebagai majlis tertinggi Kelab T-Rex selama dua tahun mengharapkan dapat terus berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan program rekreasi.

Pihaknya juga sedang merancang beberapa program lain yang menarik juga berimpak tinggi sepanjang semester ini melibatkan kolaborasi bersama kelab dan institusi yang lain.

Malahan kelab ini juga aktif mengemas kini laman sosial seperti Instagram @trexofficial bagi berkongsi pengalaman dengan pihak yang berminat menceburi aktiviti seperti ini.



## Mahasiswa Kelab Penyayang ceriakan Penghuni Permata Al-Insyirah

Seramai 38 pelajar Kelab Penyayang, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menceriakan penghuni Rumah Anak Yatim dan Fakir Miskin Permata al-Insyirah Kuantan pada 6 Mac 2016 yang lalu.

Menurut Pengarah Kelab Penyayang, Amira Muhammad Mustafa, 21, program ini bertujuan untuk mendekatkan pelajar dengan kanak-kanak ini di samping memberi motivasi kepada mereka dan sebagai salah

satu cara untuk kami menabur bakti kepada masyarakat.

“Selain itu menerusi program ini dapat memupuk keyakinan diri anak-anak yatim selain daripada menekankan kemahiran belajar dan mengurus masa.

“Program yang bermula jam dua petang itu dimulakan dengan pembahagian kepada beberapa kumpulan dan diteruskan dengan aktiviti.

“Selepas itu, kami bersama-sama menunaikan solat Asar secara berjemaah. Aktiviti seterusnya kami membantu untuk mengemas dan menyusun barang-barang sebagai persediaan untuk program lain pada pada sebelah malamnya,” katanya.

Pengurus Kebajikan Hal Ehwal Anak Yatim, Salawati Hassan pula berkata, beliau amat berbesar hati dengan program motivasi yang dijalankan ini oleh UMP ini.

“Program sebegini bukan sahaja dapat menggembirakan anak-anak ini malah dapat meningkatkan motivasi mereka dalam pelajaran.

“Saya selalu menekan kepentingan untuk mereka berjaya dalam pelajaran seterusnya dapat mengubah hidup mereka kerana kadang kala mereka terleka dan kurang bermotivasi untuk berjaya dalam pelajaran. Hasratnya, UMP dapat meneruskan program sebegini

untuk kita sama-sama berganding bahu untuk kejayaan mereka,” ujar beliau.

Menurut salah seorang anak yatim, Siti Rokiah Mat Nor, 13, berkata kehadiran kakak dan abang dari UMP ini sememangnya dinantikan. Hari ini dia dan rakan-rakannya berasa amat gembira dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Rokiah yang tinggal bersama kakaknya, Nur Syakila Mohd Nor, 15 di sini sejak dua tahun lalu mengharapkan pelajar UMP dapat berkunjung lagi ke sini untuk berkongsi pengalaman tinggal di kampus dan memberikan mereka kata-kata semangat yang menjadi sumber inspirasi kepada mereka untuk berjaya dalam kehidupan.

Sementara itu pada hari yang sama turut berlangsung Majlis Kesyukuran bersempena pengambaran *telemovie* bertajuk ‘Rajuk’ yang bakal ditayangkan di TV9 tidak lama lagi.

Majlis dianjurkan Tanah Beris Film Production Sdn. Bhd. dengan kerjasama Syarikat Kembara Sufi Sdn. Bhd. ini diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Pahang, Datuk Shahniza Shamsuddin yang hadir bersama beberapa artis seperti Shamsul Ghau-ghau, Niezam Zaidi dan Shahrul AF bagi menceriakan kanak-kanak di rumah berkenaan.



## Mini Karnival anjuran Duta Jauhar UMP meriah

Oleh: SITI NORHIDAYAH SAMSURI

Projek Duta Jauhar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang bertemakan 21st Century Women berjaya mengajurkan Mini Karnival sempena Sosial Market Saya (*Mon Marche Social*) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Negeri Johor.

Karnival yang berlangsung di perkarangan Klinik 1Malaysia di Kompleks Galleria@Kotaraya Johor Baharu pada 30 Januari 2016 yang lalu itu menampilkan seramai 15 orang usahawan yang merupakan peserta di bawah projek Duta Jauhar UMP dan Sosial Market Saya yang merupakan salah satu inisiatif JPW dalam usaha membantu golongan wanita dan ibu tunggal sekitar bandaraya Johor Bahru yang baharu mencebur diri dalam perniagaan.

Pengarah projek, Nur Fairuz Hamzaki berkata, mini karnival ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada para peserta untuk memasarkan hasil produk mereka sendiri di booth yang telah disediakan.

"Peluang ini membolehkan peserta mempelajari cara untuk memasarkan produk mereka dengan lebih baik supaya dapat menarik perhatian pengunjung kompleks ini," katanya.

Selain itu, pelbagai program diadakan untuk menarik perhatian

pengunjung ini seperti pengedaran *flyers* kepada pengunjung, persembahan busker tempatan, pertandingan mewarna kategori kanak-kanak, cabutan bertuah dan lain-lain.

Beliau berharap melalui program mini karnival seperti ini dapat memberikan peluang yang cerah kepada semua usahawan supaya dapat memulakan langkah dalam memasarkan produk masing-masing.

"Bukan itu sahaja, mereka juga dapat meneruskan langkah sehingga dapat membuka kedai, brand dan seterusnya kilang sendiri," katanya.

Menurut Pengarah Duta Jauhar dari Ikatan Siswa Anak Darul Ta'azim (ISKANDAR), Siti Norhidayah Samsuri berkata, pihaknya berbangga dengan komitmen peserta yang berjaya menjalani beberapa siri program sebelum ini sehingga mereka mampu mencebur diri dalam karnival seperti ini.

'Peserta sebelum ini telah mengikuti beberapa program antaranya Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) yang memfokuskan mengenai pengurusan kewangan, panduan dalam memulakan sesebuah perniagaan dan kepentingan menjaga kesihatan bagi seorang usahawan.

Sementara itu menurut Zabedah Salleh dari Taman Molek Johor Bahru, 50, yang membuka *booth* jualan rempeyek pelbagai perisa dan bangkit *cheese* menyokong penuh usaha mahasiswa UMP yang sanggup turun padang dalam membantu usahawan tempatan. Beliau kini merupakan salah seorang usahawan yang kini dalam usahanya membuka kilang sendiri. Majlis perasmian penutup program 21st Century Women dan Projek Duta Jauhar disempurnakan Pengarah JPW, Ali Taib.



## Perpustakaan UMP jadi tumpuan pameran Legasi Kepimpinan



Pameran Legasi Kepimpinan: Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang dipamerkan di Perpustakaan UMP Pekan sejak 10 Mac 2016 lalu terus dikunjungi tetamu dan pelawat yang tidak melepaskan peluang menyaksikan koleksi gambar terbaik hasil kerjasama Perpustakaan The New Straits Times (NSTP) sempena perasmian nama Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak (CanSTAR) pada 24 Februari 2016 yang lalu.

Menurut Pustakawan UMP, Haji Ruslan Che Pee, Pameran Legasi Kepimpinan ini juga merupakan suatu sejarah sebagai mengenang 40 tahun penglibatan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dalam arena politik.

"Ironinya pameran terbabit juga merujuk angka 40 bilangan foto bergambar, iaitu 20 keping memaparkan gambar bersejarah dalam pelbagai aktiviti yang melibatkan Datuk Seri Najib, manakala 20 keping lagi memaparkan foto bersejarah Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein yang merupakan ayahanda kepada Datuk Seri Najib," katanya.

Pameran dua tokoh negarawan ini menerima lawatan daripada pelbagai golongan masyarakat yang ingin melihat dengan lebih dekat gambar kedua tokoh itu. Malahan pelbagai kata-kata pujian dan semangat telah dicatat dalam buku pelawat pameran sebagai menghargai tokoh negarawan itu.

Sementara itu, Timbalan Pustakawan, Dzull Zabarrod Ahmad berkata, sejak dipindahkan lokasi pameran dari CanSTAR ke Perpustakaan, pihaknya menerima seramai 279 orang pelajar daripada pelajar sekolah dan institut antaranya SK Chini 1 & 4, SM Teknik Terengganu, SK Teruntum dan Institut Kong Zi.

Katanya, sambutan hangat juga diterima daripada lawatan pelajar dan juga staf UMP serta masyarakat di sekitar Pekan, Pahang. Pihaknya mengharapkan pameran ilmiah ini dapat memberi pendedahan tentang tokoh kepimpinan kepada masyarakat sekitar.



## Perpustakaan anjur Forum Kemanisan Sebenar Dalam Kesihatan

Berita oleh: RATNA WILIS HARYATI MUSTAPA

Foto oleh : NIK AHMAD NASYRUN NIK ABD MALIK dan MUHAMAD FIRDAUS JANI@JAINI

Sempena dengan Kempen Gaya Hidup Sihat, satu forum bertajuk 'Kemanisan Sebenar Dalam Kesihatan' telah diadakan pada 24 Mac 2016 di Sudut Bicara Ilmu, Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Seramai 102 peserta yang terdiri daripada pelbagai organisasi iaitu wakil daripada Pejabat Daerah Pekan, Institut Kemahiran Pekan dan para pelajar sekolah telah menyertai forum itu yang berlangsung selama dua jam bermula pada 9.30 hingga 11.30 pagi.

Forum perkongsian ilmu itu adalah antara usaha Unit Pengurusan Ilmu Perpustakaan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya kesejahteraan dan kesihatan melalui amalan gaya hidup sihat serta menyokong Kempen Gaya Hidup Sihat UMP.

Forum dikendalikan Pustakawan Kanan, Siti Aishah Ghani berserta dua orang panel jemputan iaitu Public Health Practitioner & Occupational Health Doctor dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Dr. Mohd Farid Alias dan Ketua Jabatan Dietetik & Sajjan, Hospital Tengku Ampuan

Afzan (HTAA) Kuantan, Meriam Bidin, dalam berkongsi pandangan dan menjelaskan lagi maksud kemanisan sebenar dalam kesihatan.

Menurut Dr. Mohd Farid, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menghadkan pengambilan gula kepada enam sudu teh sehari. Apa yang dimakan mencorakkan kesihatan pada tubuh badan seseorang," katanya.

Manakala menurut Meriam, seseorang seharusnya bersederhana dalam pengambilan makanan dan tidak semestinya makanan yang mahal itu mempunyai nutrisi yang tinggi.

"Oleh itu, setiap individu perlu merancang pemakanan yang seimbang supaya dapat menikmati kemanisan sebenar dalam kesihatan. Sebagai pengguna kita sendiri yang menentukan apa yang kita makan.

"Pengambilan gula yang berlebihan dalam kalangan rakyat Malaysia sentiasa menjadi punca pelbagai jenis penyakit. Selain daripada diabetes, hipertensi dan obesiti, penyakit seperti gastrik, kanser pelbagai jenis penyakit boleh dielakkan dengan mengamalkan pemakanan yang baik, sihat dan seimbang.

"Pengambilan bahan pemanis seperti gula wajar ditukar kepada pemanis yang lebih alami dan selamat. Setiap individu mempunyai pilihan yang terbaik buat diri sendiri," katanya.

Selain forum turut diadakan pameran dan gerai jualan di ruang lobi aras satu Perpustakaan UMP. Antara pameran yang terlibat ialah Pameran & Kaunter Khidmat Nasihat *Breast Clinic*, Khidmat Nasihat Kesihatan dari Darul Makmur Medical Centre (DMMC) dan Pameran Legasi Tun Razak.

Terdapat sepuluh buah gerai jualan terlibat bagi memeriahkan lagi program ini termasuklah gerai-gerai jualan tudung dan pakaian wanita, wangian, produk Tupperware, aksesori *gadget* untuk komputer, roti, dan kek.



## Syahir Syahmi, Nik Afieza dinobatkan olahragawan dan olahragawati terbaik

Atlet petanque Universiti Malaysia Pahang (UMP), Syahir Syahmi Hassan dinobatkan sebagai olahragawan terbaik UMP pada Majlis Penghargaan Sukan dan Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan UMP pada 13 April 2016 yang lalu di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

Manakala Nik Afieza Che Azhar dinobatkan sebagai olahragawati terbaik bagi sukan bola jaring.

Syahir menunjukkan kecemerlangan apabila mengharumkan nama universiti dalam sukan petanque dengan meraih pingat emas dalam Kejohanan Grand Final IPT 2015 dan Kejohanan Petanque *Triple* (Lelaki) terbuka Antarabangsa serta pingat perak dalam Kejohanan Sukan MASUM. Manakala Nik Afieza pula mendapat johan ketika menyertai Liga Bola Jaring Pekan dan Grand Final SIRKIT Bola Jaring IPT serta meraih Naib Johan di Liga Bola Jaring IPT 2015.

Pada majlis sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin turut diberikan penghargaan anugerah Khas Sanjungan Sukan atas komitmen tinggi beliau yang sentiasa memberi sokongan, kerjasama dan membantu pembangunan sukan di UMP.

Antara anugerah lain yang disampaikan dalam majlis tersebut termasuk Olahragawan Harapan, Olahragawati Harapan, Pasukan Terbaik, Jurulatih Terbaik dan Penyelaras Terbaik.

Bagi Anugerah Olahragawan Harapan telah dimenangi oleh William Soon Siik yang merupakan atlet bola keranjang manakala Anugerah Olahragawati Harapan pula telah dimenangi oleh Nurul Hani Shafiza Hassan yang merupakan atlet memanah.

Anugerah Pasukan terbaik pula telah dimenangi oleh pasukan bola keranjang manakala Anugerah Jurulatih terbaik pula telah diraih oleh pasukan Taekwando dan Penyelaras terbaik telah dimenangi oleh Nurfaizilah Amin Nordin.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Exco Belia dan Sukan Pahang, Dato' Haji Mohd Johari Hussain.

Hadir sama Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengarah Majlis Sukan Negeri, Mohamed Rashdan Mohamed Razali dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd. Rahman Haji Safie.

Pada majlis yang sama turut berlangsung Pelancaran Logo Elgineers yang bakal melonjakkan semangat atlet UMP. Majlis menyaksikan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri Pahang, Dato' Haji Mohd Johari Hussain dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir melancarkan logo serta menyampaikan anugerah kepada atlet terbaik serta tokoh olahragawan dan olahragawati terbaik.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, dengan keprihatinan yang diperlihatkan Kerajaan Negeri Pahang serta sokongan berterusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperlihatkan penglibatan warga kerja dan mahasiswanya dalam pelbagai acara sukan mampu memberikan impak yang positif dan konstruktif.

"Impak yang positif dan konstruktif tersebut bukan semata-mata diukur pada jumlah pungutan pingat dalam kejohanan atau pertandingan yang disertai namun yang penting adalah pelaburan UMP terhadap warga kerja dan mahasiswanya dalam setiap acara sukan mampu meningkatkan kecergasan fizikal, kecerdasan mental dan keseimbangan emosi yang memandu mereka sebagai warga kerja dan mahasiswa yang bermotivasi tinggi, berdisiplin, cemerlang, dan berdaya saing," katanya.

Fokus terhadap bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi Tulen, namun UMP berupaya menampilkan keunikan yang inovatif melalui penyelidikan interdisiplinari yang berkait dengan bidang-bidang selain yang dinyatakan tadi mampu memberi impak yang besar kepada pencapaiannya jika dilaksanakan dengan cekat, terarah dan berkesan.

Selain itu, sebuah Makmal Inovasi Pembuatan, Mekatronik dan Sukan (iMAMS) telah diwujudkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang turut memberi fokus kepada penyelidikan berasaskan kejuruteraan untuk membantu atlet tempatan mencapai aras daya saing yang tinggi melalui pendekatan saintifik.

Justeru, penyelidikan yang dilakukan di Makmal iMAMS pastinya melihat aspek aplikasi teknikal matematik dan fizik untuk membantu menyelesaikan masalah dalam pembangunan sukan untuk membantu pencapaian atlet melalui reka bentuk peralatan, analisis pencapaian atlet, jaminan keselamatan peralatan, pembangunan alat bantu kejurulatihan dan sebagainya. Inilah peranan yang dimainkan oleh para jurutera sukan dalam mengkomplimentari aspek fisiologikal yang dilihat oleh saintis sukan.



## 30 mahasiswa T-REX sampai ke kemuncak Gunung Liang

Oleh: AIMI FATIMAH BT ABD MALEK

Kelab Rekreasi (T-REX) Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya sampai ke puncak Gunung Liang yang terletak di Behrang, Perak dengan ketinggian 6,343 kaki dari aras laut dalam merealisasikan Misi Pendakian ke Gunung Liang pada 10 Februari 2016 yang lalu.

Program selama tiga hari dua malam ini melibatkan seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pelajar UMP dari pelbagai

fakulti. Kumpulan pendaki telah berjaya menawan puncak Gunung Liang Timur dan Barat dengan pendakian yang mengambil masa selama sembilan jam untuk sampai ke puncak.

Pengarah program yang juga Presiden T-REX, Muhammad Syarif Al'Azmi, 22, berkata, laluan pendakian semakin mencabar apabila semua peserta terpaksa melalui pelbagai rintangan dan halangan termasuk cerun setinggi 60c-80c dengan laluan berbatu untuk ke puncak. Mereka bermalam di kem yang mempunyai sumber air yang terhad.

"Selain dapat memantapkan mental, fizikal dan spiritual individu, objektif pendakian ini dapat mengeratkan hubungan baik dan sebagai menayakan agenda gaya hidup sihat yang dilancarkan UMP.

Program ini juga memberi peluang kepada mahasiswa yang minat dalam aktiviti rekreasi serta sukan lasak," katanya.

Menurutnya, kesemua pendaki berjaya menamatkan pendakian tanpa sebarang

kecederaan serius.

"Sikap kerjasama, berdisiplin dan cekap jelas ditunjukkan oleh kesemua para peserta dan mendapat tanggapan positif dari pihak jurupandu pendakian," katanya.

Sementara itu, pendaki Ain Rashida Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), 23 berkata, aktiviti sebegini dapat melatih diri seseorang individu untuk lebih berdisiplin dan memupuk sikap bertanggungjawab.

Selain itu, program ini dapat mempromosikan nama UMP dalam kalangan penggiat sukan lasak di luar sekaligus menunjukkan bahawa mahasiswa UMP tidak hanya memfokuskan aktiviti dalam dewan kuliah bahkan menceburi aktiviti lasak di luar kampus.

Kelab T-Rex kini mempunyai 400 orang ahli berdaftar yang aktif dan giat menjalankan pelbagai aktiviti lasak termasuklah acara larian, kem induksi dan pameran hidupan eksotik.



## Mohd Zahrain ahli LPU baharu

Encik Mohd Zahrain Mohd Nor dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baharu berkuat kuasa mulai 1 April 2016 hingga 31 Mac 2019.

Berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), beliau memulakan tugas dalam perkhidmatan awam pada 2002 sebagai Pegawai Tadbir & Diplomatik (PTD) di Bahagian Penyelarasan Syarikat MKD, Kementerian Kewangan.

Pernah menjawat beberapa jawatan penting di Kementerian Kewangan, kini beliau merupakan Ketua di Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional (NEDO), Unit Strategi Nasional, Perbendaharaan Malaysia.

Sidang editor *CREATE* mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP yang baharu. Selamat maju jaya dan selamat berkhidmat.



## UMP terima Pendaftar baharu

Encik Abd. Hamid Majid telah dilantik sebagai Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baharu mulai 15 Mac 2016 yang lalu.

Beliau telah menggantikan Tuan Haji Mustafa Ibrahim yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada Oktober 2014.

Pelantikan beliau berdasarkan pengetahuan dan pengalaman beliau dalam pentadbiran selama hampir 30 tahun.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Komunikasi dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1997.

Mula berkhidmat sebagai pegawai di Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan Malaysia pada 1982 hingga 1992 sebelum bertukar ke USM sebagai Penolong Pendaftar pada 1997.

Sebelum menjawat jawatan sebagai Pendaftar di UMP, beliau telah menyandang jawatan sebagai Timbalan Pendaftar di Bahagian Pembangunan Institusi mulai 15 Januari 2014.

Sidang Editorial *CREATE* merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan beliau sebagai Pendaftar ketiga UMP.



## PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Dr. Zulkefli bin Yaacob  
Penolong Naib Canselor  
(Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat)  
1 Januari 2016 hingga 30 November 2016



Profesor Dato' Dr. Ishak bin Ismail  
Penolong Naib Canselor  
(Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari bin Ghazali  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Madya Dr. Rizalman bin Mamat  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



En. Zulkafli bin Hassan  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli  
(FKKSA)  
1 Januari 2016 hingga 8 Oktober 2016



Dr. Mohamad Idris bin Ali  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam  
(FKASA)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Dr. Kamal Zuhairi bin Zamli  
Dekan  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan  
Perisian (FSKKP)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Dr. Jamil bin Ismail  
Dekan  
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)  
1 Januari 2016 hingga 21 Oktober 2016



Profesor Dato' Dr. Zularisam bin Ab Wahid  
Dekan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Dr. Mohd Ridzuan bin Darun  
Dekan  
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli bin Abdul  
Wahab  
Dekan  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
(PBMSK)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Dato' Dr. Hasnah binti Haron  
Dekan  
Institut Pengajian Siswazah (IPS)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman  
Dekan Penyelidikan (Kejuruteraan)  
Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Dr. Jose Rajan  
Dekan Penyelidikan (Teknologi)  
Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI)  
15 Februari 2016 hingga 31 Disember 2017



Dr. Mohd Ruslim bin Mohamed  
Pegawai  
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Dr. Adzhar bin Kamaludin  
Pegawai  
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran/  
Centre Of Instructional Resources &  
e-Learning (CIREL)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Dr. Mahyuddin bin Ismail  
Pegawai  
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Madya Dr. Ainol Haryati binti Ibrahim  
Pegawai  
Pejabat Antarabangsa  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Dr. Noor Azlinna binti Azizan  
Pegawai  
Pusat Keusahawanan  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Dr. Muhammad bin Mat Nor  
Pegawai  
German Academic & Career Centre (GACC)  
1 Februari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Madya Dr. Mohd Ghani bin Awang  
Pegawai  
Penerbit UMP  
1 Januari 2016 hingga 12 Ogos 2016



En. Muhammad Hairynizam bin Muhd Taib  
Pegawai  
Pejabat Pengurusan Keselamatan &  
Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Cik Yong Ying Mei  
Pegawai  
Mandarin Language & Culture Centre (MLCC)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam  
Pengarah  
Makmal Berpusat UMP  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



En. Ramle bin Abid  
Pengarah  
Pusat Ko-Kurikulum  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2017



Profesor Madya Dr. Abdul Adam bin Abdullah  
Pengarah  
Pusat Kejuruteraan Automotif  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari  
Pengarah  
Centre Of Excellence For Research In Advanced Fluid Flow (CARIFF)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz  
Pengarah  
Pusat Kajian Nadir Bumi (RERC)  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Dr. Muzamir bin Hasan  
Pengarah  
Pusat Pengurusan & Penyelidikan Sumber Alam (CERRM)  
4 Januari 2016 hingga 31 Januari 2018



Dr. Mohamed Ariff bin Amedeen  
Pengarah  
Pusat Kecemerlangan IBM  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Profesor Madya Dr. Saiful Nizam bin Tajuddin  
Pengarah  
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Dr. Mohd Yuhyi bin Mohd Tadza  
Pengarah  
Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) CIDB  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Profesor Madya Dr. Fahmi bin Samsuri  
Pengarah  
Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Kluster Elektrik & Elektronik  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2018



Dato' Jeffrey Khor Chooi Beng  
Pengarah  
Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya JJIM  
1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016



En. Roslan bin Awang Abdul Rahman  
Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)  
1 Februari 2016 hingga 31 Disember 2017



En. Abd Rahman bin Haji Safie  
Pengarah  
Pusat Sukan dan Kebudayaan  
15 Mac 2016 hingga 14 Mac 2018



En. Marzuki bin Mokhtar  
Pengarah Kerja  
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta  
(JPPH)  
1 Januari 2016 sehingga diberitahu kelak



Dr. Khairul Salleh bin Abdul Basit  
Ketua  
Pusat Kesihatan Pelajar (PKP)  
1 Januari 2016 sehingga diberitahu kelak



Tn. Hj. Samsudin bin Abdullah  
Ketua  
Unit Perundingan & Bantuan Staf  
Jabatan Pendaftar  
1 Januari 2016 hingga 7 Julai 2016



Dr. Siti Rabiattul Aisha binti Idris  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pelajar 5  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



Dr. Anwaruddin Hisyam  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pelajar 1  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



En. Muhamad Faisal bin Mohd Yasin  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pelajar 3  
1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016



## Alumni UMP Zon Utara bertemu perkukuh hubungan

Oleh: HALIZAN MOHMOOD

Hasil kejayaan program Alumni *Outreach Roadshow* yang dijalankan baru-baru ini di Kuantan, program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dengan kerjasama Persatuan Graduan Alumni UMP diteruskan ke Pulau Pinang sebagai destinasi kedua bagi usaha mengumpulkan alumni-alumni UMP memandangkan ianya merupakan lokasi tumpuan alumni pada 5 Mac 2016 yang lalu.

Menurut alumni UMP, Norhaiza Ghazali yang juga merupakan pensyarah UMP, kesempatan bertemu alumni ini memberi peluang kepada alumni berkongsi maklumat dan mengetahui perkembangan universiti.

“Di samping beramah mesra mereka turut berpeluang mendapatkan maklumat berkaitan program kerjasama dengan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) bagi memberi peluang kepada mana-mana alumni yang berminat untuk berkecimpung dalam dunia usahawan untuk mengembangkan kerjaya sebagai usahawan

dengan memberi bantuan dan bimbingan dari segi pengurusan dan kewangan,” katanya.

Program *UMP-MTDC Symbiosis* yang diperkenalkan ini bakal mengumpulkan 30 orang alumni bagi menubuhkan sepuluh syarikat yang memasarkan hasil penyelidikan UMP dengan geran pengkomersialan berjumlah RM 1.2 juta.

Sementara itu, bagi alumni tahun 2008, Mohd Khairul Ya’kub yang telah mempunyai syarikat sendiri iaitu KY Global Sdn. Bhd, peluang ini merupakan satu platform yang bagi mengembangkan perniagaannya di samping pertemuan dengan alumni dan wakil universiti membuka peluang untuk menyumbang kembali kepada universiti.

Begitu juga dengan alumni UMP, Law Kok Sin yang berkerjaya sebagai Penceramah Profesional di Mind Your Mind Sdn. Bhd. melihat pertemuan ini bukan sahaja sebagai sesi beramah mesra malahan memberi peluang untuknya mewujudkan dan melebarkan lagi jaringan perhubungan antara alumni dan universiti.

Majlis yang diadakan di Hotel Rainbow Paradise, Tanjung Bungah itu berjaya mengumpulkan lebih 20 orang alumni di Zon Utara menjadikan setakat ini seramai 100 alumni universiti berjaya dikumpul menerusi program ini.

Turut diadakan taklimat berkaitan *MyGift* UMP bagi memberi peluang kepada alumni untuk menyalurkan sumbangan kewangan kepada universiti.

Selain itu, program diteruskan di lain-lain zon termasuk Zon Selatan (Johor Bahru), Zon Sabah (Kota Kinabalu) dan Zon Tengah (Shah Alam) bagi mendapatkan sokongan dan usaha bagi mengumpulkan alumni UMP.



## Pertemuan Alumni UMP erat hubungan

Majlis *Hi-Tea East Coast Alumni Gathering* dan *UMP-MTDC Symbiosis Programme* yang diadakan di Hotel Ancasa Royale, Pekan pada 27 Februari 2016 yang lalu merupakan platform terbaik alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta menyumbangkan tenaga bagi pembangunan kerjaya, keusahawanan, kepimpinan dan aktiviti kemasyarakatan sosial kepada alma mater.

Pengarah program, Mohd Najib Razali berkata, program ini bertujuan mengeratkan silaturrahim di antara alumni UMP dan meningkatkan hubungan yang baik antara alumni dengan pihak universiti.

"Pertemuan ini juga dapat memberi peluang kepada pihak alumni mendapatkan pencerahan tentang program *MyGift* UMP serta mengadakan perbincangan rangkaian alumni untuk memberi nilai tambah kepada universiti," katanya.

Pada masa yang sama turut diadakan taklimat yang program *Symbiosis* disampaikan Penolong Naib Presiden Malaysia Trade Development Corporation (MTDC) iaitu Cik Norlia Mohd Shah yang

berkongsi tentang usaha membangunkan golongan usahawan teknologi membabitkan kalangan alumni.

Katanya, *UMP-MTDC Symbiosis Programme* yang diperkenalkan merupakan program pencarian 30 orang alumni untuk menubuhkan 10 syarikat yang memasarkan hasil penyelidikan UMP dengan geran pengkomersialan berjumlah RM 1.2 juta.

Pertemuan ini turut dijalankan di beberapa lokasi terpilih dalam negara mengikut bilangan alumni yang berada di sesuatu kawasan tersebut. Terdapat enam zon kawasan yang dikenalpasti iaitu Zon Tengah (Shah Alam), Zon Utara (Pulau Pinang), Zon Selatan (Johor Bahru), Zon Sabah (Kota Kinabalu) dan Zon Sarawak (Miri/Bintulu).

Alumni universiti, Muhammad Hadi Sulaiman, 26, melahirkan rasa amat gembira apabila berpeluang bertemu dengan rakan-rakan yang lain setelah beberapa tahun menamatkan pengajian.

Beliau berbangga dengan penganjuran program sebegini bukan sahaja dapat menemukan kembali antara satu sama lain malah dapat berkongsi idea dalam karier masing-masing.

Selain bercerita tentang kerjaya, mereka juga dapat mengetahui mengenai perkembangan universiti serta membincangkan tentang sumbangan yang dapat dimanfaatkan pelajar, graduan, alumni, universiti, dan masyarakat sekitar.

Lebih 100 alumni hadir dalam majlis yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah UMP merangkap Penasihat Persatuan Alumni, Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman.

# Muhammad Qusyairi bangga berkerja di syarikat antarabangsa PwC



Bergiat aktif dalam bidang kokurikulum sepanjang bergelar mahasiswa merupakan satu kelebihan yang harus dimanfaatkan sebaiknya. Anak kelahiran Pulau Pinang, Muhammad Qusyairi Hashim menjadikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai pilihan utama bagi menyambung pengajian kerana lokasi UMP yang menarik perhatian beliau.

Dalam kesibukan bekerja dan menjawat jawatan sebagai Audit Associates di firma perakaunan PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia, tidak menghalang beliau menjadikan hobi *backpacking* sekurang-kurangnya sekali setahun sebagai hobi.

Dalam usia mencecah 25 tahun, beliau berbangga kerana dapat berkerja di PwC yang merupakan syarikat antarabangsa yang beribu pejabat di London, United Kingdom dan mempunyai banyak cawangan di merata dunia.

Beliau bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah beliau juga bergiat aktif dalam bidang kokurikulum. Beliau merupakan salah seorang pendebat universiti dan pernah menjadi Johan Pertama Debat Gender peringkat Kebangsaan 2012, Johan Debat Gender peringkat Kebangsaan 2013, Johan Liga Pertandingan Debat Keamanan 2013 dan Pendebat Terbaik Keseluruhan Debat Diraja 2012.

Bukan itu sahaja, beliau juga pernah menjadi Presiden Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Presiden Kelab UNESCO (UMP-Chapter), Wakil Malaysia untuk 1UMP 1World Club dan Junior Office, Pejabat Antarabangsa, UMP.

Beliau yang memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri dari FSTI mengakui, beliau sebenarnya beralih bidang daripada Sains Industri ke bidang

Kewangan dan Perakaunan.

“Di PwC Malaysia, kami mengamalkan kepelbagaian. Walaupun kini saya terlibat dalam bidang kewangan, disebabkan kelayakan saya dalam bidang Sains Industri, saya diberikan pengkhususan dalam bidang tenaga, petroleum dan kejuruteraan,” katanya.

Anak kedua daripada tiga orang adik-beradik dan dilahirkan pada 7 April 1991 berharap UMP suatu hari nanti mampu menjadi antara universiti terbaik peringkat rantau Asia dengan pelbagai kemudahan serta kompetensi tenaga pengajar.

Katanya, pendekatan *practically* di UMP berjaya membantu pelajar kerana kebanyakan peralatan di UMP bertaraf industri sekali gus memudahkan pelajar untuk adaptasi dalam alam pekerjaan.

“Saya merupakan antara generasi pertama yang diberikan peluang untuk menggunakan Makmal Berpusat di UMP.

“Bagi saya dari segi kemudahan untuk akademik, UMP merupakan antara makmal di Pantai Timur yang mempunyai peralatan yang lengkap. Dari segi tenaga pengajar, UMP mempunyai keseimbangan antara pensyarah yang mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dan pensyarah muda yang saya rasakan berjaya membantu para siswazah,” katanya.

Selain itu, sewaktu menyandang jawatan *Junior Officer* di Pejabat Antarabangsa dan melaporkan tugas kepada Pengarah Pejabat Antarabangsa ketika itu, beliau telah diberikan pelbagai peluang yang dirasakan sangat berharga dalam membentuk diri beliau pada hari ini.

Contohnya, beliau dipertanggungjawabkan membentangkan kertas kerja Program Pejabat Antarabangsa kepada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi ketika itu.

Selain itu, beliau juga diberikan peluang menguruskan pelajar antarabangsa melalui 1UMP, 1World Club yang mana beliau merupakan wakil delegasi Malaysia.

Tambahnya, peluang-peluang inilah yang membantu beliau dalam menjalankan tugas beliau pada hari ini. “Ini kerana, saya kini dipertanggungjawabkan untuk menguruskan klien syarikat dari negara luar seperti Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat, Indonesia, Thailand, dan Arab Saudi.

“Dalam alam pekerjaan, kita perlu wujudkan fokus utama kita bekerja. Adakah sekadar mencukupi untuk menampung hidup atau kita mahukan lebih dari itu, sebagai contoh, untuk pergi lebih jauh dalam kerjaya kita?”

“Perkara utama yang saya amalkan di tempat kerja adalah kesediaan untuk bergerak ke hadapan. Sebagai contoh, buat masa sekarang, saya sedang melengkapkan pengajian saya dalam bidang perakaunan secara separuh masa dengan mengambil peperiksaan dan kelas *Association of Chartered Certified Accountant* (ACCA) dan insya-Allah, selepas tamat pengajian, saya bercadang untuk menyambung pelajaran saya untuk mendapatkan *Masters of Business Administration* (MBA),” katanya.

Tambah beliau sebelum mengakhiri wawancara, seandainya ada mahasiswa UMP yang mahu mengikut jejak langkah beliau, perkara utama yang penting adalah kesediaan.

“Bekerja dalam bidang ini menuntut seseorang meluangkan lebih banyak masa dan waktu berbanding waktu kerja biasa. Pada masa yang sama, seseorang itu perlulah bersedia bagi berurusan dengan pelbagai jenis klien daripada banyak negara dan industri,” ujar beliau.





## UMP relevan dengan permintaan industri masa kini - Ahmad Syafiq

Setelah hampir enam tahun memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia) daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP), Ahmad Syafiq Mohamad, 29 berbangga menggenggam segulung ijazah yang dimiliki beliau.

Hasil pembelajaran di UMP, beliau kini menjawat jawatan sebagai Pegawai Latihan di Dutch Lady Milk Industries Berhad yang merupakan antara syarikat gergasi pada peringkat antarabangsa.

Anak sulung daripada tiga adik-beradik bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah beliau juga bergerak aktif dalam bidang kokurikulum. Beliau menjadi sekretariat MPP semasa Tahun 1, Timbalan Setiausaha Bahagian (Pameran) untuk Expoconvo'07, Ketua Bahagian Logistik untuk Symbion'08 dan terlibat aktif dengan Kelab Rekreasi (TRex) dalam ekspedisi Gunung Tebu, Trans Chamah-Ulu Sepat dan beberapa aktiviti lain.

Jelas beliau, menguruskan acara besar seperti Expoconvo'07 memerlukan komitmen yang tinggi dan pengurusan yang terancang.

"Sebagai pegawai latihan, pengalaman tersebut banyak membantu saya terutamanya dalam pengurusan kelas dan seminar," katanya.

Dilahirkan pada 4 Mac 1987 di Melaka, dan dibesarkan di Pelabuhan Klang, beliau menyatakan *hands-one approach* serta makmal pembelajaran yang setaraf industri merupakan nilai unik dalam pendekatan pembelajaran dan kandungan kokurikulum yang memberi kelebihan pada graduan UMP.

Selain itu, sebab utama beliau menjadikan UMP pilihan universiti utama adalah kerana kursus yang ditawarkan UMP adalah relevan dengan permintaan industri masa kini.

"UMP mempunyai tenaga pengajar yang sangat berdedikasi dan berpengetahuan luas, bukan sahaja dalam bidang yang diajar, malahan dalam pemupukan *soft skills* pelajar.

"Kemudahan yang sentiasa ditambah baik setiap tahun secara sangat progresif seiring dengan jumlah pelajar yang semakin bertambah setiap tahun sangat membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran," katanya.

Tambah beliau lagi, pembawaan sendiri selepas tamat pengajian yang menentukan masa depan siswazah. Biarpun dengan CGPA yang tinggi, tidak menjamin tempat siswazah dalam industri. Siswazah perlu cekal mental dan fizikal serta mampu berhadapan dengan masalah serta sentiasa menunjukkan rasa belajar dan ambil tahu.

Beliau yang berhasrat mahu menubuhkan syarikat sendiri pada masa depan berpendapat, siswazah perlulah mempunyai sikap yang baik bagi mencari kerjaya yang diminati.

"Biarpun graduan UMP perlu bersaing dengan banyak graduan lain dari universiti yang telah lama bertapak di Malaysia, namun begitu, graduan-graduan UMP sudah pun menjadi mulut syarikat-syarikat ternama kerana pembawaan sikap yang positif dalam bekerja.

"Tugas graduan UMP seterusnya adalah memastikan kelestarian dan kesinambungan respons positif ini," katanya.




**STRATEGIC PERFORMANCE MANAGEMENT**

**Penulis** : Shahryar Sorooshian  
**ISBN** : 978-967-0691-79-4  
**Harga** : RM 43.00  
**Muka Surat** : 60  
**Bahasa** : Inggeris

**Sinopsis:**

Buku mini ini sesuai dijadikan rujukan oleh pelajar dan pemilik perniagaan berskala kecil. Kandungan buku yang ringkas dan padat mengenai strategi, prestasi dan pengurusan amat berguna kepada sasaran pembaca. Selain itu, penggunaan grafik dan gambar rajah menjadikan buku ini lebih mudah difahami.




**Mandarin 1**

**Penulis** : Yong Ying Mei dan Cheng Ching Yee  
**ISBN** : 978-967-0691-80-0  
**Harga** : RM45.00  
**Muka Surat** : 112  
**Bahasa** : Mandarin/Inggeris


**Sinopsis:**

Modul ini diterbitkan khusus kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa Mandarin untuk tujuan komunikasi. Modul ini juga disunting khas kepada pelajar siswazah. Reka bentuk dan silibus adalah berdasarkan format Ujian Kefasihan Bahasa Mandarin iaitu Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK) tahap 1, China. Modul ini mengandungi sepuluh bab dan setiap bab mempunyai dua perbualan ringkas, perbendaharaan kata, kemahiran bertutur, nota, dan latihan komprehensif.

**YASASHII NIHONGO 1: BAHASA JEPUN MUDAH 1**

**Penulis** : Mohd Iszuani Hassan  
**ISBN** : 978-967-0120-32-4  
**Harga** : RM30.00  
**Muka surat** : 92  
**Bahasa** : Jepun/Melayu/Inggeris  
**Sinopsis:**

Buku ini adalah buku rujukan asas kedua buku Jepun selepas buku Kihon Teki Na Nihongo 1 yang dihasilkan oleh Unit Bahasa Jepun Jabatan Bahasa Asing di Bawah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK). Buku ini berfungsi sebagai rujukan utama kepada pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk belajar dan memperoleh kemahiran komunikasi asas bahasa Jepun. Buku ini bermula dengan pengenalan tulisan Hiragana sebelum mendedahkan pelajar kepada frasa biasa di dalam kelas. Ilustrasi yang digunakan juga adalah bagi menarik minat pelajar supaya lebih memahami bahasa Jepun.

**ANJAKAN MINDA HUFFAZ BELIA MALAYSIA**

**Penulis** : Rashidi Abbas, Jamal Rizal Razali dan Muhammad Nubli Abdul Wahab  
**ISBN** : 978-967-0691-83-1  
**Harga** : RM18.00  
**Muka surat** : 102  
**Bahasa** : Melayu

**Sinopsis:**

Pembangunan negara dewasa ini sedang menuju ke era yang sangat pesat terutamanya pembangunan pendidikan negara. Kejayaan negara amat bergantung kepada sejauh mana komitmen pihak yang akan melaksanakan. Buku ini mengandungi sepuluh topik yang memaparkan konsep pendidikan dan persekitaran huffaz secara amnya. Perbincangan dalam konteks huffaz ini sebenarnya merangkumi aspek-aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat. Topik yang dibincangkan kebanyakannya bersifat terkini dan dianggap relevan kepada masyarakat untuk dijadikan pedoman untuk pembentukan anak-anak pada masa hadapan.

# Pembinaan Infrastruktur Lebih Kreatif



Oleh:  
Mohammad Affendy Omar  
affendi@ump.edu.my



Industri pembinaan merupakan pencetus pembangunan ekonomi dan komuniti. Pembinaan infrastruktur merupakan permintaan dan sumbangan pembangunan terhadap kemajuan perkembangan sosioekonomi negara. Justeru, penampilan bidang pengurusan infrastruktur berperanan sebagai salah satu program teknologi yang baharu di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Ia menentang pengurusan infrastruktur menerusi bidang pembinaan. Infrastruktur adalah penerapan teknologi awam yang mana meliputi kerja-kerja utiliti, perhubungan, pengangkutan, saluran dan pembentukan serta penyelenggaraan awam.

Semenjak dari era zaman batu, manusia sudah mula mencipta tempat kediaman dan infrastruktur dengan menggunakan sumber bumi sama ada kayu atau batu. Namun, pada hari ini pelbagai kaedah sains dan teknologi telah diterokai dan digunakan oleh manusia sejagat bagi membina bangunan dan juga kemudahan infrastruktur. Akal fikiran kita telah diterapkan oleh Allah SWT iaitu telah mengajar manusia supaya manusia menerokanya mengikut kemajuan teknologi bagi faedah kepada manusia seluruhnya. Alam bumi telah dihampar luas bagi kita untuk menyediakan perkakas, peralatan dan kelengkapan bagi kegunaan seharian. Perkembangan pesat dalam bidang pembinaan infrastruktur ini memperlihatkan prasarana aktif ketamadunan manusia pada zaman sekarang. Para teknologi dalam bidang pembinaan sangat aktif

dalam mengejar dan memajukan teknologi baharu sejajar dengan permintaan semasa manusia sejagat. Hasil dari cetusan idea dan pemikiran mereka ini maka terhasil pelbagai kaedah yang memudahkan lagi pembinaan infrastruktur dan juga meningkatkan kualiti pembinaan.

Kewujudan program seperti ini hasil proaktif sektor pembinaan infrastruktur yang memerlukan pengurus infrastruktur yang lestari, berdaya kreatif dan inovasi. Kesenambungan program ini merupakan cetusan pembinaan infrastruktur yang sentiasa berkembang maju dari satu teknologi ke teknologi yang baharu dan termoden. Perkembangan dalam bidang ini diperlukan terutama mengutamakan pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur. Di samping itu juga, program ini menentang pencapaian dalam merealisasikan pembangunan infrastruktur yang mapan demi kesejahteraan komuniti melalui kepimpinan, kerjasama, dan kreativiti dan inovasi. Pembelajaran inovasi menjadikan program ini bersifat kreativiti dan penemuan hasil pembelajaran amat bernilai dan boleh membantu menyelesaikan permasalahan industri.

Keunikan program ini menggunakan kaedah kreativiti menerusi pembelajaran dan pengajaran interaktif. Pelaksanaan penggunaan kuliah interaktif adalah bagi mencetus idea bagi pemikiran, penyelesaian masalah dan kemahiran komunikasi. Penerapan rekaan banyak menentang

penyediaan dokumentasi reka bentuk infrastruktur bermula dari sesi konseptual, reka bentuk akhir hingga ke aplikasi teknologi pembinaan. Pengarapan idea pelajar program ini juga diterapkan menerusi pengetahuan ikhtisas profesional iaitu penulisan laporan teknikal yang menjurus kepada aplikasi simulasi di industri.

Pembelajaran yang interaktif menerusi adaptasi permasalahan industri disimulasikan serta diselesaikan dengan tugas berbentuk ilmiah dan dipersembahkan kepada pihak industri. Integrasi ini menjadikan pemikiran pelajar-pelajar program lebih kreatif dan berfikir secara kritikal. Keberhasilan pembelajaran ini membolehkan ilmu diterokai dengan mencungkil kelemahan-kelemahan reka bentuk dan penambahbaikan boleh dibuat menerusi sesi kritis. Ini dapat menjadikan simulasi pembelajaran seperti situasi sebenar industri diluar iaitu kerja-kerja melaksana dan menyelaras kerja-kerja perancangan infrastruktur termasuk kerja-kerja dilakukan oleh perunding, proses reka bentuk dan penyediaan dokumen-dokumen yang dilaksanakan oleh perunding.

Kuliah interaktif bersama pensyarah-pensyarah program yang terlatih menerusi laman pembelajaran & pengetahuan universiti iaitu 'Knowledge & Learning Management System' (KALAM) digunakan bagi menggalakkan akses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai pemacu pembelajaran strategik bagi menyokong

dan menyumbang secara langsung kepada dapatan ilmu terkini.

Interaktif program ini menerusi pembelajaran di kuliah terutama melibatkan tugas menerusi berkumpulan. Interaksi berkomunikasi bersama pelajar-pelajar asing di dalam sesi kuliah memberikan penguasaan pelajar UMP berkemahiran berdialog secara semuka. Sesi pembentangan adalah hasil budaya memimpin yang ditekankan menerusi kepimpinan diterapkan dalam melakukan tugas berkumpulan. Pemikiran kreatif dan inovatif mengetengahkan daya laku tugas penyelidikan. Reka bentuk dan model rekaan simulasi diketengahkan bagi mencungkil bakat-bakat kreativiti dan inovasi. Pembelajaran interaktif melibatkan cetusan idea-idea awalan hingga proses reka bentuk diterapkan dengan daya kreatif, rujukan informasi teknologi terkini menerusi laman sesawang dan rujukan kepakaran pihak industri, kebijaksanaan dalam agihan tugas berkumpulan, skil psikomotor penggunaan alat makmal teknologi moden.

Dengan pelaksanaan program ini, pelajar yang mengikuti program ini diterapkan dengan kemahiran di bidang pengurusan infrastruktur iaitu memahami polisi reka bentuk dan perundangan, keupayaan pelajar untuk menjadi pemimpin di dalam pembangunan reka bentuk infrastruktur, keupayaan pelajar untuk menyelaras kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dan keupayaan untuk mengawasi kerja-kerja pembangunan reka bentuk infrastruktur. Di samping kemahiran berkomunikasi dengan bertutur dalam bahasa kedua dan asing di kuliah interatif dapat mengasah dan mengetengahkan bakat melakukan pembentangan dan aplikasi teknik persembahan.

Sesi pembentangan dalam kuliah memberikan suasana industri sebenar dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah program dan panel-panel jemputan industri. Sesi perbincangan dan kritikan serta sesi berkomunikasi ilmiah bersama panel-panel profesional jemputan industri merupakan intipati bagi penerapan program. Justeru, bagi melahirkan pemikiran pembelajaran sepanjang masa atau *'life long learning'*.


Di samping itu, program ini mampu untuk melahirkan pelajar yang memiliki bakat kreatif, inventif dan inovatif yang tinggi serta mewujudkan budaya pemikiran kreativiti, inventif dan inovasi untuk penulisan laporan teknikal.

Dengan pelaksanaan program ini di UMP, kewujudan kepakaran teknologi pengurusan infrastruktur dan khidmat perundangan dapat diperkembangkan. Kerjasama dari pihak industri mengukuhkan program lagi pengiktirafan di peringkat jaringan industri. Kemudahan infrastuktur yang terbaik boleh meningkatkan lagi peningkatan kecemerlangan ekonomi negara dimana ia boleh menyumbang kepada kepesatan hidup masyarakat yang semakin membangun.

Justeru, keberhasilan menerusi program ini akan mampu mengerakkan misi untuk meningkatkan pengantarabangsaan di UMP dan dapat bersaing dengan program pengajian di negara-negara maju yang lain.

*Penulis ialah Pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan UMP.*

**Para teknologi dalam bidang pembinaan sangat aktif dalam mengejar dan memajukan teknologi baharu sejajar dengan permintaan semasa manusia sejagat.**



# Sukarelawan: Peradaban Serta Sifat Ketamadunan



Oleh:  
DR. NOOR RAHA MOHD RADZUAN DAN  
WAN SYARIZA WAN YADRI

Bencana banjir besar yang menimpa sebahagian besar dari Semenanjung Malaysia terutamanya negeri-negeri Pantai Timur dan sebahagian negeri Pantai Barat dilaporkan sebagai bencana banjir terburuk dalam tempoh 100 tahun. Ia seolah-olah bencana Tsunami yang dialami oleh Bandar Aceh sepuluh tahun yang lalu. Kejadian banjir yang berlaku di negara kita baru-baru ini dikenali sebagai 'Tsunami Kecil' atau 'tsunami Bukit' adalah jolokan nama bencana banjir yang melanda negara kita baru-baru ini.

Pada peringkat pascabanjir, terdapat banyak bantuan daripada pihak kerajaan, NGO serta orang perseorangan disalurkan untuk membantu golongan ini. Operasi pemberian bantuan ini bermula pada hari pertama musibah ini berlaku, semasa banjir berlaku sehingga kini, selepas semua air banjir sudah surut. Operasi pascabanjir dikatakan lebih mencabar berdasarkan penilaian kemusnahan harta benda persendirian, harta benda awam, dan ini juga termasuk kehilangan nyawa yang tersayang semasa banjir besar berlaku. Sehingga hari ini, bantuan fizikal dari sukarelawan masih dialu-alukan untuk membantu kawasan yang teruk dilanda banjir. Terdapat pantas beribu-ribu sukarelawan dari IPTA, IPTS serta institusi NGO bergerak setiap hari memberikan sumbangan dan pertolongan kepada mangsa banjir tidak kira bangsa, agama dan fahaman politik.

Hal ini amat dituntut dalam Islam seperti firman Allah S.W.T. yang bermaksud, "Hendaklah kamu bertolong-tolong untuk membuat kebajikan dan bertaqwa." (Surah al-Maidah, ayat 2). Malah Nabi Muhammad S.A.W. juga bersabda yang bermaksud "Barang siapa yang tidak mengambil berat permasalahan orang Islam yang lain, maka dia bukan dari kalangan mereka". Ini amat jelas bahawa sebagai umat Islam dan rakyat Malaysia amnya, kita mestilah mengambil peduli mengenai hal ini serta memberikan pertolongan yang sebaik-baiknya.

Bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada pihak yang memerlukan, setiap sukarelawan mestilah melakukan dan mempunyai persediaan fizikal, mental, emosi dan rohani. Hal ini demikian kerana kesemua elemen tersebut akan sangat diperlukan dalam proses pemberian bantuan

tersebut. Jika kita mempunyai kekuatan minda serta fizikal, kita boleh menyumbang dari segi kekuatan fizikal dengan menyertai skuad-skuad sukarelawan. Namun demikian, dalam keghairahan membantu, kita sebagai sukarelawan haruslah membawa nilai-nilai peradaban yang baik untuk memastikan kewujudan kita sebagai sukarelawan akan diingati dan dihargai, bukannya dicela dan dikatakan mengambil kesempatan dari kesusahan orang lain.

## Persiapkan diri secara holistik

Ketika kita pergi ke tempat yang dilanda musibah untuk memberikan bantuan, para sukarelawan dinasihatkan untuk mempersiapkan diri masing-masing secara fizikal serta rohani dan mental. Sayangnya diingatkan bahawa para sukarelawan perlulah mempersiapkan diri secara holistik untuk menghadapi pelbagai kemungkinan. Secara fizikalnya, sukarelawan haruslah sihat dan tidak mempunyai penyakit berjangkit. Ini adalah kerana ia bukan sahaja akan memberi kesan atau membebaskan diri-sendiri malah ia mungkin akan memberikan jangkitan kepada sukarelawan yang lain. Malah, mangsa banjir juga cenderung untuk mendapat penyakit berjangkit itu.

Selain dari kekuatan dan kesihatan diri, para sukarelawan juga haruslah menyediakan barang keperluan diri seperti tuala, baju bersih, sabun untuk digunakan selepas proses membersihkan kawasan dilanda banjir. Kita tidak pula sepatutnya meminta barang-barang keperluan seperti itu dari pihak tuan rumah kerana tindakan ini akan menambahkan beban mereka.

Persiapan secara rohani juga amat penting. Sebelum ke tempat bencana, sukarelawan beragama Islam disarankan untuk mendirikan solat-solat sunat. Solat sunat adalah sangat dituntut sebagai salah satu cara untuk menyucikan hati individu. Selain itu, dengan melakukan solat sunat, kita dapat memperbetulkan niat kita iaitu untuk membantu mangsa dalam kesusahan seperti hadith yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dari Umar bin Al-Khattab R.a. Ia mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda maksudnya: "Sesungguhnya pekerjaan itu

bergantung kepada niat dan sesungguhnya setiap orang akan memperolehi hasil sesuai dengan niatnya itu."

Oleh itu, kita perlulah menyucikan hati dan memperbetulkan niat agar dapat menghasilkan seorang sukarelawan yang bukan sahaja ikhlas memberi bantuan tetapi juga melahirkan sukarelawan yang bersungguh-sungguh dalam menyempurnakan sesuatu kerja dan bantuan.

Dalam proses memberikan bantuan kepada mangsa banjir, kita haruslah pandai menjaga batas-batas syariat dalam Islam. Dalam kumpulan sukarelawan yang bercampur lelaki dan perempuan, para sukarelawan harus pandai menjaga gerak geri dan tingkah laku dalam pergaulan antara lelaki dan perempuan. Ini termasuklah batas-batas aurat dalam Islam. Dalam kesibukan menolong mangsa mangsa banjir, solat sebagai tiang agama tidak harus dilupakan. Janganlah kerana terlalu leka memberi pertolongan, kita lalai dengan tanggungjawab sebagai seorang hamba kepada Allah S.W.T. Sukarelawan juga dianjurkan untuk memperbanyakkan doa agar Allah S.W.T. memberi petunjuk dan memudahkan segala urusan bantuan yang bakal diberikan kepada mangsa bencana. Semoga bantuan yang akan diberikan akan memberi kebaikan kepada bangsa banjir.

## Bertindak sebagai kaunselor

Selain itu, apabila tiba di tempat bencana, kita sering melihat mangsa yang ditimpa bencana mengalami ketidakstabilan emosi dan fizikal. Ini akan menjadi lebih teruk jika bencana tersebut adalah bencana kali pertama yang pernah mereka alami. Ini akan mengakibatkan mangsa menjadi trauma, sedih dengan kehilangan harta benda dan sebagainya. Oleh itu, para sukarelawan yang menyertai misi-misi bantuan perlulah sensitif dengan keadaan ini dan bertindak sebagai kaunselor. Elakkan bertanya pelbagai soalan kerana mereka berada dalam keadaan tertekan. Sebaliknya, sukarelawan perlu melatih diri untuk mendengar luahan mangsa bencana dan perlu ada perasaan rendah diri terhadap mangsa bencana agar mangsa merasakan masih ada yang mengambil berat atau menghargai mereka. Selain itu,



sukarelawan juga boleh memberi kata-kata perangsang atau semangat kepada mangsa bencana agar mereka berasa gembira dan tidak putus harapan dengan apa yang berlaku. Selain itu, diingatkan juga bahawa sukarelawan dianjurkan untuk mencegah daripada sifat meninggi diri dengan mangsa banjir. Biarpun di tempat kerja, kita mempunyai pangkat dan gelaran, ini bukanlah masanya untuk kita menceritakan perihai diri sendiri. Harus diketahui bahasa fokus utama aktiviti sukarelawan ini adalah mangsa-mangsa bencana dan bagaimana cara terbaik untuk membantu mereka.

Bila tiba musim bencana, kita sering mendengar berita kurang enak seperti sikap 'pilih bulu', barangan bantuan disorokkan, hak dinafikan dan mangsa bencana dilayan tidak sama rata. Oleh itu, sukarelawan disarankan untuk sentiasa bersikap adil dan telus terhadap bantuan yang diberikan kepada mangsa bencana. Salah satu daripada pantang para sukarelawan ialah memberikan pertolongan secara selektif. Para sukarelawan tidak seharusnya mempunyai sikap 'pilih bulu' dalam pengagihan bantuan kepada mangsa bencana. Layanan dan bantuan hendaklah disalurkan secara adil dan saksama tanpa mengira latar belakang politik, agama dan bangsa.

Ketika banjir melanda, golongan seperti orang-orang tua, orang sakit, ibu-ibu yang sarat mengandung, bayi serta kanak-kanak adalah golongan yang boleh dikatakan lemah dari segi fizikal. Apabila fizikal lemah, secara emosionalnya, mereka lebih sensitif. Oleh itu, adab haruslah dijaga ketika bersama golongan ini contohnya, mereka haruslah didahulukan ketika pertolongan diberi. Sentiasa hormat pada mereka pada ketika itu dapat melegakan perasaan sedih dan gundah gulana akibat kejadian banjir. Selain bersedekah dengan kudrat, kita juga boleh bersedekah dengan senyuman. Membantu mangsa banjir bukanlah suatu tugas yang senang. Ia amat mencabar dan meletihkan. Mencabar minda dan fizikal. Oleh itu, sebagai sukarelawan, kita haruslah sentiasa bermanis muka kerana dengan senyuman, kita dapat pahala sedekah dan juga dapat meringankan beban mangsa banjir.

### Jauhi perasan riak

Apabila kita bersama dengan misi bantuan, anggaplah ia adalah sebagai satu tugas untuk kita. Oleh itu, buatlah tugas itu dengan sebaik mungkin. Pada ketika ini, memang banyak kumpulan penyelamat serta kumpulan bantuan memberikan pertolongan. Sebagai ahli kumpulan tersebut, jangan lah kita merasa riak kerana dapat membantu golongan yang dilanda musibah ini. Perasaan bangga kerana kumpulan kita membawa lebih banyak barang bantuan seperti makanan dan pakaian haruslah dibuang. Ini bukanlah masanya untuk kita mendabik dada dengan pertolongan kita kerana mangsa bencana tidak memfokuskan kepada perkara siapa lebih hebat dan lebih banyak memberikan bantuan. Pada masa ini, tumpuan mereka adalah bagaimana keadaan semasa mereka dan bagaimana untuk menghadapi hari hari mendatang. Oleh itu, sebagai sukarelawan, tumpukan fokus anda kepada semangat membantu golongan ini dan lupakan mengenai siapa lebih dan siapa kurang.

Sebagai ahli sukarelawan yang membawa bantuan secara pukal kepada mangsa-mangsa banjir, adalah juga digalakkan untuk kita membawa sedikit buah tangan sendiri seperti buah-buahan, kuih-muih atau gula-gula untuk dibawa sepanjang aktiviti kesukarelaan itu.

Contohnya gula-gula boleh diberikan kepada anak-anak kecil di sepanjang misi bantuan tersebut dan ini pasti akan membuatkan mereka tersenyum dan lebih gembira. Inilah matlamat aktiviti sukarelawan, untuk melihat mangsa-mangsa banjir tersenyum dengan kehadiran kita.

*Berselfie* sudah menjadi trend dalam kalangan masyarakat kini. Tetapi kita harus tahu bila dan di mana untuk kita *berselfie*. Janganlah *berselfie* ketika berada di kawasan ditimpa bencana. Ini bukan sahaja menunjukkan ketiada adaban kita, malah menjadikan bencana itu seolah-olah barang permainan kita. Apakah tujuan kita *berselfie* pada saat itu? Untuk berbangga yang kita telah sampai di tempat yang dilanda musibah? Sebagai sukarelawan, kita harus pandai menjaga tingkah laku agar tidak menghiris perasaan mereka lagi. Kita tidak tahu apakah yang terlintas di fikiran mangsa-mangsa banjir

itu ketika dilihat kita sedang *berselfie* dan ketawa berdekah-dekah.

Dalam kita bersemangat untuk membantu membersihkan tempat-tempat dilanda banjir, terdapat juga golongan yang tidak mampu untuk membantu mangsa banjir secara fizikal. Jika kita tidak mampu membantu dengan kekuatan tubuh badan, kita masih lagi boleh membantu mangsa banjir dengan cara lain, iaitu dengan menghulurkan bantuan kewangan. Bantulah sebanyak mana yang kita mampu dan ikhlas kerana hanya keikhlasan hati akan dipandang oleh Allah S.W.T., dan bukannya jumlah wang tersebut. Untuk golongan yang tidak mampu memberikan sumbangan fizikal, mereka masih lagi boleh berdoa kerana doa mempunyai peranan yang cukup hebat. Oleh itu, berdoalah untuk kesejahteraan dan keselamatan mangsa-mangsa banjir walaupun mereka tidak mengetahui akan doa kita. Ini amat dituntut dalam Islam sebagaimana hadis Rasulullah S.A.W. riwayat Muslim yang bermaksud, "Tidak ada seorang Muslim pun yang mendoakan kebaikan bagi saudaranya (sesama muslim) tanpa sepengetahuannya, melainkan malaikat akan berkata, "Dan bagimu juga kebaikan yang sama," (HR. Muslim no. 4912). Betapa hebatnya doa orang Islam untuk Muslimin yang lain yang mana Malaikat akan mengaminkan doa tersebut dan mendoakan kembali untuk pendoa tadi.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama menghulurkan bantuan kepada semua rakyat Malaysia yang telah mengalami bencana banjir. Pada saat inilah, kita sebagai rakyat Malaysia harus bersatu padu untuk membantu membangunkan semula semua yang telah diranapkan oleh banjir. Percayalah, terdapat banyak kebaikan yang dibawa oleh banjir besar kali ini jika kita melihat bencana ini sebagai titik tolak kepada perpaduan rakyat Malaysia. Semoga kita semua belajar dari kesilapan yang lalu untuk kesejahteraan di masa hadapan.

*Penulis adalah pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) juga ahli kumpulan penyelidikan KTP-TRANS B UMP.*



## Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:  
**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
Pejabat Naib Canselor  
Aras Bawah, Anjung Selatan  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 424 5000  
Faks : 09 424 5055  
e-Mel : [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)

   UMPMalaysia